

JURNAL ISTIFADAH
PENERBITAN PENYELIDIKAN

Volume 2 No. 1 2024M / 1446H

PUSAT PENYELIDIKAN
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

JURNAL ISTIFADAH

PENERBITAN PENYELIDIKAN

Volume 2 No. 1 2024M / 1446H

PUSAT PENYELIDIKAN
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

PENASIHAT

Dr. Hj. Ahmad Shahir bin Makhtar
Setiausaha Majlis Agama Islam Selangor

SIDANG EDITORIAL

Ketua Editor
Prof. Madya. Dr. Suhaili Bin Sarif
Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

Kumpulan Editor

• Prof. Madya TPr. Dr Lukman Hakim b. Mahamod
Pensyarah Kanan, Kuliyyah Senibina dan Reka Bentuk Alam Sekitar,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

• Prof. Ts. Ir. Dr Mardeni b. Roslee
Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan,
Universiti Multimedia Malaysia

• Dr. Siti Arpah bt. Noordin
Mantan Pensyarah, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti
Teknologi Mara

• Encik Mohd Hafiz b. Abdul Salam
Ketua Pusat Penyelidikan MAIS

• Puan Hjh. Noormala bt. Mohd Sa'ad
Ketua Bahagian Komunikasi Korporat MAIS

Pembantu Editor

• Cik Nureen Syamila bt. Mohd Sanusi Badilah, MAIS
• Puan Fardarina bt. Mokhri, MAIS

JURNAL ISTIFADAH

JURNAL ISTIFADAH adalah sebuah jurnal ilmiah yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Ia memuatkan tentang beberapa hasil artikel penyelidikan yang ditulis oleh pihak penyelidik yang dipilih MAIS yang menyentuh isu-isu semasa seperti permasalahan akidah, syariah, muamalat dan akhlak Islam yang berlaku di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun, artikel yang diterbitkan tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian MAIS.

ISSN 3030-6477

Pusat Penyelidikan
Majlis Agama Islam Selangor

Diterbitkan Oleh:
Majlis Agama Islam Selangor
Tingkat 9 & 10, Menara Utara
Bangunan Sultan Idris Shah
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5514 3400

Dicetak Oleh:
Print Expert Sdn Bhd
20, Jalan Bunga Tanjung 2/16
Seksyen 2, 40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

JURNAL ISTIFADAH ini diterbitkan sekali setahun.

@ Hak cipta Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Agama Islam Selangor.

KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH.....II

PRAKATA IV

TADBIR URUS INTEGRITI AHLI JAWATANKUASA DILANTIK OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) BAGI TANGGUNGJAWAB MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR.....1

Dr. Sahlawati Abu Bakar, Dr. Saifulah Samsudin, Prof. Madya. Dr. Mariam Abd. Majid & Dr. Mohamad Sofuan Mohamad Saleh..... 1

PENILAIAN PENGANJURAN FESTIVAL BON ODORI DI MALAYSIA DARI ASPEK KEAGAMAAN DAN KEBUDAYAAN 37

Prof. Madya. Dr. Mohd Abdul Nasir Abd Latif, En. Muhammad Hasbi Abdul Rahman, En. Muhammad Nadzir Ibrahim, Prof. Madya. Dr. Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Prof. Madya. Dr. Mohd Rosmizi Abd Rahman, Dr. Mohd Hapiz Mahaiyadin, Dr. Abu Hanifah Haris & Dr. Asmadi Hassan 37

MENEROKA FAKTOR-FAKTOR PSIKOLOGI, SOSIAL DAN SPIRITUAL BUNUH DIRI DALAM KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGERI SELANGOR 93

Prof. Madya. Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Dr. Arena Che Kasim, Dr. Norulhuda Sarnon @ Kusenin, Dr. Hilwa Abdullah @ Mohd Noor & Dr. Muhammad Ajib Abd Razak 93

BIODATA KETUA PENYELIDIK.....131

SEKAPUR SIRIH

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya rafakkan ke hadrat Allah S.W.T. atas izin-Nya maka Jurnal Istifadah ini dapat diterbitkan dan direalisasikan setelah penerbitan pertamanya pada tahun 2023 dengan nama lain iaitu Penerbitan Penyelidikan MAIS.

Penerbitan jurnal ini merupakan himpunan artikel yang merangkumi pelbagai tajuk dan bidang seperti akidah, syariah dan muamalat yang amat berguna dan sesuai untuk dimanfaatkan pembaca. Ia juga merupakan inisiatif yang baik dan amat bermakna sebagai satu wahana untuk mengukuhkan pengetahuan pembaca mengenai isu semasa Islam di negeri Selangor.

Menuntut ilmu merupakan sebaik-baik amalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah S.W.T.dan juga sebesar-besar ketaatan. Hal ini kerana, orang yang menuntut ilmu agama dengan benar dan ikhlas dengan tujuan untuk beramal dan menyampaikannya, adalah termasuk dalam kalangan pewaris nabi dan rasul. Hadis daripada Abu Darda' r.a., Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya ulama adalah pewaris nabi-nabi, sesungguhnya para nabi tidak mewariskan dinar dan dirham, mereka mewariskan ilmu maka sesiapa yang mengambilnya akan mendapat keuntungan yang melimpah ruah."

(Riwayat al-Tirmizi)

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelidik dan kumpulan editorial yang bertungkus-lumus merancang, mengatur dan melaksana semua aktiviti di dalam penghasilan penerbitan Jurnal Istifadah ini.

Semoga dengan penerbitan jurnal ini dapat memberi panduan dan ilmu yang bermanfaat serta menjadi rujukan kepada pembaca mengenai isu semasa Islam di Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

Dr. Hj. Ahmad Shahir bin Makhtar
Setiausaha
Majlis Agama Islam Selangor

PRAKATA

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam yang memberikan kita nikmat yang tidak terkira banyaknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, pesuruh Allah S.W.T. dan hamba-Nya, menyinari alam dengan risalah Islam.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi di atas kejayaan menerbitkan Jurnal Istifadah. Penerbitan jurnal ini merupakan hasil penyelidikan yang telah dijalankan oleh pihak penyelidik yang dilantik oleh MAIS.

Hasilnya juga telah dijadikan panduan bagi MAIS dalam menyelesaikan isu-isu umat Islam di Negeri Selangor. Pemilihan, saringan dan semakan artikel di dalam buku ini dijalankan melalui kumpulan editor yang telah dilantik.

Adalah diharapkan bahawa Jurnal Istifadah ini dapat mengorak langkah untuk menerbitkan jurnal yang berkualiti oleh MAIS. Usaha ini adalah penting dalam menyampaikan dan menyebarluaskan maklumat berkaitan pengurusan dan pentadbiran Agama Islam di Selangor khasnya dan Malaysia amnya.

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) juga ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Jurnal Istifadah. Semoga hasrat dan tujuan utama penerbitan buku ini berjaya dicapai dan sentiasa diberkati oleh Allah SWT.

Ketua Editor
Prof. Madya. Dr. Suhaili Bin Sarif
Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

TADBIR URUS INTEGRITI AHLI JAWATANKUASA DILANTIK OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) BAGI TANGGUNGJAWAB MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR

Dr. Sahlawati Abu Bakar,
Dr. Saifulah Samsudin,
Prof. Madya Dr. Mariam Abd. Majid
& Dr. Mohamad Sofuan Mohamad Saleh

TADBIR URUS INTEGRITI AHLI JAWATANKUASA DILANTIK OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) BAGI TANGGUNGJAWAB MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR

Sahlawati Abu Bakar[1*], Saifulah Samsudin[2], Mariam Abd. Majid[3] & Mohamad Sofuan Mohamad Saleh[4]

[1]Jabatan Al-Quran dan Al-Selangor, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor,
[2]Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor,
[3]Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor,
[4]Jabatan Perakaunan & Kewangan, Fakulti Pengurusan & Muamalah, Universiti Islam Selangor.
**Corresponding author*: sahlawati@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap integriti ahli jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dalam mengurus tadbir masjid dan surau di Negeri Selangor. Integriti dalam tadbir urus masjid dan surau adalah kritikal untuk memastikan amanah dan tanggungjawab yang diberikan dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Data kajian dikumpulkan melalui kaedah kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan ahli jawatankuasa terhadap tadbir urus integriti adalah memuaskan, namun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam amalan integriti. Faktor-faktor yang menyumbang kepada amalan integriti juga dikenal pasti dan cadangan penambahbaikan telah dikemukakan.

Kata kunci: *Integriti, Tadbir Urus, Masjid, Surau, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)*

PENGENALAN

Integriti merupakan elemen penting dalam tadbir urus yang baik, khususnya dalam institusi keagamaan seperti masjid dan surau. Di Selangor, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memainkan peranan utama dalam melantik ahli jawatankuasa masjid dan surau untuk memastikan pengurusan yang berkesan. Kajian ini meneliti tahap integriti dalam kalangan ahli jawatankuasa ini dan bagaimana ia mempengaruhi pengurusan masjid dan surau di negeri ini.

PENYATAAN MASALAH

Setiap ahli jawatankuasa masjid dan surau yang dilantik perlu melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik. Mereka harus menguruskan hal ehwal pentadbiran dan kewangan masjid dan surau mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Kutipan wang di seluruh masjid dan surau di negeri Selangor direkodkan melebihi 10 juta setahun. Namun demikian, terdapat pelbagai aduan mengenai pengurusan pentadbiran dan kewangan masjid dan surau yang menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan masyarakat (Asharaf Mohd Ramli et al., 2020; Joni Tamkin et al., 2011).

Terdapat beberapa kes di mana ahli jawatankuasa masjid terlibat dalam penyalahgunaan dana masjid, yang telah mengikis kepercayaan masyarakat terhadap institusi tersebut (Mat Nor et al, 2022). Misalnya, laporan daripada Audit Negara menunjukkan terdapat ketidakpatuhan dalam pengurusan kewangan masjid di beberapa daerah di Selangor, di mana dana yang diperuntukkan untuk aktiviti-aktiviti tertentu tidak digunakan secara optimum (Audit Negara, 2019).

Justeru itu, timbul persoalan berkaitan amalan integriti ahli jawatankuasa masjid dan surau. Apakah tahap pengetahuan ahli jawatankuasa terhadap keperluan berintegriti ketika melaksanakan tanggungjawab pengurusan dan kewangan? Di samping itu, timbul juga persoalan lain iaitu bagaimanakah amalan integriti ahli jawatankuasa? Tidak dinafikan terdapat kelemahan dalam pentadbiran masjid sehingga berlakunya isu integriti. Kajian oleh Solahudin et al., (2019)

menunjukkan bahawa kelemahan utama dalam pengurusan masjid adalah kurangnya latihan dan bimbingan yang diberikan kepada ahli jawatankuasa mengenai tata kelola yang baik dan prinsip integriti. Oleh yang demikian, kajian turut meneliti faktor kelemahan dalam pentadbiran masjid dan surau yang menimbulkan isu integriti ini.

Selain itu, amalan budaya yang kurang menitikberatkan soal integriti dalam pengurusan turut menyumbang kepada masalah ini. Misalnya, budaya 'kekeluargaan' dalam pentadbiran yang mana jawatankuasa sering terdiri daripada ahli keluarga atau kenalan rapat, boleh menyebabkan konflik kepentingan dan ketelusan yang rendah. Faktor-faktor ini memperkuatkan lagi keperluan untuk memperkasakan pemahaman dan amalan integriti dalam kalangan ahli jawatankuasa masjid dan surau.

Berdasarkan kepada isu dan permasalahan yang dinyatakan, kajian ini wajar dilakukan kerana ianya merupakan satu keperluan bagi mencari solusi kepada permasalahan tersebut. Hasil kajian ini memberikan implikasi terhadap sikap ahli jawatankuasa masjid dan sumbangan yang signifikan kepada Majlis Agama Islam Selangor bagi meningkatkan dan memperbaiki pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi objektif berikut:

a. Mengenal pasti tahap pengetahuan ahli jawatankuasa terhadap tadbir urus integriti di masjid dan surau di negeri Selangor.
b. Mengkaji amalan tadbir urus integriti di masjid dan surau di negeri Selangor.
c. Menganalisis faktor penyumbang terhadap amalan tadbir urus integriti di masjid dan surau di negeri Selangor.
d. Mencadangkan penambahbaikan yang boleh dibuat daripada aspek amalan tadbir urus integriti di masjid dan surau di negeri Selangor.

SKOP KAJIAN

Kajian ini tertumpu kepada ahli jawatankuasa yang dilantik oleh MAIS untuk mengurus tadbir masjid dan surau di Negeri Selangor. Data kajian dikumpulkan dari pelbagai masjid dan surau di negeri ini.

TINJAUAN LITERATUR

Konsep Integriti

Integriti didefinisikan sebagai pengetahuan, kesedaran, dan komitmen yang kukuh terhadap nilai-nilai murni bagi mencapai kecemerlangan diri dan organisasi (Halimatus Saadiah Mat Saad & Zainudin Awang, 2017). Nilai-nilai utama integriti meliputi amanah, jujur, bertanggungjawab, dan bertolak ansur (Samah & Don, 2020). Integriti melibatkan dua aspek utama: integriti individu dan organisasi. Kepimpinan yang berlandaskan prinsip integriti adalah selaras dengan Maqasid Syariah, sesuai dengan ajaran Islam yang menekankan kejujuran dan amanah (Othman, 2012). Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Anfaal: 27 mengenai pentingnya tidak mengkhianati amanah, sementara hadis Riwayat Al-Bukhari menggariskan sifat-sifat munafik yang perlu dijauhi.

> Maksud Hadis: "Bahawa itu adalah suatu amanah dan di hari kiamat akan menjadi kerugian dan penyesalan, kecuali bagi orang yang mengambilnya dengan cara hak serta menunaikan kewajipan yang dipikul di atas bahunya". (Riwayat Muslim)

Integriti dan tadbir urus adalah berkait rapat. Tadbir urus yang baik diperlukan bukan sahaja dalam sektor awam dan swasta tetapi juga dalam institusi keagamaan seperti masjid. Masjid bukan sahaja pusat ibadah tetapi juga rujukan dalam pengurusan dan pentadbiran, serta pusat perkembangan ilmu, ekonomi, dan pemupukan institusi sosial (Joni Tamkin et al., 2011). Oleh itu, pengurusan masjid yang cekap dapat mengembangkan syiar Islam. Masjid mesti diurus dengan amanah dan ikhlas, berdasarkan nilai-nilai integriti dalam tadbir urus, yang berpandukan al-Quran dan hadis (Hussin et al., 2014).

Nilai integriti dalam Islam melibatkan tiga elemen utama: kesucian, amanah, dan kebijaksanaan (Halimatus Saadiah Mat Saad & Zainudin Awang, 2017). Amanah adalah nilai utama yang memastikan pemimpin organisasi mendapat kepercayaan dalam melaksanakan tanggungjawab. Pemimpin berintegriti mampu menyimpan kerahsiaan, memaafkan, adil, dan sabar. Prinsip-prinsip integriti dalam pengurusan Islam termasuk nilai insaniah, nilai tawhidik, syura, dan budaya istiqamah, yang dapat meningkatkan kualiti kerja pekerja (Samah & Don, 2020).

Dalam Islam, amanah melibatkan dua aspek: amanah kepada Allah dan amanah kepada manusia. Amanah kepada Allah meliputi Iman, Islam, Ihsan, dan Takwa, manakala amanah kepada manusia melibatkan adil, bertanggungjawab, berintegriti, dan akauntabiliti. Sejarah kepimpinan Islam menunjukkan institusi hisbah memainkan peranan penting dalam memantau kecekapan dan ketelusan pemerintah (Rahman, 2018). Othman (2012) menyatakan bahawa program nilai murni seperti Penghayatan Nilai Amanah dan Penghayatan Kerja Sebagai Ibadah boleh memperkuatkan integriti dalam perkhidmatan awam.

Integriti dalam pekerjaan bukan sekadar melibatkan diri individu tetapi juga tindakan baik dalam kerja, berkait rapat dengan ajaran agama dan tanggungjawab manusia (Ayop et al., 2016). Sistem etika Islam berbeza dengan Barat, berasaskan niat, kebebasan dalam batasan, dan ketaatan kepada Allah (Mohd Fauzwadi & Muhammad, 2021). Kepimpinan beretika yang mengutamakan isu moral, prinsip, dan etika adalah kunci kepada masyarakat yang beretika. Elemen rohani, sosial, dan intelek perlu digilap untuk menanam nilai peribadi dalam organisasi (Halimatus Saadiah et al., 2013).

Konsep Integriti dalam Tadbir Urus

Integriti, atau jati diri, adalah elemen penting dalam sistem tadbir urus yang baik bersama dengan akauntabiliti dan ketelusan (Omri & Mabrouk, 2020). Ia memperkuat pelaksanaan kerangka tadbir urus, memastikan organisasi beroperasi dengan berkesan dan efisien (Tan et al., 2022). Tanpa integriti, organisasi menghadapi risiko tinggi terhadap

amalan negatif seperti penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, dan rasuah. Dalam konteks pekerjaan, integriti melibatkan sifat-sifat positif individu berdasarkan nilai-nilai sejagat, yang sangat berkait rapat dengan kejujuran dan ketulusan (Huberts, 2018).

Tadbir Urus dan Objektifnya

Tadbir urus adalah proses mengurus dan mengawal selia organisasi untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan (Ali, 2021). Ia melibatkan pelaksanaan dasar, polisi, dan pelan strategik dengan garis panduan dan prosedur operasi standard (Beshi & Kaur, 2020). Tadbir urus yang efektif memastikan objektif organisasi tercapai dengan mengambil kira kepentingan pihak berkepentingan (Kyere & Marcel, 2021). Ia juga penting untuk mencegah penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan, serta mengoptimumkan pencapaian matlamat organisasi (Benjamin et al., 2021).

Elemen-elemen Integriti dalam Tadbir Urus

Integriti, akauntabiliti, dan ketelusan adalah prinsip utama tadbir urus yang baik (Omri & Mabrouk, 2020). Integriti dalam tadbir urus melibatkan keikhlasan dan objektif dalam pelaksanaan pentadbiran (Fabrice et al., 2020). Sifat kejujuran dan kebolehpercayaan adalah penting dalam memastikan komitmen kaki-tangan terhadap tugas yang diberikan. Kejujuran melibatkan ketulusan dan amanah, manakala kebolehpercayaan merangkumi komitmen terhadap nilai-nilai yang dipegang (Albaity et al., 2021; Kano & Oh, 2020).

Budaya Integriti dalam Organisasi

Budaya integriti mengarah kepada pembentukan kakitangan berprinsip, beretika, dan berakhlak mulia (Oh & Park, 2022). Ini membantu mewujudkan suasana kerja harmoni dan meningkatkan kerjasama di kalangan kakitangan, menghasilkan output yang terbaik untuk organisasi (Moggi et al., 2022). Integriti mencegah amalan negatif dan mempromosikan nilai-nilai murni, membantu mencipta persekitaran kerja yang baik dan cemerlang (Sarhan & Basil, 2021).

Kepentingan Integriti dalam Tadbir Urus

Integriti memastikan kakitangan tidak terlibat dalam amalan yang melanggar garis panduan organisasi atau undang-undang (Liu et al., 2022). Ia juga membantu dalam mempromosikan budaya kerja positif, yang merupakan aset penting dalam sistem tadbir urus organisasi (Andreas & Christian, 2020). Tadbir urus yang berkesan meningkatkan kemapanan organisasi, keupayaan pengurusan, dan penyampaian perkhidmatan, memastikan kepentingan semua pihak berkepentingan dipenuhi (Villiers & Dimes, 2021; Zhou et al., 2021).

Integriti dalam Amalan Tadbir Urus Masjid

Topik ini membincangkan tadbir urus masjid, tanggungjawab ahli jawatankuasa yang dilantik, dan isu integriti dalam tadbir urus masjid.

Tadbir Urus Masjid

Masjid merupakan institusi sosial penting yang berperanan sebagai pusat ibadah, penyebaran ilmu, pentadbiran, pembangunan sosio-ekonomi, dan pelbagai aktiviti komuniti (Paimuzi, 2017; Solahudin et al., 2019). Ia juga berfungsi sebagai medan terbuka untuk aktiviti dan program yang melangkaui pengajian ilmu harian dan sambutan hari-hari kebesaran Islam (Norita Kamaruddin & Ahmad Fahmi Mohammad, 2019). Selain itu, masjid yang mempunyai tanah luas boleh menggalakkan aktiviti ekonomi dan sosial (Nuryaqazah et al., 2019). Oleh itu, pengurusan masjid memerlukan tadbir urus yang profesional dan terancang agar ia dapat berfungsi sebagai nadi penggerak dalam kehidupan masyarakat (Abdul Munir, 2012). Tadbir urus masjid di Malaysia dipandu oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) berdasarkan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Halim, 2018). Aspek ini melibatkan punca kuasa, peranan ahli jawatankuasa, manual had kuasa tadbir urus, pengauditan, dan pelaporan, serta menuntut nilai integriti dalam pengurusan dana dan tanggungjawab ahli jawatankuasa (Sahlawati et al., 2022). Penambahbaikan berterusan perlu dilaksanakan bagi memastikan amalan pengurusan kewangan berjalan

dengan efektif, sekaligus menyumbang kepada pembangunan dan pembentukan modal insan (Siraj et al., 2008).

Struktur Organisasi dan Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa yang Dilantik

Setiap masjid mempunyai struktur organisasi yang ditetapkan oleh MAIN, termasuklah jawatan Nazir, Timbalan Nazir, Setiausaha, Bendahari, dan ketua biro. Ahli jawatankuasa masjid bertanggungjawab mentadbir masjid, menguruskan harta dan dana masjid, serta menjalankan kutipan wang khairat, penyelenggaraan masjid, pengurusan tanah wakaf, dan perkuburan dengan kebenaran MAIN. Kajian menunjukkan bahawa orientasi agama yang kuat di kalangan pekerja mempengaruhi tingkah laku mereka di tempat kerja. Namun, terdapat masalah dalam pengurusan kewangan masjid, di mana dana yang dikumpulkan sering kali tidak digunakan dengan cekap dan lebih cenderung disimpan di bank (Hussin et al., 2014).

Pengurusan Kewangan Masjid

Pengurusan kewangan yang baik adalah penting untuk kejayaan operasi masjid (Salawati, 2009). Masjid memerlukan sistem pengurusan kewangan yang tersusun untuk membiayai perbelanjaan dan menjamin kelangsungan aktiviti yang memberi manfaat kepada masyarakat (Hydzulkifli Hashim Omar et al., 2015). Sumber dana masjid termasuk peruntukan umum, sumbangan berkala, dan keuntungan aktiviti, yang boleh dibelanjakan secara umum atau khusus. Perbelanjaan dana masjid boleh dikategorikan kepada pengurusan (*idari*), kemasyarakatan (*ijtima'i*), dan penjanaan pendapatan serta pelaburan (*tijari* dan *istithmari*) (Asharaf, 2013; Hydzulkifli Hashim Omar et al., 2015).

Masalah Pengurusan Masjid

Masalah utama yang dihadapi oleh institusi masjid termasuk sumber tenaga manusia yang terhad dan ahli jawatankuasa yang terdiri daripada orang-orang tua yang kurang proaktif (Asharaf Mohd Ramli et al., 2020). Selain itu, terdapat kekurangan pengetahuan asas perakaunan di kalangan bendahari masjid yang menyebabkan rekod kewangan tidak

terurus dengan baik (Asharaf Mohd Ramli et al., 2020). Ketiadaan garis panduan Syariah yang jelas juga menyumbang kepada ketidaklancaran pengurusan kewangan masjid (Asharaf, 2020). Sebagai contoh, pengurusan tanah wakaf dan infak dari orang ramai perlu dilakukan mengikut prosedur yang betul untuk memastikan dana digunakan secara optimum (Fidlizan & Mohd Yahya, 2009).

Penambahbaikan Pengurusan Kewangan

Kajian menunjukkan terdapat kelemahan dalam amalan pengurusan kewangan masjid di Malaysia, termasuk dari aspek sistem kawalan belanjawan dan perakaunan (Siti Alawiah Siraj et al., 2009; Norman et al., 2013). Penambahbaikan perlu dilakukan melalui peningkatan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan kewangan di semua peringkat pengurusan masjid, penyediaan peraturan kawalan dalaman, dan sesi latihan praktikal (Siti Alawiah Siraj et al., 2009). Pihak pengurusan masjid juga perlu mempunyai pengetahuan Syariah yang jelas dalam menguruskan pendapatan dan perbelanjaan masjid untuk memastikan amalan pengurusan kewangan dilaksanakan dengan berkesan (Asharaf Mohd Ramli et al., 2020).

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian metodologi membincangkan reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data, kaedah analisis data, kaedah penganalisisan data dan kesahan dan kebolehpercayaan data.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpulkan data objektif melalui kajian tinjauan. Penyelidik menggunakan soal selidik yang dipecahkan kepada empat konstruk utama: tahap pengetahuan, amalan integriti, faktor penyumbang, dan cadangan penambahbaikan. Reka bentuk ini sesuai untuk menganalisis tahap pengetahuan dan amalan responden.

Kaedah Pengumpulan Data

Data dikumpulkan menggunakan soal selidik yang dibangunkan berdasarkan persoalan kajian. Soal selidik ini dibahagikan kepada empat konstruk utama untuk menjawab objektif kajian. Kaedah persampelan rawak kelompok digunakan untuk memilih sampel dari populasi Nazir masjid di Selangor, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Persampelan strata memastikan representasi yang tepat bagi setiap jenis masjid.

Jadual 1: Persampelan Kajian

MASJID/ DAERAH	SABAK BERNAM	KUALA SELANGOR	KLANG	KUALA LANGAT	SEPANG	HULU LANGAT	GOMBAK	HULU SELANGOR	PETALING	JUMLAH	RINTIS	SEBENAR
NEGERI	-	-	-	-	-	-	-	-	1	1	-	1
DIRAJA	-	-	1	1	1	-	-	-	1	4	-	3
DAERAH	1	1	1	1	1	1	1	1	1	9	-	3
NAIK TARAF	-	1	3	-	1	3	3	2	13(3)	26	-	9
INSTITUSI	-	1	-	-	4	5	2	-	2	17	-	7
KARIAH	47	56	45(20)	31	21(20)	45	40	22	69	376	40	130
JUMLAH	48	59	50	33	28	54	46	25	90	433	-	
RINTIS	-	-	20	-	20	-	-	-	-	-	40	
SEBENAR	20	20	5	20	2	25	15	15	31			153

Jadual 1 menunjukkan jumlah persampelan rintis dan sebenar untuk pelbagai kategori masjid dengan jumlah keseluruhan sebanyak 433 sampel, termasuk 40 sampel rintis dan 153 sampel sebenar. Sampel mewakili kategori masjid negeri, diraja, daerah, naik taraf, institusi dan kariah. Daerah yang terlibat ialah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat, Sepang, Hulu Langat, Gombak, Hulu Selangor dan Petaling.

Kaedah Penganalisisan Data

Data dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS versi 25, dengan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawaian untuk konstruk 1 dan 2. Interpretasi min dilakukan berdasarkan nilai yang diberikan dalam Jadual 2. Analisis tematik

digunakan untuk konstruk 3 dan 4, serta ujian normaliti dan homogeniti seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 2: Interpretasi min (Moidunny, 2009)

Nilai Min	Interpretasi min
1.00-1.80	Sangat rendah
1.81-2.60	Rendah
2.61-3.20	Sederhana
3.21-4.20	Tinggi
4.21-5.00	Sangat tinggi

Jadual 3 : Ujian Normaliti Berdasarkan *Skewness* dan *Kurtosis*

`		**Statistic**	**Std.Eror**
Tahap Pengetahuan Tadbir Urus	Skewness	-.579	.196
	Kurtosis	-.935	.390
Tahap malan Tadbir Urus	Skewness	-.847	.196
	Kurtosis	.503	.390

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan kandungan instrumen dilakukan melalui semakan pakar dan kajian rintis. Kajian rintis melibatkan 31 ahli jawatankuasa masjid dan surau yang menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang tinggi, menandakan kebolehpercayaan yang baik seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4: Dapatan Skor Alpha Cronbach

N: 31	**Nilai *alpha***	**Bil. Item**
Pengetahuan Terhadap Dasar/Peraturan	.842	7
Pengetahuan Terhadap Kuasa Pemantauan Dan Tindakan	.850	6
Pengetahuan Terhadap Had Kuasa Masjid	.786	6
Pengetahuan Terhadap Integriti	.764	6

Melalui metodologi yang teliti, kajian ini memastikan data yang dikumpul adalah sah dan boleh dipercayai, memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap pengetahuan dan amalan integriti ahli jawatankuasa masjid di Selangor. Hasil kajian ini memberikan panduan kepada Majlis Agama Islam Selangor untuk memperbaiki tadbir urus masjid dan surau di masa hadapan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian iaitu demografi responden, tahap pengetahuan ahli jawatankuasa terhadap tadbir urus integriti, amalan tadbir urus integriti, faktor penyumbang terhadap amalan tadbir urus integriti dan penambahbaikan yang boleh dibuat daripada aspek amalan tadbir urus integriti di masjid dan surau di Negeri Selangor

Demografi Responden

Data yang diperoleh merangkumi umur, tahap pendidikan, tempoh menjawat jawatan, status pekerjaan, kategori masjid, dan daerah lokasi masjid.

Jadual 5: Maklumat Latar Belakang Responden

	Profil Responden	Kekerapan n	Peratusan %
Umur	30 - 40 tahun	22	14.4
	41 - 50 tahun	35	22.9
	51 - 60 tahun	44	28.8
	Lebih daripada 60 tahun	52	34.0
Tahap Pendidikan	SPM	24	15.7
	Diploma	30	19.6
	Sarjana Muda	66	43.1
	Sarjana	23	15.0
	Doktor Falsafah (PhD)	7	4.6
	Tiada semuanya	3	2.0
Tempoh menjawat jawatan Nazir masjid	1 - 3 tahun	79	51.6

	4 - 6 tahun	36	23.5
	Lebih daripada 6 tahun	38	24.8
Status pekerjaan	Badan kerajaan	45	29.4
	Swasta	23	15.0
	Persendirian	29	19.0
	Pesara	55	35.9
	Lain-lain	1	0.7
Kategori masjid	Daerah	5	3.3
	Diraja	2	1.3
	Pengurusan (Naik taraf)	8	5.2
	Institusi	7	4.6
	Kariah	131	85.6
Daerah lokasi masjid	Petaling	28	18.3
	Kuala Langat	19	12.4
	Kuala Selangor	20	13.1
	Hulu Langat	29	19.0
	Hulu Selangor	18	11.8
	Sabak Bernam	20	13.1
	Gombak	16	10.5
	Klang	3	2.0

Jadual 5 menunjukkan bahawa majoriti responden berumur lebih daripada 60 tahun (34.0%), diikuti oleh responden berumur 51 hingga 60 tahun (28.8%), 41 hingga 50 tahun (22.9%), dan 30 hingga 40 tahun (14.4%). Kebanyakan responden memiliki kelayakan Sarjana Muda (43.1%), diikuti oleh mereka yang memiliki Diploma (19.6%), SPM (15.7%), Sarjana (15.0%), PhD (4.6%), dan tiada kelayakan pendidikan formal (2.0%). Sebahagian besar responden telah menjawat jawatan sebagai Nazir masjid selama 1 hingga 3 tahun (51.6%), diikuti oleh mereka yang menjawat lebih daripada 6 tahun (24.8%) dan 4 hingga 6 tahun (23.5%). Dalam aspek status pekerjaan, majoriti responden adalah pesara (35.9%), diikuti oleh pekerja badan kerajaan (29.4%), pekerja sektor swasta (15.0%), pekerja persendirian (19.0%), dan lain-lain kategori pekerjaan (0.7%). Dari segi kategori masjid, majoriti responden berasal dari masjid kariah (85.6%), diikuti oleh masjid pengurusan (5.2%), institusi (4.6%), daerah (3.3%), dan diraja (1.3%). Berdasarkan lokasi, kebanyakan responden berasal dari daerah Hulu

Langat (19.0%), diikuti oleh Petaling (18.3%), Kuala Selangor dan Sabak Bernam masing-masing (13.1%), Kuala Langat (12.4%), Hulu Selangor (11.8%), Gombak (10.5%), dan Klang (2.0%).

Tahap Pengetahuan Ahli Jawatankuasa Terhadap Tadbir Urus Integriti Di Masjid Dan Surau Di Negeri Selangor

Kajian ini meneliti tahap pengetahuan ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan surau terhadap tadbir urus integriti di Negeri Selangor. Penelitian ini melibatkan empat konstruk utama: pengetahuan terhadap dasar atau peraturan, kuasa pemantauan dan tindakan, had kuasa masjid, dan integriti. Data yang diperoleh menunjukkan bahawa tahap pengetahuan AJK adalah sangat tinggi dalam semua aspek yang dikaji, mencerminkan kesedaran dan pemahaman yang baik terhadap tanggungjawab dan peraturan yang mengawal selia pentadbiran masjid dan surau.

Tahap Pengetahuan Terhadap Dasar/Peraturan

Jadual 6: Tahap Pengetahuan Terhadap Dasar/Peraturan

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya maklum kuasa utama pengurusan masjid ada dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor	4.71	.468	Sangat tinggi
2	Saya maklum pengurusan masjid perlu mematuhi Peraturan-peraturan pegawai masjid dan surau negeri Selangor	4.76	.483	Sangat tinggi
3	Saya maklum pengurusan kewangan masjid hendaklah mematuhi Garis panduan kewangan masjid dan surau	4.75	.459	Sangat tinggi
4	Saya maklum semua tenaga pengajar perlu mendapat tauliah MAIS	4.67	.603	Sangat tinggi

5	Saya maklum keperluan untuk mendaftarkan ahli kariah	4.64	.520	Sangat tinggi
6	Saya maklum keahlian mesyuarat adalah 1/3 dari jumlah Ahli Jawatankuasa yang dilantik oleh MAIS	4.58	.623	Sangat tinggi
7	Saya maklum MAIS merupakan Pemegang Amanah Tunggal masjid dan surau negeri Selangor	4.68	.543	Sangat tinggi
	Keseluruhan	4.69	.373	Sangat tinggi

Kajian ini mendapati bahawa pengetahuan AJK terhadap dasar dan peraturan adalah pada tahap yang sangat tinggi. Jadual 6 menunjukkan skor min keseluruhan bagi konstruk ini ialah 4.69. Pengetahuan ini merangkumi pemahaman terhadap kuasa utama pengurusan masjid yang terdapat dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor, keperluan mematuhi peraturan pegawai masjid dan surau, garis panduan kewangan, dan tauliah tenaga pengajar oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Kesemua item dalam konstruk ini menunjukkan skor min yang sangat tinggi, menandakan bahawa AJK sangat memahami peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dalam mengurus masjid dan surau.

Tahap Pengetahuan Terhadap Kuasa Pemantauan dan Tindakan

Jadual 7: Tahap Pengetahuan Terhadap Kuasa Pemantauan dan Tindakan

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya maklum bahawa MAIS/ JAIS mempunyai kuasa semak/ pemantauan dan tindakan terhadap masjid dan surau	4.72	.462	Sangat tinggi
2	Saya maklum kuasa yang diberikan oleh MAIS/JAIS	4.58	.544	Sangat tinggi

3	Saya maklum penyata kewangan hendaklah disediakan setiap tahun	4.75	.459	Sangat tinggi
4	Saya maklum penghantaran penyata kewangan seperti masa yang telah ditetapkan di dalam peraturan kewangan masjid/ surau	4.69	.474	Sangat tinggi
5	Saya maklum bahawa semua AJK masjid boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh MAIS	4.47	.735	Sangat tinggi
6	Saya maklum semua Ahli Jawatankuasa hendaklah menghadiri latihan termasuk Latihan integriti yang dianjurkan oleh MAIS atau JAIS	4.47	.562	Sangat tinggi
	Keseluruhan	4.61	.416	Sangat tinggi

Pengetahuan AJK terhadap kuasa pemantauan dan tindakan juga berada pada tahap yang sangat tinggi, dengan skor min keseluruhan 4.61 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7. AJK sedar bahawa MAIS dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) mempunyai kuasa untuk menyemak dan mengambil tindakan terhadap masjid dan surau. Mereka juga maklum bahawa penyata kewangan perlu disediakan setiap tahun dan dihantar mengikut masa yang telah ditetapkan dalam peraturan kewangan. Selain itu, AJK tahu bahawa mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib oleh MAIS dan perlu menghadiri latihan yang dianjurkan oleh MAIS atau JAIS.

Tahap Pengetahuan Terhadap Had Kuasa Masjid

Jadual 8: Tahap Pengetahuan Terhadap Had Kuasa Masjid

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya maklum pelantikan/penamatan/elaun	4.56	.593	Sangat tinggi

	kakitangan masjid adalah bidang kuasa MAIS			
2	Saya maklum pelaburan masjid hendaklah mendapat kelulusan MAIS	4.49	.650	Sangat tinggi
3	Saya maklum bahawa masjid tidak boleh menandatangani kontrak tanpa kebenaran MAIS	4.39	.728	Sangat tinggi
4	Saya maklum bahawa masjid tidak boleh membeli apa-apa aset hartanah tanpa kebenaran MAIS	4.45	.760	Sangat tinggi
5	Saya maklum bahawa masjid tidak boleh membuat penambahbaikan dan pembinaan tanpa kelulusan MAIS	4.15	.871	Tinggi
6	Saya maklum 2 orang pemeriksa kira-kira hendaklah menyemak semua rekod kewangan sekurang-kurangnya 2 bulan	4.41	.703	Sangat tinggi
	Keseluruhan	4.41	.543	Sangat tinggi

Kajian ini juga meneliti tahap pengetahuan AJK terhadap had kuasa masjid, yang juga berada pada tahap yang sangat tinggi dengan skor min keseluruhan 4.41 seperti dalam Jadual 8. AJK maklum bahawa pelantikan, penamatan, dan elaun kakitangan masjid adalah di bawah bidang kuasa MAIS. Mereka juga tahu bahawa pelaburan dan pembelian aset hartanah masjid memerlukan kelulusan MAIS, dan penambahbaikan serta pembinaan tidak boleh dilakukan tanpa kelulusan MAIS. Pengetahuan ini penting untuk memastikan bahawa tindakan yang diambil oleh AJK adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan oleh MAIS.

Tahap Pengetahuan Terhadap Integriti

Jadual 9: Tahap Pengetahuan Terhadap Integriti

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya maklum pengurusan masjid hendaklah diuruskan secara baik dan berintegriti	4.83	.370	Sangat tinggi
2	Saya maklum bahawa tiada saudara atau sahabat rapat ahli jawatankuasa boleh menerima pelantikan perolehan bekalan / perkhidmatan / projek dari masjid	4.59	.622	Sangat tinggi
3	Saya maklum semua ahli kariah berhak untuk memberikan aduan kepada Jawatankuasa masjid	4.66	.488	Sangat tinggi
4	Saya tahu tentang konflik kepentingan dalam menguruskan masjid dan surau serta hal peribadi	4.52	.628	Sangat tinggi
5	Saya maklum keperluan semua ahli jawatankuasa masjid menandatangani aku janji integriti	4.25	.782	Sangat tinggi
6	Saya maklum keperluan untuk dasar sumbangan diwujudkan	4.38	.698	Sangat tinggi
	Keseluruhan	4.54	.437	Sangat tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan AJK terhadap integriti adalah sangat tinggi dengan skor min keseluruhan 4.54 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9. AJK maklum bahawa pengurusan masjid perlu diuruskan dengan baik dan berintegriti. Mereka juga tahu bahawa tiada saudara atau sahabat rapat AJK boleh menerima pelantikan perolehan bekalan atau perkhidmatan dari masjid. Selain itu, AJK sedar akan keperluan untuk menandatangani aku janji integriti dan adanya dasar sumbangan yang perlu diwujudkan.

Perbezaan Tahap Pengetahuan Berdasarkan Tahap Pendidikan dan Lokasi

Kajian ini turut melihat perbezaan tahap pengetahuan tadbir urus AJK berdasarkan tahap pendidikan dan lokasi masjid. Analisis menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap pengetahuan berdasarkan tahap pendidikan, dengan AJK yang mempunyai pendidikan Sarjana Muda menunjukkan tahap pengetahuan tertinggi. Namun, tiada perbezaan signifikan ditemui berdasarkan lokasi masjid. Ini menunjukkan bahawa tahap pendidikan memainkan peranan penting dalam pengetahuan tadbir urus, tetapi lokasi masjid tidak mempengaruhi tahap pengetahuan AJK secara signifikan.

Amalan Tadbir Urus Integriti Di Masjid Dan Surau Di Negeri Selangor

Kajian ini mengkaji amalan tadbir urus integriti dalam kalangan ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan surau di Selangor. Empat konstruk utama yang diteliti ialah kutipan dan perbelanjaan, pengurusan pentadbiran, perolehan, dan pengurusan kebajikan kariah. Kajian mendapati bahawa amalan tadbir urus di masjid dan surau di Selangor adalah pada tahap yang sangat tinggi, dengan majoriti responden menunjukkan pematuhan tinggi terhadap prosedur kewangan dan pentadbiran.

Amalan Kutipan dan Perbelanjaan

Jadual 10: Amalan Kutipan dan Perbelanjaan

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya memastikan semua wang terimaan di masukkan ke bank terlebih dahulu sebelum digunakan	4.47	.743	Sangat tinggi
2	Saya memastikan resit hanya boleh dikeluarkan oleh	4.65	.504	Sangat tinggi

	bendahari atau individu yang diluluskan jawatankuasa masjid			
3	Saya memastikan semua perbelanjaan diluluskan dalam mesyuarat Jawatankuasa Masjid atau surau terlebih dahulu	4.58	.633	Sangat tinggi
4	Hanya bendahari dan AJK masjid yang diluluskan dalam mesyuarat sahaja boleh mengutip dan menerima wang dari pihak masjid	4.63	.509	Sangat tinggi
5	Saya membuka tabung kutipan Jumaat dan derma bersama-sama sekurang-kurangnya oleh tiga (3) orang.	4.59	.600	Sangat tinggi
6	Saya mengira wang tabung kutipan Jumaat dan derma di masjid bersama-sama sekurang-kurangnya oleh tiga (3) orang	4.63	.559	Sangat tinggi
7	Saya memastikan Penyata Kutipan Jumaat dan wang kutipan dipamerkan / dibentangkan kepada Jemaah / Ahli Kariah untuk makluman.	4.54	.638	Sangat tinggi
8	Saya memastikan kutipan wang melebihi RM500.00 pada satu-satu masa dimasukkan ke dalam akaun bank masjid pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada hari kerja berikutnya.	4.31	.814	Sangat tinggi
9	Saya memastikan kutipan wang yang tidak sempat dimasukkan ke dalam bank disimpan dalam peti besi.	4.56	.571	Sangat tinggi
10	Saya memastikan wang yang dimasukkan ke dalam bank masjid sama dengan jumlah di buku resit rasmi.	4.60	.540	Sangat tinggi

11	Saya memastikan semua pergerakan buku resit di catat dalam daftar buku resit.	4.54	.584	Sangat tinggi
12	Saya memastikan baucar bayaran dan dokumen sokongan lengkap sebelum pembayaran dibuat.	4.63	.509	Sangat tinggi
13	Saya memastikan tiada pembayaran yang dibuat secara terus melalui kutipan Jumaat atau derma dan lain-lain tabung.	4.52	.639	Sangat tinggi
14	Saya memastikan setiap perbelanjaan yang telah dibuat direkodkan di dalam buku tunai.	4.60	.528	Sangat tinggi
15	Saya memastikan semua Ahli Jawatankuasa yang menerima pendahuluan pelbagai/belanja memberikan penyata pendahuluan berserta resit perbelanjaan.	4.58	.580	Sangat tinggi
16	Masjid saya mempunyai peti besi.	4.48	.918	Sangat tinggi
17	Saya memastikan semua wang kutipan yang belum dimasukkan ke dalam bank dan dokumen-dokumen penting masjid disimpan di dalam peti besi.	4.49	.744	Sangat tinggi
18	Saya memastikan semua jenis pelaburan hendaklah dinyatakan di dalam Penyata Kewangan Masjid.	4.64	.533	Sangat tinggi
19	Saya merekodkan semua harta masjid bernilai melebihi RM1,000.00 dalam Daftar Harta Alih/ Harta Tidak Alih.	4.35	.720	Sangat tinggi
20	Pemeriksa kira-kira/ juruaudit menyemak semua rekod kewangan setiap 2 bulan.	4.32	.801	Sangat tinggi
21	Saya memastikan Pegawai Kewangan menyediakan Penyata Kewangan yang lengkap.	4.62	.583	Sangat tinggi

22	Saya memastikan Laporan Kewangan untuk dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa masjid dan Mesyuarat Lembaga Tadbir dan dihantar ke MAIS	4.62	.511	Sangat tinggi
23	Saya memastikan tiada persatuan/ pertubuhan/ syarikat/ koperasi ditubuhkan di bawah masjid	4.16	.923	Tinggi
	Keseluruhan	4.53	.450	Sangat tinggi

Jadual 10 menunjukkan bahawa skor min keseluruhan bagi amalan kutipan dan perbelanjaan ialah 4.53, menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Antara amalan utama ialah memastikan semua wang diterima dimasukkan ke bank sebelum digunakan, resit hanya boleh dikeluarkan oleh bendahari, dan semua perbelanjaan diluluskan dalam mesyuarat jawatankuasa terlebih dahulu. Kesemua item dalam jadual ini menunjukkan pematuhan yang sangat tinggi terhadap prosedur kutipan dan perbelanjaan.

Amalan Pengurusan Pentadbiran - Mesyuarat/Had Kuasa

Jadual 11 : Amalan Pengurusan Pentadbiran - Mesyuarat/Had Kuasa

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya memastikan kelulusan aktiviti telah diperoleh dalam mesyuarat jawatankuasa masjid atau surau sebelum pembayaran dibuat.	4.60	.528	Sangat tinggi
2	Saya memastikan AJK tidak mendapat apa-apa manfaat tanpa kelulusan MAIS	4.43	.705	Sangat tinggi
3	Saya memastikan pembukaan akaun bank kedua dan seterusnya mendapat kelulusan MAIS	4.47	.698	Sangat tinggi

4	Saya memastikan perjanjian sewaan ditandatangani oleh MAIS atau JAIS.	4.25	.928	Sangat tinggi
5	Saya memastikan pelaburan yang dibuat hendaklah menepati kehendak syariah.	4.66	.512	Sangat tinggi
6	Saya memastikan semua jenis pelaburan mendapat kelulusan MAIS terlebih dahulu.	4.52	.659	Sangat tinggi
	Keseluruhan	4.49	.531	Sangat tinggi

Jadual 11 menunjukkan skor min keseluruhan bagi amalan pengurusan pentadbiran- mesyuarat/had kuasa ialah 4.49, menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Amalan utama termasuk memastikan kelulusan aktiviti diperoleh dalam mesyuarat jawatankuasa sebelum pembayaran dibuat, dan memastikan pelaburan menepati kehendak syariah serta mendapat kelulusan MAIS terlebih dahulu.

Amalan Perolehan

Jadual 12 : Amalan Perolehan

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya memastikan semua pembelian atau perolehan mendapat kelulusan Jawatankuasa masjid atau surau terlebih dahulu.	4.60	.528	Sangat tinggi
2	Satu tatacara/kaedah perolehan yang jelas telah diwujudkan di masjid	4.37	.743	Sangat tinggi
3	Saya mewujudkan Satu Jawatankuasa Sebut harga bagi memutuskan sebut harga yang dipilih.	4.42	.713	Sangat tinggi
4	Saya mendapatkan kelulusan Setiausaha MAIS terlebih dahulu bagi pembelian bekalan perkhidmatan termasuk	4.44	.706	Sangat tinggi

	pembaikan kecil yang bernilai melebihi RM50,000.00.			
5	Saya memastikan Ahli Jawatankuasa atau pembantu pegawai Masjid yang mempunyai konflik kepentingan (penglibatan ahli keluarga atau sahabat karib) membuat pengisytiharan dan tidak terlibat dalam proses perolehan	4.54	.573	Sangat tinggi
6	Saya memastikan Ahli Jawatankuasa Sebut Harga tidak menerima sebarang imbuhan/duit kopi daripada pembekal atau mana-mana individu yang mempunyai kepentingan.	4.69	.490	Sangat tinggi
	Keseluruhan	4.51	.474	Sangat tinggi

Jadual 12 menunjukkan skor min keseluruhan bagi amalan perolehan ialah 4.51, juga menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Antara amalan yang diteliti termasuk memastikan semua pembelian atau perolehan mendapat kelulusan jawatankuasa terlebih dahulu, mewujudkan tatacara perolehan yang jelas, dan memastikan ahli jawatankuasa tidak menerima sebarang imbuhan daripada pembekal.

Amalan Pengurusan Kebajikan Kariah

Jadual 13: Amalan Pengurusan Kebajikan Kariah

No	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya memastikan permohonan sumbangan terbuka kepada ahli kariah dan tiada sumbangan khusus kepada AJK sahaja	4.57	.592	Sangat tinggi

2	Saya memastikan semua jenis sumbangan yang disediakan oleh masjid dimaklumkan kepada semua ahli kariah	4.56	.559	Sangat tinggi
	Keseluruhan	**4.57**	**.523**	**Sangat tinggi**

Jadual 13 menunjukkan skor min keseluruhan bagi amalan pengurusan kebajikan kariah ialah 4.57, menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Amalan utama termasuk memastikan permohonan sumbangan terbuka kepada semua ahli kariah dan memaklumkan semua jenis sumbangan yang disediakan oleh masjid kepada semua ahli kariah.

Kajian ini mendapati bahawa amalan tadbir urus integriti di masjid dan surau di Selangor berada pada tahap yang sangat tinggi. Ini menunjukkan pematuhan yang tinggi terhadap prosedur kewangan dan pentadbiran yang ditetapkan oleh MAIS. Amalan-amalan ini penting dalam memastikan ketelusan dan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan masjid dan surau di negeri ini.

Faktor Penyumbang Terhadap Amalan Tadbir Urus Integriti Di Masjid Dan Surau Di Negeri Selangor

Kajian ini meneliti amalan tadbir urus integriti dalam masjid dan surau di Negeri Selangor, dengan fokus pada faktor-faktor yang menyumbang kepada kekangan yang dihadapi oleh nazir masjid dan jawatankuasa masjid. Berdasarkan Buku Peraturan-peraturan Masjid dan Surau serta Buku Garis Panduan Pengurusan Kewangan Masjid dan Surau, kajian ini menganalisis pelbagai aspek yang mempengaruhi pelaksanaan pengurusan dan kewangan masjid, termasuk sikap dan pengetahuan AJK, kekurangan tenaga kerja, serta isu-isu berkaitan peraturan dan dana.

Faktor Penyumbang Tadbir Urus Integriti

Jadual 14: Kekangan AJK

Faktor Penyumbang	Petikan Pernyataan Responden
Sikap AJK	Tanggungjawab AJK, Konflik peribadi, Kerjasama, Komitmen
Pengetahuan AJK	Pemahaman terhadap pengurusan masjid, Kurang pengetahuan
Kemahiran AJK	AJK kurang berkemahiran, Kompetensi
Tahap Persefahaman	Pengetahuan antara MAIS, JAIS, Pengurusan Masjid, dan PAID
Kurang Tenaga Kerja	Kerja sambilan/sukarela, Tiada petugas sepenuh masa
Ahli Kariah	Campur tangan MPKK, Sokongan ahli kariah
Komitmen AJK	Kekangan masa, Sibuk dengan tugasan hakiki
Peraturan	Peraturan yang rigid, Pemerincian bidang tugas AJK
Pemegang Taruh	Maklum balas, Waktu mesyuarat bulanan
Kewangan/Dana	Peruntukan kewangan, Sumber dana yang tidak mencukupi
Guru dan Imam Bertauliah	Lantikan imam, Penceramah bertauliah
Elaun	Kadar elaun yang rendah
Kepelbagaian Kursus	Pendedahan dan kursus

Kajian mengkaji kekangan dalam melaksanakan pengurusan masjid dan kewangan. Aspek yang dinilai termasuk sikap AJK, pengetahuan mereka tentang pengurusan masjid, kemahiran profesional, dan tahap persefahaman antara AJK, MAIS, JAIS, dan ahli kariah. Faktor-faktor ini mempengaruhi pelaksanaan tugas AJK, dengan penekanan pada kepentingan komitmen, disiplin, dan kesediaan melaksanakan peraturan. Jadual 14 berikut menguraikan kekangan yang dihadapi oleh nazir masjid:

Kekangan dalam Pengurusan Kewangan

Kajian ini turut meneliti kekangan dalam melaksanakan pengurusan kewangan masjid. Kajian mendapati pelbagai aspek seperti proses

kelulusan, kursus dan latihan, masa, bank, elaun, sumber kewangan, sikap AJK, buku garis panduan, audit, tenaga kerja, dan sistem aplikasi. Pelbagai petikan responden menegaskan isu-isu seperti pematuhan arahan, rekod sumbangan/perbelanjaan, persefahaman antara AJK dan ahli kariah, kekurangan tenaga kerja, dan kemahiran bendahari.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kajian ini mencadangkan beberapa langkah untuk memperbaiki tadbir urus integriti di masjid dan surau, termasuk peningkatan pemahaman AJK terhadap peraturan dan tatacara pengurusan, penyediaan latihan dan kursus berterusan, peningkatan elaun bagi AJK, dan penambahbaikan komunikasi antara pihak-pihak berkaitan. Selain itu, perlu ada sistem pemantauan dan audit yang lebih efektif untuk memastikan kepatuhan terhadap garis panduan yang ditetapkan.

Kajian ini menekankan kepentingan integriti dalam pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor. Sekiranya mengatasi kekangan yang dikenal pasti, termasuk sikap dan pengetahuan AJK, kekurangan tenaga kerja, dan isu-isu peraturan dan kewangan, diharapkan dapat mempertingkatkan kualiti pengurusan dan seterusnya memenuhi kepuasan masyarakat. Implikasi kajian ini adalah signifikan bagi Majlis Agama Islam Selangor dalam usaha memperbaiki tadbir urus masjid dan surau di negeri ini.

Penambahbaikan Yang Boleh Dibuat Daripada Aspek Amalan Tadbir Urus Integriti Di Masjid Dan Surau Di Negeri Selangor

Kajian ini memfokuskan kepada tadbir urus integriti dalam pengurusan masjid dan surau di Negeri Selangor. Objektif utama kajian adalah untuk menilai pengetahuan AJK, prinsip-prinsip integriti dalam pentadbiran dan kewangan serta mengenal pasti amalan terbaik dan masalah yang dihadapi dalam konteks ini. Pengetahuan dan amalan ini penting untuk memastikan pengurusan masjid dan surau yang cekap dan telus .

Faktor yang Mempengaruhi Amalan Tadbir Urus Integriti

Kajian ini mengenal pasti tiga faktor utama yang mempengaruhi amalan tadbir urus integriti:

a. Faktor AJK: Pengetahuan, sikap, kemahiran, dan komitmen AJK memainkan peranan penting dalam memastikan tadbir urus yang baik.
b. Faktor Pentadbiran dan Pengurusan: Persefahaman antara pihak berautoriti dengan AJK serta perlaksanaan kursus adalah penting untuk meningkatkan tadbir urus.
c. Faktor Kewangan: Pengurusan dana masjid, elaun dan kerja sukarela mempengaruhi kualiti pengurusan kewangan masjid .

RUMUSAN DAN CADANGAN

Tahap Pengetahuan Ahli Jawatankuasa Terhadap Tadbir Urus Integriti di Masjid dan Surau di Negeri Selangor

Kajian ini mengkaji tahap pengetahuan Ahli Jawatankuasa (AJK) masjid dan surau terhadap tadbir urus integriti di Negeri Selangor. Pengetahuan mereka diuji melalui empat konstruk: dasar/peraturan, kuasa pemantauan dan tindakan, had kuasa masjid, dan integriti. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan AJK terhadap dasar/peraturan adalah sangat tinggi dengan skor min keseluruhan 4.69. Pengetahuan mereka tentang kuasa pemantauan dan tindakan juga tinggi, diikuti dengan had kuasa masjid dan integriti

Amalan Tadbir Urus Integriti di Masjid dan Surau di Negeri Selangor

Kajian juga meneliti amalan tadbir urus integriti di masjid dan surau yang melibatkan kutipan dan perbelanjaan, pengurusan pentadbiran, perolehan, dan kebajikan kariah. Kesemua elemen ini mencatatkan skor min keseluruhan yang tinggi, menunjukkan bahawa amalan tadbir urus integriti yang baik diamalkan oleh AJK. Namun, terdapat perbezaan

yang signifikan dalam amalan ini berdasarkan tahap pendidikan dan daerah lokasi masjid.

Faktor Penyumbang Terhadap Amalan Tadbir Urus Integriti

Kajian mengenal pasti tiga faktor utama yang memberi kekangan kepada amalan tadbir urus integriti oleh AJK masjid dan surau. Pertama, faktor AJK sendiri dari segi pengetahuan, sikap, kemahiran, dan komitmen. Kedua, faktor pentadbiran dan pengurusan yang melibatkan persefahaman antara pihak berautoriti dan AJK, serta perlaksanaan kursus. Ketiga, faktor kewangan yang melibatkan dana masjid, elaun, dan kerja sukarela. Faktor-faktor ini boleh mempengaruhi mutu kerja dan komitmen AJK dalam melaksanakan tugas.

Cadangan Penambahbaikan Amalan Tadbir Urus Integriti

Kajian mencadangkan beberapa penambahbaikan untuk memperkukuhkan amalan tadbir urus integriti:

a. Penambahbaikan Buku Peraturan: Memberikan taklimat kepada AJK baru dan menggunakan info grafik untuk penyebaran informasi.
b. Pengurusan AJK: Meningkatkan sikap, kerjasama dan melantik orang yang mahir dalam kewangan.
c. Pemantauan Berkala: Pihak berautoriti perlu menjalankan pemantauan berkala untuk memastikan pengurusan kewangan yang betul.
d. Kursus dan Seminar : Menyediakan latihan dan seminar berkaitan tadbir urus dan integriti.

KESIMPULAN DAN IMPLIKASI

Keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa walaupun tahap pengetahuan dan amalan tadbir urus integriti AJK adalah tinggi, terdapat ruang untuk penambahbaikan terutama dalam aspek pentadbiran dan pengurusan kewangan. Penambahbaikan ini penting

bagi memastikan tadbir urus integriti yang lebih baik di masjid dan surau di Negeri Selangor, yang mana boleh meningkatkan kepercayaan dan kepuasan masyarakat terhadap pengurusan masjid dan surau.

PENGHARGAAN

Kajian ini telah dibiayai sepenuhnya oleh geran penyelidikan MAIS. Oleh itu, kami ingin merakam segunung penghargaan kepada MAIS atas sokongan yang telah berikan bagi memastikan kelancaran dalam menyempurnakan kajian ini. Harapan kami agar kerjasama ini akan terus berkekalan dan dapatan kajian ini akan memberikan sumbangan yang bermakna pada ilmu pengetahuan.

RUJUKAN

Abdul Munir Ismail. (2012). *Urus Tadbir Masjid Secara Berkesan*. Perak : Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ahmed Sarhan & Basil Al-Najjar. (2021). The influence of corporate governance and shareholding structure on corporate social responsibility: The key role of executive compensation. *International Journal of Finance & Economics*, 13, 1-25.

Ali Meftah Gerged. (2021). Factors affecting corporate environmental disclosure in emerging markets: The role of corporate governance structures. *Business Strategy & the Environment*, 25(3), 121-136.

Andreas, G.S. & Christian, V. (2020). Corporate governance for responsible innovation: Approaches to corporate governance and their implications for sustainable development. *Academy of Management Perspectives*, 34(2), 35-51.

Anis Omri & Nejah Ben Mabrouk. (2020). Good governance for sustainable development goals: Getting ahead of the pack or falling behind? *Environmental Impact Assessment Review*, 83, 263-276.

Asharaf Mohd. Ramli, Abdullaah Jalil, Norman Hamdan, Asmaddy Haris, Mohammad Aizuddin Abdul Aziz. (2020). *Pengurusan Kewangan Masjid : Model Imarah Masjid. Nilai.* Wisdom Publication.

Audit Negara (2019). Laporan Ketua Audit Negara: Pengurusan Kewangan Masjid.

Azlan Abd. Rahman & Rashidi Abbas. (2018). Persepsi masyarakat terhadap program pengimarahan masjid di negeri Pahang : Satu analisis. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language* 1(2): 16–26.

Benjamin, C., Jette, S.K., Jeremy, M. & Hamish, V.D. (2021). Private authority and public policy interactions in global context: Governance spheres for problem solving. *Regulation & Governance*,15(4), 1166-1182.

Beshi, T.D. & Kaur, R. (2020). Public trust in local government: Explaining the role of good governance practices. *Public Organization Review*, 20, 337-350.

Fabrice, L., Wang, W.Q. & Oliver, S. (2020). Blockchain Governance - A New Way of Organizing Collaborations? *Organization Science*, 32(2), 87-103.

Fadilah Mat Nor, Junainah Idris, Nor Syaheera Atan & Aza Shahnaz Azman. (2022). Pengurusan dana masjid di Malaysia: satu analisis bibliometrik: (mosque's fund management in malaysia: a bibliometric analysis). *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management (Al-Mimbar),* 2(2), 99–109.

Haiying Liu, Muhammad Mansoor Saleem, Mamdouh Abdulaziz Saleh Al-Faryan, Irfan Khan, Muhammad Wasif Zafar. (2022). Impact of governance and globalization on natural resources volatility: The role of financial development in the Middle East North Africa countries. *Resources Policy,* 78.

Halimatus Saadiah Mat Saad & Zainudin Awang. 2017. Integriti Menurut Perspektif Islam : Analisis Tahap Integriti Dalam

Kalangan Guru Pendidikan Islam. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* 3(8): 20–26.

Halimatus Saadiah Mat Saad, Baharom Mohamad & Sharifah Hayaati Syed Ismail.(2013). *Peranan integriti sebagai mediator antara kepuasan kerja menurut perspektif Islam dan prestasi kerja: Pendekatan empirikal menggunakan model SEM/AMOS*. International Conference On Research In Ethics Education 2013 (ICRIEEd 2013).

Huberts, L.W. (2018). Integrity: What it is and why it is important? *Public Integrity*. 20(1), 18-32.

Hydzulkifli Hashim Omar, Mohd Yazid Isa & Noraini Yusuff. (2015). Pengurusan Kewangan Dana Masjid: Satu Kajian Di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *International Journal of Management Studies*. Vol: 22. No: 2. Pusat Pengajian Perniagaan Islam, Universiti Utara Malaysia

Joni Tamkin Borhan, Mohd Yahya, Fidlizan Muhammad & Mohd Fauzi Abu-Hussin. (2011). Membentuk usahawan muslim: Peranan dana masjid. *Al-Basirah* 1(1): 53–63.

Kano, L. & Oh, C.H. (2020). Global Value Chains in the Post-COVID World: Governance for Reliability. *Journal of Management Studies,* 57(8), 1773-1777.

Kyere, M. & Marcel, A. (2021). Corporate governance and firms financial performance in the United Kingdom. *International Journal of Finance & Economics*, 26, 1871-1885.

Megat Ayop Megat Arifin & Abd. Halim Ahmad Ayop.(2017). Konsep integriti dalam Organisasi Polis Diraja Malaysia (PDRM): Satu tinjauan awal. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space* 12(8): 135–147.

Moggi, S., Zardini, A., Rossi, G. & Leardini, C. (2022). Governance mechanisms fostering a legitimate representation in nonprofit organizations. *International Journal of Public Administration,* 45(12), 1081-1091.

Mohamed Albaity, Abu Hanifa Md. Noman, & Ray Saadaoui Mallek. (2021). Trustworthiness, good governance and risk taking in MENA countries. *Borsa Istanbul Review*, 21(4), 359-374.

Mohd Fauzwadi Bin Mat Ali & Muhammad Ahmad. (2021). Hubungan integriti ketua, religiositi dan etika kerja islam dalam kalangan kakitangan sokongan. *International Journal of Contemporary Education, Religious Studies and Humanities (JCERAH)* 1(1): 65–80.

Mohd Yahya Mohd Hussin & et. al. (2014). Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid. *Sains Humanika* 2: 13–21. Retrieved from www.sainshumanika.utm.my

Nor Shaidayani Samah & Abd Ghafar Don. 2020. Faktor regresif dan defensif integriti dalam kepimpinan Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(3): 141–151.

Norita Kamaruddin & Ahmad Fahmi Mohammad. (2019). Pengurusan dan Pengimarahan Masjid: Kefahaman Dan Tuntutannya. *International Conference on Mosque, Zakat and Waqf Management (IMAF-2019)*.

Norman Hamdan, Asharaf Mohd Ramli, Abdullaah Jalil, & Asmaddy Haris. (2013). *Accounting for Waqf Institutions: A Review on the Adaptation of Fund Accounting in Developing the Shariah-compliant Financial Reports for Mosque*. Paper presented at the World Universities Islamic Philanthrophy Conference 2013, Menara Bank Islam, Kuala Lumpur.

Nuryaqazah Mohd Dom, Hanis Etasa, Nurhaziqah dan Wan Suhaida. (2019). *Aktiviti Pemuliharaan dan Pemakmuran Masjid dan Surau Lama Di Kuala Terengganu*. Proceedings Of International Conferences Islamic Civilization dan Technology Management di Universiti Sultan Zainal Abidin Terengganu pada 23-24 November 2019. 291-299

Oh, H. & Park, S. (2022). Does Corporate Governance Affect Labour Investment Efficiency? *Sustainability,* 14(8), 38-51.

Othman Mustapha. (2012). Pengukuhan Integriti Perkhidmatan Awam : Pendekatan Melalui Program Nilai-Nilai Murni. *Jurnal Pengurusan Awam* 1: 7–16.

Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd Majid, Saifulah Samsudin & Mohamad Sofuan Mohamad Saleh. 2022. Nilai Integriti Dalam Tadbir Urus Masjid. Al-Mimbar: *International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management* Vol. 2, No. 2,December 2022. 36-50

Salawati Haris. 2009. *6 Strategi Masjid Boleh Buat Duit*. Yadim: Milenia Muslim.

Siti Alawiyah Siraj, Shahul Hameed Muhammad Ibrahim & Maliah sulaiman. 2009. *Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid*. UTM

Siti Alwiyah Siraj, Shahhul Hameed Mohamed Ibrahim, & Maliah Sulaiman. (2008). Pengurusan kewangan: Mempamerkan akauntabiliti masjid. Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid (1st ed., p. 67). Universiti Teknologi Malaysia.

Solahudin Abd Hamid, Mohd Nizho Abd Samad, Mohamed Muneer Samsudin & Wan Anuar Wan Mamat. 2019. Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Satu Tinjauan. UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun.

Solahudin Abd Hamid, Mohd Nizho Abd Samad, Mohamed Muneer Samsudin & Wan Anuar Wan Mamat. 2019. Transformasi Pengurusan Pembangunan Masjid Sebagai Institusi Islam: Satu Tinjauan. UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun.

Tan, E., Stanislav, M. & Joep, C. (2022). Block chain governance in the public sector: A framework for public management. *Government Information Quarterly,* 39(1).

Villiers, C., & Dimes, R. (2021). Determinants, mechanisms and consequences of corporate governance reporting: a research framework. *Journal of Management & Governance*, 25, 7-26.

PENILAIAN PENGANJURAN FESTIVAL BON ODORI DI MALAYSIA DARI ASPEK KEAGAMAAN DAN KEBUDAYAAN

Prof. Madya. Dr. Mohd Abdul Nasir Abd Latif
En. Muhammad Hasbi Abdul Rahman
En. Muhammad Nadzir Ibrahim
Prof. Madya. Dr. Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi
Prof. Madya. Dr. Mohd Rosmizi Abd Rahman
Dr. Mohd Hapiz Mahaiyadin
Dr. Abu Hanifah Haris
Dr. Asmadi Hassan

PENILAIAN PENGANJURAN FESTIVAL BON ODORI DI MALAYSIA DARI ASPEK KEAGAMAAN DAN KEBUDAYAAN

Mohd Abdul Nasir Abd Latif[1*], Muhammad Hasbi Abdul Rahman[1], Muhammad Nadzir Ibrahim[1], Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi[1], Mohd Rosmizi Abd Rahman[2], Mohd Hapiz Mahaiyadin[3], Abu Hanifah Haris[4] & Asmadi Hassan[4]

[1]Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
[2]Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
[3]Akademi Pengajian Islam Temporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM) &
[4]Fakulti Seni dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM).
[*]Corresponding author: muhd.nasir@fsk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan pendekatan kualitatif bagi mengungkai polemik yang berlaku berkaitan penganjuran festival Bon Odori di Malaysia sama ada festival tersebut merupakan aktiviti kebudayaan ataupun ritual keagamaan. Kajian ini telah mengenal pasti pandangan ulama silam dan kontemporari terhadap penyertaan umat Islam dalam aktiviti perayaan masyarakat bukan Islam, menganalisis unsur keagamaan dan kebudayaan dalam sambutan festival Bon Odori dan mengemukakan status penganjuran festival Bon Odori di Malaysia.. Data kajian telah diperoleh menerusi tiga instrumen iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian ini merumuskan bahawa festival Bon Odori adalah bersifat kebudayaan dan mengaitkannya sebagai satu ritual keagamaan adalah lemah. Rumusan ini memberikan implikasi bahawa umat Islam yang ingin menghadiri festival tersebut perlulah menjaga akhlak Islam dengan mengelakkan sebarang perbuatan yang terlarang.

Kata Kunci: *Bon Odori, Festival, Keagamaan, Kebudayaan*

PENDAHULUAN

Malaysia mempunyai masyarakat berbilang agama dan budaya yang pada asasnya hidup secara aman dan damai. Kepelbagaian ini bukan sahaja berasaskan kepelbagaian etnik yang menjadi warganegara bahkan ia juga meliputi pelbagai bangsa dari pelbagai negara yang bermastautin di negara ini. Kepelbagaian ini menjadi satu keunikan yang perlu sentiasa dipelihara dan diraikan dengan penuh harmoni dan kebijaksanaan agar ia terus dapat dinikmati bersama dan seterusnya menjadi kebanggaan rakyat keseluruhannya.

Dalam pada itu, timbul satu polemik berkaitan festival Bon Odori timbul dengan fokus berkisar tentang sejauh mana kewajaran umat Islam di Malaysia boleh menyertai festival tersebut. Polemik ini timbul sejak kebelakangan ini walaupun festival ini telah dianjurkan dengan lancar oleh pihak kedutaan Jepun dan Kelab Jepun Kuala Lumpur. Penganjuran ini disokong dan ditaja sepenuhnya oleh syarikat-syarikat Jepun yang melabur di Malaysia seperti Panasonic, Mitsubishi, Toyota dan lain-lain. Pihak agensi pelancongan Negeri Selangor dan Pulau Pinang pula menjadikan festival ini sebagai acara tahunan yang dianjurkan saban tahun (https://selangor.travel/events/bon-odori-festival-2019/). Bon Odori pada asasnya disambut oleh masyarakat Jepun di Malaysia sejak tahun 1977. Laporan The Star antara lain menyatakan;

> *In Malaysia, the festival dates as far back as 1977. It is held to promote and strengthen cultural ties between Malaysia and Japan by showcasing Japanese food, drinks, art, and dance.*

Berdasarkan tarikh tersebut, bermakna festival ini telah dianjurkan sebanyak 46 kali semenjak pertama diperkenalkan. Penganjuran ini dari satu aspek menunjukkan masyarakat Jepun yang berada di negara ini telah menganjurkan festival yang sama seperti mana dianjurkan di negara mereka. Festival tahunan ini menjadi platform kepada masyarakat Jepun untuk saling bertemu di antara satu sama lain sambil menikmati hidangan tradisi mereka. Dalam waktu yang sama, masyarakat luar juga dijemput untuk hadir sama khususnya mereka

yang bekerja dengan syarikat-syarikat korporat Jepun yang bertapak di negara ini.

Meneliti festival Bon Odori secara dekat, festival ini secara asasnya dikatakan mempunyai kaitan dengan tradisi Jepun yang berakar umbi kepada agama Buddha bagi menghormati kepulangan roh nenek moyang dengan pulang ke kampung halaman untuk melawat kediaman atau kubur. Sambutan Bon Odori yang seakan telah menjadi acara rutin tahunan di Jepun dan juga di Malaysia ini kemudiannya menimbulkan pelbagai perspektif dan reaksi dari pelbagai pihak. Perbincangan menjurus kepada kewajaran penganjuran festival tersebut dari perspektif Islam disebabkan perayaan tersebut mempunyai latar belakang sejarah dan kaitan rapat dengan kepercayaan tertentu. Polemik timbul apakah di sana ada satu bentuk doktrin, ritual, aktiviti simbolik yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan tertentu dijadikan sebagai aktiviti dalam festival tersebut atau ia hanya satu festival kebudayaan yang mengekalkan ciri-ciri tertentu masyarakat Jepun.

PERNYATAAN MASALAH

Sambutan Bon Odori di Malaysia telah menimbulkan polemik yang mencetuskan perdebatan pelbagai pihak. Ini berikutan kenyataan beberapa pihak yang menasihati umat Islam di Malaysia agar tidak menghadiri sambutan festival tersebut. Antara kenyataan tersebut adalah kenyataan Dato' Idris Ahmad (kini mantan) Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Menteri (Hal Ehwal Agama) yang menasihatkan umat Islam untuk tidak hadir ke festival tersebut (The Star, 8 Jun 2022). Secara amnya, tinjauan menunjukkan perspektif terhadap penganjuran festival Bon Odori ini terbahagi kepada dua. Perspektif pertama adalah festival yang dianjurkan tersebut hanya bersifat kebudayaan semata-mata, manakala perspektif kedua pula adalah festival tersebut bersifat keagamaan yang mempunyai unsur ritual kepercayaan agama lain. Bagi perspektif pertama, pandangan ini menyatakan Bon Odori merupakan platform untuk memperkenalkan budaya Jepun di Malaysia, perayaan ini telah membuang makna keagamaannya dan ia menjadi festival kebudayaan yang diadakan pada musim panas serta masa untuk

bersatu semula dengan keluarga dan rakan-rakan di samping menjadi masa terbaik untuk mencari rakan baharu dan menikmati makanan Jepun. Bagi Kelab Jepun Kuala Lumpur, menyifatkan Bon Odori yang mula diadakan Malaysia pada 1977 sebagai "acara kecil-kecilan" oleh ekspatriat Jepun untuk membolehkan anak-anak mereka mendalami budaya Jepun. Ia telah berkembang menjadi acara tahunan yang ditunggu-tunggu dan disertai oleh kira-kira 35,000 orang setiap tahun.

Secara kesimpulannya, perspektif pertama ini merumuskan bahawa Festival Bon Odori yang telah diraikan di Malaysia sejak berpuluh tahun, adalah hanya satu perayaan kebudayaan. Bon Odori diraikan bagi mengeratkan semangat muhibah di antara rakyat Malaysia dengan komuniti masyarakat Jepun yang bekerja dan bermastautin di negara ini. Perayaan ini menjadi popular apabila banyak syarikat-syarikat dari Jepun melabur dan membuka cawangan kilang mereka di Negeri Selangor. Justeru, Bon Odori menjadi platform memperkenalkan budaya hiburan Jepun di samping merapatkan hubungan antara rakyat kedua-dua buah negara. Sambutan Bon Odori di Malaysia adalah lebih kepada festival kebudayaan yang mempamerkan budaya tradisional rakyat Jepun khususnya tarian, persembahan gendang, perhiasan tanglung, pakaian dan makanan tradisi Jepun serta produk makanan tempatan. Ia juga dipromosikan sebagai hari untuk menyatukan kembali keluarga dan rakan-rakan yang sudah lama tidak bertemu.

Perspektif kedua pula melihat festival ini mempunyai unsur keagamaan tertentu. Dakwaan ini mula mendapat perhatian umum apabila satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Menteri (kini mantan) yang menasihatkan umat Islam agar supaya tidak menyertai program Festival Bon Odori yang diadakan di Kompleks Sukan Negara Shah Alam pada 16 Julai 2022 kerana ia mengandungi unsur agama lain. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dato' Idris Ahmad berkata kajian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mendapati program itu mempunyai unsur-unsur keagamaan lain. Oleh yang demikian beliau nasihatkan kepada semua orang Islam supaya tidak sertai program ini. Menurutnya lagi, penjelasan itu dibuat untuk memastikan tidak timbul kekeliruan dan salah faham. Ia juga berasaskan rasa sayang kepada agama. Oleh yang demikian, JAKIM

sebagai pihak penyelaras menasihatkan umat Islam supaya tidak sertai program seperti ini.

Kenyataan ini kemudiannya disusuli pula dengan ulasan oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Dr Wan Salim Wan Mohd Noor, yang antara lain menyatakan umat Islam tidak patut menyertai acara itu bagi memelihara kesucian pegangan agama. Ini kerana pada pandangan beliau acara ini bertujuan untuk mengingati roh atau semangat nenek-moyang yang dikhuatiri boleh membawa kepada syirik. Kenyataan-kenyataan ini kemudiannya disusuli dengan kenyataan-kenyataan figura dan netizen di media sosial yang masing-masing menolak penyertaan umat Islam ke festival Bon Odori. Seorang netizen yang mempunyai hubungan dengan rakyat Jepun menyifatkan festival yang dilaksanakan sekarang adalah hari raya memuja roh dengan tarian. Sehingga kini Bon Odori adalah tetap perayaan pujaan. Baginya, mana mungkin upacara yang sudah bertapak lebih 600 tahun tiba-tiba jadi festival makan, tarian dan kostum. Seorang pendakwah mualaf Firdaus Wong Wai Hung pula menyatakan bahawa komuniti muslim di Jepun termasuk golongan mualaf tidak pernah menyambut perayaan Bon Odori kerana sedar acara tahunan itu jelas bertentangan dengan aqidah Islam. Umat Islam di Jepun lebih faham dan tidak pula teruja meraikan Bon Odori dan mereka lebih sedar perkara tersirat atau falsafah di sebalik perayaan itu yang ada unsur syirik

Polemik yang timbul dalam isu penganjuran festival Bon Odori seperti yang dibincangkan di atas perlu dirungkaikan secara tuntas sesuai dengan prinsip pembangunan komuniti Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan kaum. Memetik pandangan Pengerusi Majlis Dakwah Negara (MDN), Prof. Emeritus Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abd. Majid, beliau meminta mufti, ulama dan pendakwah supaya bersikap lebih proaktif dengan membuat kajian terhadap sesuatu isu terlebih dahulu sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut;

a. Mengenal pasti pandangan ilmuwan silam dan kontemporari terhadap penyertaan umat Islam dalam aktiviti perayaan masyarakat bukan Islam.
b. Menganalisis unsur keagamaan dan kebudayaan dalam sambutan festival Bon Odori Malaysia
c. Mengemukakan status penganjuran festival Bon Odori di Malaysia.

SKOP KAJIAN

Kajian ini akan memberi fokus secara khusus terhadap festival Bon Odori yang dilaksanakan di Malaysia dan Japan. Lokasi-lokasi kajian adalah festival Bon Odori di Shah Alam, Selangor (Festival Bon Odori Kuala Lumpur) pada 16 Julai 2022, Padang Kota, Pulau Pinang (Penang Bon Odori Festival) pada 30 Julai 2022, Do Tonbori, (Osaka International Bon Odori) pada 14 Ogos 2022 dan Hachiman-cho Shimadani, Gujo-shi, Gifu (Gujo Odori) di pada 15 Ogos 2022.

Skop kajian adalah meliputi festival Bon Odori dari aspek keagamaan dan kebudayaan dengan meneliti pandangan ilmuwan Islam, para sami, penganjur dan pengunjung berkaitan festival Bon Odori bagi memastikan festival ini merupakan satu aktiviti kepercayaan keagamaan atau sebaliknya. Dalam waktu yang sama, pemerhatian aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam festival ini juga dijalankan. Skop kajian ini juga akan merumuskan status penganjuran festival ini di Malaysia di samping panduan yang boleh digunakan dalam penganjuran festival tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kes atau dengan lebih tepat kajian pelbagai kes (*multiple case*) atau juga dikenali sebagai kajian pelbagai tempat lapangan (*multisite studies).* Kajian menggunakan pendekatan kualitatif ini menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. data temu bual dikira sebagai data utama namun data pemerhatian merupakan data pelengkap yang utama bagi memastikan kesahan kesimpulan dapat dibuat. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif bagi menghasilkan pola-pola berkaitan dengan festival Bon Odori menjadi item utama bagi membantu kesimpulan boleh dibuat sama ada festival Bon Odori yang dianjurkan dari aspek keagamaan dan kebudayaan.

Lokasi kajian adalah di Shah Alam, Selangor (Stadium Panasonic) pada 16 Julai 2022, Padang Kota Lama, Pulau Pinang (30 Julai 2022) Sungai Tonbori (Tonbori River) (Osaka International Bon Odori) pada 14 Ogos 2022 dan festival Bon Odori (Gujo Odori) di Hachiman-cho Shimadani, Gujo-shi, Gifu pada 15 Ogos 2022. Kajian juga melibatkan lokasi-lokasi lain bagi menemui responden di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Osaka, Kyoto, Gujo dan Kobe. Kajian *multiple case* ini menggunakan persampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak dikaji dikenal pasti dan beberapa individu dalam kelompok tersebut diambil kira sebagai sampel.

Pemilihan responden adalah berdasarkan latar belakang agama Buddha, agama Shinto, warga muslim Jepun, penganjur festival, pakar budaya Jepun, pengunjung festival dan masyarakat awam. Berdasarkan saranan yang telah diberikan oleh pakar, responden kajian ini perlulah terdiri daripada sami agama Buddha dan Shinto di Jepun memandangkan mereka lebih layak untuk mengesahkan sama ada festival ini merupakan salah satu daripada amalan keagamaan dalam agama mereka. Dalam waktu yang sama, penyelidikan juga perlu melihat bagaimana festival ini dijalankan di Jepun sebagai lokasi asal festival ini dianjurkan. Bagi menepati saranan seperti yang dinyatakan diatas, penyediaan data berkaitan Festival Bon Odori melibatkan responden-responden yang terdiri daripada ketua sami agama Buddha, ketua sami agama Shinto, pembantu sami Buddha, presiden, Gujo Odori Hozonkai

(Persatuan Khazanah Tarian), Pegawai Heritage Kyoto, pakar Budaya Jepun (Urban Culture Research Center) muslim Jepun Terawal), Imam Masjid Kobe, president, Japan Muslim Association Islamic Culture Exchange Center Japan, Executive Director, Japan Muslim Association, Islamic Culture Exchange Center Japan, Director, Japan Muslim Association, Islamic Culture Exchange Center Japan, Pelajar Jepun di IIUM, orang awam (pekerja syarikat TV), kakitangan Japan Dakwah Center, Osaka, Japan (R14JDC), komuniti Muslim Jepun, Japan Dakwah Center, Osaka, Japan, Staf Kelab Jepun Kuala Lumpur dan Pengunjung-pengunjung Festival Bon Odori di empat lokasi yang telah dinyatakan.

Bagi data pemerhatian pula, pasukan penyelidik dibahagikan kepada dua kumpulan dengan setiap kumpulan mempunyai dua penyelidik. Namun ini berbeza dengan pemerhatian yang dijalankan di Jepun. Penyelidik hanya mempunyai satu kumpulan yang terdiri daripada tiga orang di mana salah seorang daripadanya adalah warganegara Malaysia yang menetap di Jepun serta fasih berbahasa Jepun dan berkemampuan membuat terjemahan secara terus. Penyelidik juga menyediakan nota lapangan dan rakaman bergambar dan video serta carian rakaman youtube berkaitan. Data yang di kumpul dalam pemerhatian, temu bual, ringkasan dokumen, audio dan diproses sebelum ia sedia untuk digunakan dengan merakam, menaip, mengedit, dan seterusnya ditranskripsikan. Analisis kualitatif yang dijalankan adalah berdasarkan tema dan perkataan yang telah ditentukan. Dalam hal ini pengiraan statistik matematik bukan menjadi fokus dan sandaran kepada analisis yang dijalankan.

TINJAUAN LITERATUR

Terdapat beberapa perkara yang perlu diperhalusi berkaitan dengan latar belakang kajian yang meliputi Agama Masyarakat Jepun, Kebudayaan dan Perayaan Masyarakat Jepun, Menyambut Perayaan Bukan Islam Bagi Orang Islam dan Ketetapan Sedia Ada Berkaitan Sambutan Perayaan Bukan Islam

Agama Masyarakat Jepun

Secara amnya, terdapat empat kepercayaan utama dalam kalangan masyarakat Jepun iaitu *Buddha, Shinto, Konfusianisme* dan *Animisme*. Majoriti orang Jepun tidak dapat mengenal pasti agama tunggal mereka sebaliknya mereka mengamalkan sejenis *Sinkretisme* yang dikenali sebagai *Shinbutsu Shūgō* atau lebih tepat dikenali sebagai penyatuan dewa dan Buddha yang mensintesis komponen daripada pelbagai agama (Reischauer et. al, 1995). Walau bagaimanapun *Shinbutsu Shūgō* telah dimansuhkan secara rasmi pada tahun 1886 apabila Shinto dan Buddhisme dipisahkan. Akibatnya, *Shinto* dan *Buddhisme* tidak dilihat sebagai dua agama yang berbeza sepenuhnya tetapi sebagai sistem teologi yang cukup rumit di Jepun (Staemmler & Dhen, 2011).

Kebudayaan dan Perayaan Masyarakat Jepun

Taylor (1974:1) meletakkan konsep budaya secara komprehensif yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan dan perlakuan manusia kecuali yang bersifat biologikal. Konteks ini menjadikan kebudayaan dalam masyarakat Jepun yang antara lain meliputi festival dan perayaan iaitu majlis perayaan tradisional yang sering disambut dengan tarian dan muzik (Brintannica, 2009). Kebanyakan perayaan tradisional Jepun ini adalah berasal dari perayaan tradisional Cina, tetapi telah berkembang dan mengalami perubahan serta mempunyai sedikit persamaan dengan bentuk asalnya, walaupun berkongsi nama dan tarikh yang sama. *Matsuri* ialah perkataan Jepun yang diterjemahkan kepada "festival" atau *"divine worship"* dalam Bahasa Inggeris. Ia berasal dari kata kerja *matsuru* yang bermaksud "melayan, menjaga, mengurus atau menghiburkan". *Kami* (Tuhan) adalah tujuan utama perayaan ini dilakukan (Brintannica, 2009; Shen, 2020; Foster & Porcu, 2020). Kami di beri makan dan dilayan dengan baik supaya mereka dapat melindungi kesejahteraan manusia sebagai dewa penjaga.

Matsuri pada asalnya merupakan upacara keagamaan dan ia berlaku pada masa dan lokasi yang tertentu. Perayaan *matsuri* ini adalah aktiviti yang serius di mana tujuan utamanya adalah untuk menyembah Kami. Orang yang mempunyai kepercayaan yang kuat akan memberi salam, melayani, dan menghantar Kami pergi. Mereka yang menyertai *matsuri*

mempunyai kelebihan dan hajatnya dimakbulkan. Mereka akan diberkati selagi mereka memenuhi keredaan Kami (Britannica, 2009). Pada masa yang sama, mereka harus memikul tanggungjawab untuk terus mengadakan *matsuri* dan ibadah. Justeru, kuasa dan kewujudan Kami jarang dipersoalkan dan menjadikan Kami gembira dan berpuas hati adalah matlamat yang paling penting bagi penganut ajaran *Shinto* (Shen, 2020).

Terdapat banyak festival yang dikategorikan sebagai *matsuri* dalam masyarakat Jepun antaranya adalah;

i. Bon Odori

Bon Odori merupakan satu festival yang memuatkan acara dan aktiviti kebudayaan masyarakat Jepun. Perkataan "Odori" dalam bahasa Jepun adalah bermaksud tarian tradisional Jepun. Manakala perkataan "Bon" pula mempunyai dua maksud. Maksud pertama adalah mangkuk atau bekas yang digunakan untuk hidangan makanan (Michael Jeremy dan M. E. Robinson, 1989). Maksud kedua pula adalah nama kepada Perayaan Hantu Lapar iaitu satu amalan dalam keagamaan Buddha. Falsafah dan sejarah di sebalik perayaan Bon ini dikatakan mempunyai kaitan dengan kepercayaan agama yang wujud di dalam agama Buddha. Perayaan Bon ini telah dirayakan di Jepun selama lebih dari 500 tahun dan secara tradisional termasuk tarian, yang dikenali sebagai Bon Odori (Sato Ava 2021).

Yagura ialah sebuah perancah sementara yang didirikan di tengah tempat tarian Bon Odori. Secara tradisinya, ia ditutup dengan langsir dan kain berjalur merah-putih, dan dihiasi dengan banyak tanglung. (Di Jepun, gabungan warna merah dan putih digunakan dalam majlis yang bertuah.) Lagu-lagu rakyat tradisional Jepun dimainkan oleh Hayashi Kata (ahli kumpulan/dram, shamisen, dll.) dan dinyanyikan oleh Ondotori (seorang penyanyi lagu-lagu rakyat), dan tarian penari berlangsung di atas pentas *yagura* dan juga di sekelilingnya.

ii. Gion Matsuri

Festival Gion atau lebih dikenali dalam Bahasa Jepun sebagai Gion Matsuri berlangsung di tempat Kyoto pada musim panas dan kini menjadi bandar pelancongan global yang mempromosikan budaya tradisional. Pada Julai di Kyoto, ketika cuaca panas dan lembap, dan festival Gion diadakan bagi menandakan musim hujan akan berakhir. Ini menandakan permulaan perayaan musim panas pada Ogos *seperti Obon, Jizobon* yang didedikasikan untuk *bodhisattva Jizo*, dan perayaan Api *(gossan no okuribi yang biasanya dikenali sebagai daimonji)* (Porcu, 2022).

Ia adalah pada musim panas di mana cengkerik berbunyi dengan kuat bagi memberi isyarat tentang kehadiran mereka. Penduduk Kyoto mengambil peluang untuk memakai *yukata* dan bersiar-siar di jalan yang sibuk *(natsu bate)* (Porcu, 2018). Di Kyoto, Gion *matsuri* merupakan satu festival yang menarik dan ramai pelawat datang dari seluruh Jepun dan luar negara untuk meraikannya. Ini akan menarik orang ramai untuk meraikan perayaan di berbanding perayaan terkenal yang lain seperti *Aoi Matsuri* dan *Jidai Matsuri* di mana perayaan ini masing-masing berlaku pada Mei dan Oktober (Porcu, 2022).

iii. Aomori Nebuta Matsuri

Aomori Nebuta Matsuri, Aomori Nebuta Festival atau secara ringkasnya dikenali sebagai *Aomori Nebuta*) ialah satu festival musim panas Jepun yang diadakan pada awal bulan Ogos di Aomori, Aomori Prefecture, Jepun (japan-guide.com, n.d.). Masa sambutan ini merupakan perayaan ini telah menarik ramai pelancong dari mana-mana festival di negara Jepun dan juga merupakan salah satu festival yang terbesar di Negara Matahari Terbit ini. *Aomori Nebuta Matsuri* adalah perayaan yang diadakan untuk mengusir roh jahat dan membuat perarakan anak patung gergasi yang diperbuat daripada kertas berbentuk tanglung anak patung. Tanglung anak patung ini kemudiannya akan dihanyutkan di dalam sungai.

Nebuta Matsuri ialah perayaan yang diadakan untuk menyambut perayaan *Tanabata* dan ia diadakan dari 2 hingga 7 Ogos. *Nebuta*

sendiri ialah tanglung gergasi yang diperbuat daripada bingkai kayu dan ia dibawa melalui jalan dengan menggunakan kenderaan hiasan. *Nebuta* merujuk kepada tanglung tokoh pahlawan yang berani yang diarak melalui pusat bandar, manakala penari bagi perayaan ini memakai kostum yang unik dipanggil *haneto* menari mengikut gerakan nyanyian *Rasserā*.

Menyambut Perayaan Bukan Islam Bagi Orang Islam

Ulama berselisih pandangan dalam menentukan kewajaran seseorang muslim untuk menyertai perayaan bukan Islam. Secara umumnya, ulama berpandangan berbeza tentang kesahihan orang Islam menyertai perayaan bukan Islam (Yunus & Mamat, 2007). Pandangan pertama menyebut tentang haram mutlak. Menurut (Ibn al-Qayyim & Abu Bakr, 1997), diharamkan orang Islam mengucapkan tahniah kepada orang bukan Islam dalam sesuatu perayaan. Beliau percaya walaupun pelakunya tidak menjadi kafir akibat perbuatan itu, ia adalah perkara yang dilarang di sisi Syarak kerana ia sama dengan mengucapkan tahniah kepada mereka yang kurang beriman kepada Allah. Dengan mengambil kira pandangan ini ketika mengucapkan tahniah, jelaslah bahawa larangan itu sudah tentu lebih penting dalam penglibatan langsung seorang Muslim. Hal ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah dalam surah al-Furqan ayat 72). Pandangan kedua pula mendakwa penglibatan umat Islam dalam perayaan orang bukan Islam tidak diharamkan sepenuhnya. Pandangan ini dipelopori ulama kontemporari seperti Dr. Yusuf a-Qardawi, Dr Mustafa al-Zarqa, Dr Abdul Sattar Fathullah Sa'id, Dr Ahmad al-Syarbashi, dan Dr Abdul Hayei Syukor (Yunus & Mamat, 2007; Mustafar & Badhrulhisham, 2021), ucapan tahniah kepada orang bukan Islam ketika perayaan mereka, hanya dianggap suatu bentuk komunikasi sosial yang positif (*mujamalah*) dan bukannya penyerupaan (*tasyabbuh*) atau pengakuan (*iqrar*) terhadap kepercayaan kufur mereka. Dar al-Ifta' al-Misriyyah, sebuah badan fatwa yang berwibawa dan terkenal di Mesir juga telah mengeluarkan pendapat sedemikian, khususnya dalam kes perayaan Krismas (Al-Yaum al-Sabi', 2020).

Semestinya dalam konteks Malaysia yang mempunyai kepelbagaian agama, bangsa dan budaya, isu kebajikan rakyat perlu diberikan

perhatian oleh pemimpin. Untuk mengekalkan keharmonian agama di samping memelihara kesucian agama Islam, tindakan yang teliti dan menyeluruh perlu diambil. Hasilnya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah Menyusun 'Garis Panduan Umat Islam Termasuk Hari Keagamaan Orang Bukan Islam' dan membentangkannya kepada Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Ke-68 pada April 14 April 2005 (Mustafar & Badhrulhisham, 2021).

Secara umumnya, garis panduan tersebut menyatakan bahawa umat Islam wajib mengambil bahagian dalam perayaan agama Islam dengan syarat tertentu termasuk tidak menyertai mana-mana upacara keagamaan yang bertentangan dengan akidah Islam, majlis tidak disertai dengan perbuatan yang melanggar syariat, tiada unsur mempermainkan dan merendahkan kesucian agama Islam, tidak diiringi oleh perkara-perkara yang menyentuh sensitiviti umat Islam khususnya dan tidak disertai amalan-amalan yang mencemarkan agama Islam (Yunus & Mamat, 2007). Hasilnya di Malaysia, pendapat yang memerlukan syarat dilihat lebih relevan dengan suasana dan keadaan masyarakat setempat. Ini adalah untuk melindungi kebajikan masyarakat setempat kerana Malaysia adalah rumah kepada pelbagai budaya dan agama. Namun tidak dibenarkan jika ia melibatkan upacara dan unsur akidah yang bercanggah dengan akidah Islam. Ini adalah untuk menegakkan akidah Islam selaras dengan Maqasid Syar'iyyah yang paling utama iaitu menegakkan agama (Mustafar & Badhrulhisham, 2021).

Ketetapan Sedia Ada Berkaitan Sambutan Perayaan Bukan Islam

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-68 yang bersidang pada 12 April 2005 telah membincangkan Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam telah memutuskan beberapa ketetapan kriteria perayaan orang bukan Islam yang boleh dihadiri oleh orang Islam iaitu majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam, tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak dan

tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh "menyentuh sensitiviti masyarakat Islam.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mengeluarkan kriteria perayaan bukan Islam yang boleh dihadiri oleh orang Islam. Kriteria ini secara amnya mengharuskan warganegara beragama Islam mengunjungi rumah terbuka yang diadakan oleh warganegara bukan Islam di Malaysia sempena perayaan mereka. Beberapa kriteria utama perlu dijadikan garis panduan oleh warganegara beragama Islam supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kriteria-kriteria tersebut adalah majlis tersebut tidak disertakan dengan upacara-upacara yang bertentangan dengan akidah Islam.

Maksud 'bertentangan dengan akidah Islam' ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan menyebabkan tercemarnya akidah umat Islam, tidak disertakan dengan perbuatan yang bertentangan dengan syarak. Maksud 'bertentangan dengan Syarak' ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan ajaran Islam yang diamalkan oleh masyarakat Islam, tidak disertakan dengan 'perbuatan yang bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam' di negara ini. Maksud 'bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam' ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan bertentangan dengan nilai dan norma kehidupan masyarakat Islam negara ini yang berpegang kepada ajaran Islam berdasarkan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Perayaan itu juga tidak disertakan dengan perbuatan yang boleh 'menyentuh sensitiviti masyarakat Islam. Maksud menyentuh sensitiviti masyarakat Islam ialah sesuatu perkara, perbuatan, perkataan atau keadaan yang jika dilakukan akan menyinggung perasaan umat Islam tentang kepercayaan dan amalan mereka.

Dalam apa jua situasi, panduan yang dikeluarkan dengan jelas menyarankan pihak penganjur dan orang ramai untuk mendapatkan pandangan pihak berkuasa agama sebelum menganjur atau menghadiri majlis perayaan orang yang bukan beragama Islam. Saranan yang dinyatakan ini menunjukkan terdapat ruang perbincangan yang perlu dijalankan dari masa ke semasa bagi mengemukakan panduan khasnya

berkaitan penganjuran festival tertentu sesuai dengan iklim kepelbagaian bangsa dan agama di Malaysia. Ini kerana Perayaan-perayaan masyarakat bukan Islam yang disambut di Malaysia tidak boleh dilihat dari sudut keagamaan semata-mata. Ada juga perayaan yang melibatkan adat dan tradisi masyarakat bukan Islam dan tradisi ini lebih banyak dijalankan berbanding dengan upacara keagamaan yang terkandung di dalamnya. Dalam konteks sambutan Bon Odori, ia perlu diperhalusi agar ia dapat menjadi satu panduan yang jelas apakah aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang festival tersebut melayakkan seorang muslim sebagai peserta atau pemerhati sahaja atau sebaliknya.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini adalah berdasarkan perbincangan-perbincangan berikut;

Hukum Menyertai Sambutan Perayaan Orang Bukan Islam

Hukum orang Islam menyertai perayaan orang bukan Islam perlu dilihat dalam **dua keadaan;**

Pertama; Penyertaan Sambutan Upacara Yang Berkaitan Peribadi, Sosial Dan Kenegaraan

Contoh bagi sambutan ini adalah seperti menyambut kelahiran anak, perkahwinan, kejayaan dalam peperiksaan, mendapat pekerjaan yang baik atau sambutan hari kemerdekaan, hari ibu, hari bapa, hari kesihatan sedunia, hari pekerja dan seumpamanya. Dalam konteks ini, terdapat dua pendapat ulama yang mengharuskan dan yang mengharamkannya. Majoriti fuqaha mengharuskan ucapan tahniah, takziah kepada orang bukan Islam dan bergaul dengan mereka terdiri daripada Hanafiyyah (Ibn Nujaym, t.t) , Malikiyyah (Al-Hattab, 1992) dan Hanabilah (Al-Mirdawi, t.t). Manakala fuqaha Syafi'iyyah (Al-Bujayrmi, 1995) menghukumkan pergaulan zahir dengan mereka adalah makruh dan yang diharamkan hanya kasih sayang dengan hati dan perasaan. Pendapat majoriti ulama di atas selari dengan keputusan

Dar Al-Ifta' Jordan , Dar al-Ifta' Mesir , Lajnah Fatwa Universiti al-Azhar dan Dar Al-Ifta' Libya . Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah dan Prof Dr. Abd Al-Sattar Sa'id, seorang ulama Al-Azhar turut membenarkannya dengan syarat tiada perbuatan dan ucapan yang menyalahi syarak.

Kebanyakan ulama tidak melarang umat Islam menyertai majlis sosial yang disambut oleh orang bukan Islam sama ada dengan memberikan ucapan tahniah, menyampaikan hadiah dan sumbangan kepada mereka. Penyertaan tersebut boleh dikategorikan sebagai perbuatan baik (*husn al-khulq*) atau budi pekerti mulia yang dianjurkan oleh syarak, apatah lagi ia menjadi sebuah dakwah kepada Allah SWT selain umat Islam mempamerkan contoh teladan kepada masyarakat awam sama ada secara pertuturan mahupun tindakan. Keharusan tersebut dibenarkan selagi mana penyertaan dalam upacara mereka tidak mengandungi tindakan-tindakan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Kedua; Penyertaan Upacara Khusus di Rumah-rumah Ibadah Bukan Islam

Para ulama mengharamkan penyertaan dalam upacara keagamaan yang khusus. Begitu juga tidak ditemui sebarang dalil yang jelas membenarkan atau menggalakkan umat Islam untuk turut sama merayakan upacara keagamaan pada hari-hari kebesaran agama mereka. Larangan ini berdasarkan kepada hadis "sesungguhnya bagi setiap kaum itu terdapat perayaan, dan ini adalah perayaan kita" (Al-Bukhari). Ini menunjukkan perayaan yang bersifat keagamaan adalah syiar kepada agama tersebut. Mengulas hadis di atas, Ibn Hajar al-Asqalani mengatakan **makruh** umat Islam bergembira dalam perayaan orang musyrikin dan meniru perbuatan mereka. Islam menggantikan kepada umatnya dengan perayaan-perayaan khusus seperti Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha agar masyarakat Islam mempunyai sambutan keagamaan khusus yang berbeza dengan orang bukan Islam. Ini berdasarkan hadis "sesungguhnya Allah telah menukarkan bagi kamu dengan dua perayaan yang lebih baik iaitu hari raya fitri dan hari raya korban" (Abu Daud; 4031) dan juga sumber-sumber lain termasuk larangan *tasyabbuh* (penyerupaan) yang sememangnya ditegah oleh Islam.

Namun begitu larangan menyambut perayaan tidak bermaksud larangan untuk memasuki rumah-rumah ibadah bukan Islam. Majoriti Hanafiyyah (Ibn Abidin, 1992) , Malikiyyah (Ibn Rusyd, 1988), Syafi'iyyah (Al-Syirbini, 1994) dan Hanabilah (Al-Bahuti, t.t) tidak mengharamkan perbuatan tersebut secara mutlak yang mana hanya menghukumkan sebagai makruh. Kebenaran memasuki terperinci dalam kitab fikah pelbagai mazhab dan antara sumber yang disandarkan adalah terhadap bukti yang kukuh melaporkan para sahabat RA seperti Abu Musa al-Asya'ari memasuki gereja Nahya di Damsyiq dan bersolat di dalamnya (Ibn Abi Syaybah, 4871) dan Khalifah Umar Bin Al-Khattab RA memeterai perjanjian dengan orang Nasrani yang menyebut antaranya tidak boleh menghalang mana-mana orang Islam daripada memasuki gereja (untuk berteduh) pada waktu siang ataupun malam, membuka pintu-pintu gereja dengan luas kepada para pejalan kaki dan musafir serta melayani umat Islam datang ke sana dan menjamu makan selama tiga hari. (Al-Bayhaqi, 18717 ; Ibn Qayyim (ahkam ahl Zimmah; 3/164). Larangan juga tidak termasuk menghadiri pasar-pasar bukan Islam ketika perayaan mereka. Dalam hal ini Ibn Taymiyyah (1999) kelihatan bertasamuh dalam membenarkannya walaupun bersikap ekstrem dalam soal mengucapkan tahniah kepada bukan Islam.

Penganjuran Festival Bon Odori Di Malaysia Dan Jepun

Bon Odori merupakan satu festival yang dianjurkan di kebanyakan lokasi di seluruh dunia. Terdapat pelbagai nama digunakan bagi festival ini. Penggunaan nama ini bergantung pada lokasi festival itu dianjurkan. Antara nama-nama yang digunakan adalah *Awa Odori* , *Gujo Odori*, *Hokkai Bon Odori, Nishimonai Bon Odori, Himeshima Bon Odori* dan lain-lain.

Maksud Bon Odori

Istilah Bon Odori terdiri daripada dua perkataan iaitu Bon dan Odori. Berdasarkan analisis data yang dijalankan, Bon mempunyai dua maksud iaitu nama kepada perayaan berkaitan dengan sambutan roh nenek moyang yang dikaitkan dengan kepercayaan Buddha dan

mangkuk atau bekas yang digunakan untuk hidangan makanan (Michael Jeremy dan M. E. Robinson, 1989). Bagi maksud kedua ini, responden (R14KJD) menyatakan;

> *"Bon adalah mangkuk atau dulang yang digunakan dalam perayaan (untuk hidangan) ketika Bon Odori"*

Berdasarkan www.weblio.jp, perkataan 'obon' ialah terbentuk dari dua suku kata iaitu ungkapan sopan 'o', dan ia juga merujuk kepada 'bon', iaitu bekas rata (dulang) yang digunakan untuk menghidangkan makanan. Perkataan "Odori" dalam bahasa Jepun pula bermaksud tarian tradisional Jepun. Berdasarkan definisi yang dikemukakan di atas, Bon Odori boleh memberi dua maksud iaitu tarian tradisional Jepun yang mempunyai kaitan dengan sambutan kepulangan roh nenek moyang manakala maksud kedua pula adalah festival tarian yang dihidangkan makanan dalam mangkuk atau dulang makanan.

Perayaan Obon

Perayaan Obon adalah perayaan yang disambut oleh masyarakat Jepun selama tiga hari seperti yang ditentukan menerusi kalendar Lunar iaitu di antara 13 Ogos 2022 sehingga 16 Ogos 2022. Dalam tempoh juga kebiasaannya masyarakat Jepun akan bercuti sempena musim panas dan menganjurkan beberapa festival bersempena dengan cuti tersebut. Ia disambut dalam pertengahan musim panas bagi membolehkan ahli keluarga dan rakan-rakan dapat berkumpul dalam suhu yang panas sebagai satu pertemuan tahunan(Michael Jeremy & M. E. Robinson, 1989). Responden (R15JDC) menyatakan;

> *"Dalam kalangan orang muda, perayaan Obon ini bermaksud perayaan musim panas, tarian musim panas. Di tempat-tempat saya ia dijalankan di kawasan-kawasan lapang"*

Perayaan ini juga dikaitkan sambutan terhadap kepulangan roh nenek moyang. Semakan kepada dokumen menunjukkan dalam konteks ini, perayaan Obon disambut secara tradisi dengan cara tanglung *chochin* (kertas) dinyalakan di dalam rumah. Tanglung ini kemudiannya dibawa ke tapak kubur keluarga mereka untuk memanggil roh nenek moyang

mereka pulang ke rumah. Proses ini dipanggil *mukae-bon*. Di sesetengah kawasan, api yang dipanggil *mukae-bi* dinyalakan di pintu masuk rumah untuk membantu memandu roh masuk. Perayaan Obon ini kemudiannya diikuti dengan beberapa festival yang juga bersempena dengan musim panas dan diakhiri dengan festival *Gozan no Okuribi* atau juga dikenali sebagai *Daimonji* yang dianjurkan di Kyoto, Jepun.

Namun begitu, pemerhatian yang dijalankan mendapati aktiviti membawa tanglung ke tanah perkuburan tidak dilakukan sebaliknya aktiviti membersihkan kubur nenek moyang dijalankan oleh sebahagian masyarakat Jepun yang berkemampuan. Dalam tempoh ini juga mereka akan ke kuil untuk mendoakan kesejahteraan keturunan kepada roh nenek moyang mereka. Tinjaun ke Shitenno-ji Temple di Osaka mendapati masyarakat Jepun datang ke kuil tersebut bagi tujuan yang dimaksudkan. Kemuncak kepada perayaan Obon adalah Festival *Gozan no Okuribi* atau juga dikenali sebagai *Daimonji* yang dianjurkan di Kyoto, Jepun. Festival api ini dilaksanakan dengan nyalaan api di lima bukit di Kyoto Jepun. Festival ini menjadi satu tradisi untuk menghantar roh nenek moyang kembali ke alam mereka. Dalam perayaan ini beberapa simbol yang dibina dan dibakar menjadi unggun api dibuat. Berdasarkan kenyataan responden (R5PHK), lima unggun api ini memberi maksud *setiap orang apabila mendengar loceng, mereka akan pergi ke kuil Shinto dan apabila mereka mati mereka akan menaiki kapal untuk ke syurga*.

Dalam sudut pandang cendekiawan barat, perayaan Obon dalam konteks sambutan terhadap roh nenek moyang memberikan satu maksud yang berlawanan dengan kepercayaan masyarakat Jepun. Ini kerana, rumah-rumah masyarakat Jepun pada kebiasaannya mempunyai *butsudan* lokasi di mana mereka meletakkan roh nenek moyang di kediaman masing-masing. Oleh yang demikian apa perlunya mereka menjemput roh nenek moyang kembali ke kediaman masing-masing dari tanah perkuburan seperti yang disebut dalam beberapa sumber (Michael Jeremy dan M. E. Robinson, 1989).

Penganjuran Festival Bon Odori

Festival Bon Odori merupakan salah satu festival yang dianjurkan di antara bulan Julai dan Ogos.Ketika kajian ini dijalankan, festival ini dianjurkan pada 16 Julai 2022 di Shah Alam dan 30 Julai 2022 di Pulau Pinang. Berdasarkan data pemerhatian yang dijalankan di semua lokasi kajian (Malaysia dan Jepun) penganjuran festival Bon Odori boleh terbahagi kepada dua iaitu berkonsepkan Tradisional dan moden Kontemporari. Penganjuran berkonsepkan tradisional bermaksud festival ini dianjurkan dengan melibatkan lagu-lagu klasik Jepun, permainan gendang tradisional, tarian, dan jualan pelbagai jenis makanan dan kraf tangan Jepun. Penganjuran berkonsepkan tradisional ini dapat dikenal pasti di dua lokasi iaitu di Festival Bon Odori Kuala Lumpur di Shah Alam, Selangor dan Festival Bon Odori di Gujo Hachiman, Jepun.

Penganjuran berkonsepkan moden kontemporari pula bermaksud festival ini masih mengekalkan aspek-aspek tradisional iaitu melibatkan lagu-lagu klasik Jepun, permainan gendang tradisional, tarian dan jualan pelbagai jenis makanan Jepun dengan penambahan persembahan lagu-lagu moden, persembahan seni bela diri, persembahan tradisi dan nyanyian lagu setempat (lagu rasa sayang). Ini termasuk juga lagu-lagu moden dengan jemputan artis tertentu. Penganjuran berkonsepkan moden kontemporari ini dapat dikenal pasti di dua lokasi iaitu di Festival Bon Odori Pulau Pinang dan Festival *Bon Odori Dotonbori River Walk*, Osaka, Jepun.

Bon Odori Dari Aspek Keagamaan Dan Kebudayaan

Permulaan festival Bon Odori dalam masyarakat Jepun bersandarkan kepada legenda dalam agama Buddha dan banyak dimuatkan dalam *website* dan blog-blog tertentu. Semakan dokumen yang dijalankan bagi mengenal pasti kesahan legenda tersebut mendapati kisah asal yang sering kali dihubungkan dengan perayaan dan sambutan Bon Odori ialah tentang seorang pengikut Siddhartha Gautama Buddha, yang bernama Mu-Lien (Sanskrit: Maudgalyayana) yang mempunyai kebolehan untuk melihat alam ghaib, serta misinya untuk mencari kedua ibu bapanya yang telah meninggal dunia. Kisah ini tertulis di

dalam Ullambana Sutra (juga dikenali Yulanpen Sutra yang dipercayai ditulis antara 266- 313 Masihi).(Bandō, Shōjun), ed. (2005), "*The Ullambana Sutra* (Taishō Vol. 16, No. 685) Catatan ini menunjukkan bahawa kisah ini dibukukan selepas 800 - 900 tahun Masihi selepas kematian pengasas agama Buddha iaitu Siddhartha Gautama Buddha.

Kedudukan rujukan Ullambana Sutra atau Yulanpen Sutra yang dianggap sebagai himpunan kisah-kisah amalan kebaktian dan mulia terhadap orang tua, nenek moyang merupakan sumber rujukan sekunder dalam agama Buddha Mahayana. Ini kerana 3 kitab utama yang menjadi pegangan penganut agama Buddha adalah Tripitaka: Sutta Pittaka, Vinaya Pittaka dan Abidhamma Pittaka (3 baskets). (Keown, Damien), ed. (2004). "Tripiṭaka". *A Dictionary of Buddhism*). Manakala dari sudut kedudukan aliran pegangan dalam Buddhisme juga, kelompok Mahayana atau lebih dikenali dengan "greater vehicle" adalah dianggap aliran kedua yang muncul selepas Hinayana atau dikenali dengan Theravada. (Damien Keown, *Dictionary of Buddhism*, Oxford University Press, 2003). Oleh yang demikian, kedudukan rujukan Ullambana Sutra dalam permulaan kisah Bon Odori sebagai satu ajaran Buddha adalah sesuatu yang boleh dipertikai dari sudut keutamaan rujukan, aliran dan tempoh masa kerana ia diperkenalkan lebih 900 tahun selepas kematian pengasas utama agama Buddha.

Berdasarkan temu bual yang dijalankan mendapati responden bersetuju dengan sambutan **perayaan Obon (bukan Bon Odori)** itu adalah merupakan satu perayaan yang mempunyai kaitan dengan agama Buddha. Dalam Konteks ini mereka mempercayai tentang roh nenek moyang yang kembali dan bersama dengan ahli keluarga yang masih hidup. Responden (R1KSB) menyatakan;

> *"Sebenarnya banyak cara yang dipraktikkan oleh masyarakat Jepun sebagai cara untuk menyambut kepulangan roh dan juga menghantar balik ke alam mereka. Mereka mempercayai bahawa wujudnya roh aminayurai yang berperanan menyelamatkan roh-roh lain dan seterusnya menempatkan roh tersebut setaraf dengannya."*

Dalam konteks penganjuran Bon Odori kini sebagai satu festival berkaitan dengan sambutan roh nenek moyang pula, responden berpandangan masyarakat moden tidak lagi mempercayai pemahaman tersebut dan ia telah menjadi satu budaya dan warisan dalam kalangan masyarakat Jepun. Bon Odori sudah menjadi 'bunka' iaitu kebudayaan yang disambut oleh masyarakat Jepun setiap tahun. Dalam waktu yang sama responden berpandangan festival tarian Bon Odori bukan satu kemestian untuk disambut. Namun ia terpulang kepada setiap individu untuk menyambut Bon Odori atau sebaliknya. Responden (R1KSB).

> *"Jadi semua ini (Bon Odori) di Jepun adalah Bunka (budaya)."*

Responden juga menolak festival ini sebagai satu ajaran Buddha dan menegaskan bahawa jika sekiranya festival ini sebahagian dari ajaran Buddha, maka sudah tentu mereka juga akan menganjurkannya. Responden (R1KSB) menyatakan;

> *"Jika sekiranya ia (Bon Odori) dari ajaran Buddha, kami menyambutnya."*

Dalam konteks agama Shinto, responden menyatakan festival Bon Odori bukan satu kepercayaan yang berbentuk agama dan beliau tidak fikir bahawa tarian dan nyanyian yang digunakan dalam Bon Odori tersebut sampai ke peringkat kepercayaan keagamaan. Responden (R2KSS) menyatakan;

> *"Secara asasnya, saya tak fikir tentang agama sebab ia adalah cara hidup (orang Jepun). Cara hidup dan itulah cara mereka hidup, saya tak terfikir sampai peringkat agama atau kepercayaan. Saya tak terfikir kerana (ia adalah) festival pada ketika ini dan saya sendiri pun (percaya) macam tu juga."*

Namun begitu pada beliau mempercayai kepulangan roh nenek moyang pada perayaan Obon merupakan sesuatu yang sangat penting bagi masyarakat Jepun. Semua responden juga menyatakan Bon Odori tidak dianjurkan oleh mana-mana sami agama dan pada pandangan beliau tarian Bon Odori tidak menjejaskan apa-apa kepercayaan atau rasa

'bersalah' jika ia tidak disertai atau disambut. Perspektif sambutan festival Bon Odori bergantung kepada keluarga yang menyambut.

Bagi responden pakar kebudayaan Jepun pula, ia juga menganggap festival Bon Odori telah menjadi satu festival kebudayaan, responden (R6PBJ) menyatakan;

> *"Perayaan Obon bukan lagi dianggap sebagai aktiviti keagamaan. Kepercayaan keagamaan itu sudah semakin menipis. Walaupun pada asalnya Perayaan Obon untuk penyembahan roh nenek moyang mereka, tapi sekarang Perayaan Obon sebagaimana pemahaman dahulu sangat rendah."*

> *"Sekarang ini Bon Odori (yang dianjurkan dalam perayaan Obon) sudah menjadi festival tahunan. Ia dianjurkan di banyak lokasi di seluruh Jepun. Dalam kalangan masyarakat Jepun, kepercayaan ketuhanan sudah menjadi adat kebiasaan (konsep ketuhanan sudah hilang dalam amalan harian). (Dalam konteks ini) sambutan Bon Odori sudah menjadi kebudayaan."*

Secara amnya, semua responden agama Islam bersetuju dengan asal usul festival Bon Odori yang berakar umbi kepada agama Buddha seperti yang dinyatakan sebelum ini dalam bab 2. Namun begitu terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa festival ini merupakan inisiatif hiburan yang dilakukan oleh masyarakat Jepun dahulu ketika berkumpul dalam bulan Obon. Masyarakat Jepun yang berkumpul pada ketika itu mula dengan nyanyian, bertepuk tangan dan kemudiannya diikuti dengan paluan gendang. Maka dari situ bermula festival Bon Odori. Responden (R7MJT) menyatakan;

> *"Pada mulanya, Bon Odori bukan agama, tapi yang ada adalah Bulan Obon. Pada asalnya perayaan yang ada dipanggil Mukae Bon. Jadi apabila roh balik, mereka menyediakan makanan yang disukai oleh nenek moyang. Mula-mula orang kampung berkumpul dan mula menyarankan apa kata kita menyambut perayaan ini. permulaannya tiada alat muzik, hanya bertepuk tangan sahaja dan orang mula menari. Jadi masyarakat Jepun*

selepas itu putuskan untuk buat sambutan (Bon Odori). Dengan perubahan zaman, alat muzik mula digunakan dalam sambutan tersebut."

Dalam konteks kewajaran untuk menyertai festival Bon Odori tersebut. Pandangan ini dapat dirumuskan kepada dua. Pandangan pertama, responden berpandangan bahawa penganjuran festival Bon Odori itu adalah sempena perayaan Obon yang mempercayai tentang sambutan kepulangan roh nenek moyang. Oleh yang demikian ia merupakan satu festival yang berunsurkan syirik dan orang-orang Islam tidak wajar menyertainya. Dalam konteks ini kewajaran untuk menghadiri festival tersebut terbahagi kepada dua. Pertama adalah tidak boleh hadir kerana ada unsur syirik. Responden (R7MJT) dan responden (R8IMK) menyatakan;

"Bon odori adalah syirik kerana ia disambut disebabkan perayaan bulan Obon."

Kedua, responden (R10EJM) dan (R11DJM) berpandangan boleh menyertai Bon Odori jika ada keperluan mendesak sahaja atau ingin melihat bagaimana Bon Odori dianjurkan dalam konteks budaya Jepun. Namun begitu menghadiri festival tersebut perlu dielakkan kerana konteks kaitannya dengan kepercayaan syirik dan corak penampilan pakaian pengunjung yang tidak menepati Syara'. Pandangan kedua pula, responden berpandangan festival Bon Odori dipercayai berakar umbi kepada agama Buddha. Namun begitu tiada rujukan berautoriti dari mana-mana sumber rujukan ajaran Buddha yang menyatakan dengan jelas bahawa Bon Odori adalah perayaan keagamaan Buddha. Ini kerana pada pandangan responden, Bon Odori merupakan satu festival yang telah mengalami percampuran antara 3 unsur iaitu Shinto, Buddha dan adat resam agama dan ia bukan suatu festival yang betul-betul berbentuk agama. Namun begitu responden berpandangan ia merupakan budaya yang pada asalnya diambil dari roh keagamaan. Responden (R9PJM) menyatakan;

"Dari apa yang saya faham, Bon Odori ini ialah satu campuran kepercayaan dan budaya Shinto, Buddha dan tradisi, dan ianya bukan suatu yang asli."

"Jadi anda boleh katakan Bon Odori ini suatu perayaan budaya walaupun ia dulunya ada hubungan dengan roh keagamaan."

Dalam waktu yang sama, generasi moden yang menyertai Bon Odori hanya untuk bergembira dan tidak lagi meletakkan ia sebagai festival keagamaan dan acara hiburan kepada roh nenek moyang. Ia telah menjadi festival kebudayaan yang dianjurkan oleh masyarakat Jepun. Oleh yang demikian, orang-orang Islam boleh hadir dan menyertai sama Bon Odori sebagai satu sambutan kebudayaan. Pandangan ini juga dikongsi oleh salah seorang responden warga Jepun berkaitan kenyataan yang dinyatakan di atas. Beliau yang hadir sama dalam sesi temu bual tersebut menyatakan;

"Saya rasa Bon Odori hanya untuk suka-suka dan menari tarian tradisional sahaja. Ada makan-makan dan jumpa kawan-kawan."

Bagi responden yang terdiri daripada pengunjung dan peserta festival Bon Odori yang dianjurkan di semua lokasi memberikan respons yang sama iaitu mereka datang adalah bertujuan untuk merasai makanan Jepun, melihat budaya Jepun, merasai "*feel*" apabila memakai pakaian tradisi Jepun iaitu Yukata dan Kimono, berjumpa dengan kawan dan bergembira serta melihat bahawa festival Bon Odori sebagai satu *culture*. Berikut adalah beberapa sampel transkrip temu bual yang dijalankan terhadap responden-responden yang terdiri dari pelbagai latar belakang termasuk rakyat Jepun yang berada di Malaysia.

R(SA)1; "Saya pakai Yukata dengan menyewa dari sebuah kedai. Saya pakai untuk rasa 'feel' apabila pakai pakaian Jepun. Saya rasa seronok melihat budaya Jepun dan saya suka Jepun."
R(SA)3; "Ni kali ke 3 saya datang.. sbb tertarik dgn budaya jepun. kat sini dapat tengok orang pakai kimono. pakaian jepun. Saya sendiri suka pakaian jepun. lebih longgar dan menutup aurat. Saya suka makanan jepun dan disini ada dijual."

R(SA)4; "Saya mari sebab minat kepada budaya Jepun.. tak ada kaitan dengan agama. Kami suami isteri biasa ke Jepun.. kat sini boleh rasa makanan.. dan jumpa kawan2."
R(SA)5; "Saya belajar budaya Jepun di Universiti.. saya datang sini nak tengok macam mana budaya Jepun. Saya beli beli pakaian ni nak rasa bagaimana rasa pakai pakaian Jepun."
R(SA)8; "Datang sini sebab suka budaya Jepun. Datang dgn kawan-kawan yang minat budaya Jepun.. datang suka-suka.. Bon odori tak dibuat di rumah.. ia kawasan terbuka."
R(SA)10; "saya sudah 40 tahun duduk di Malaysia. Festival Bon Odori lebih kepada culture.. saya datang untuk berkumpul dan makan-makan dengan keluarga."
R(PNG)1; "Bon Odori acara culture Jepun. Cara tarian gambarkan aktiviti sosial Jepun; bertani, berkebun, memandang alam semula jadi seperti gunung ganang."
R(PNG) 2; "Ini kali pertama datang ke festival Bon Odori.. Saya datang sebab saya minat budaya Jepun dan saya memakai Yukata bersama famili. Saya tidak tahu kaitan dengan agama dan saya merasakan ia festival Jepun sahaja. Saya enjoy dengan festival ini."
R(PNG) 5; "Saya ada keluarga angkat di Jepun.. rakyat Jepun. Saya tengok tak ada beza antara (festival Bon Odori) di Jepun dan di Malaysia. Ia lebih kepada seronok-seronok (rehat dan makan) kerana orang Jepun kerja kuat."

Berkaitan dengan Bon Odori sebagai satu festival keagamaan dan hiburan kepada roh nenek moyang, responden menolak penganjuran di Malaysia mempunyai unsur-unsur berkenaan.

R(SA)1; "Tidak, semua yang ada dalam festival ini adalah kebudayaan Jepun sahaja."
R(SA)2; "Festival ini jika di Jepun, ia ada unsur agama tapi di Malaysia, penganjuran festival ini tidak mempunyai unsur-unsur agama. Ia lebih kepada culture. lirik yang digunakan dalam nyanyian festival ini tidak nampak memberi maksud ritual agama."
R(SA)3; "Saya tak nampak ada pujaan hantu. dan saya rasa penganjur sensitif dengan budaya Malaysia. Mereka akan akur..

Bon odori agama ada.. tapi dibuat dalam dewan dan dihadiri oleh ahli agama secara tertutup."

R(SA)5; "Syirik dan haram.?. saya rasa tak ada yang nampak haram. Kalau ada pun makruh sebab cara pengunjung berpakaian. Saya datang sini sebab nak jumpa kawan yang juga minat budaya Jepun. Festival ni macam jom heboh.. tapi jom heboh lebih lagi."

R(SA)6; "Saya tak nampak ada hiburan (kepada roh) tu. Di belakang saya.. saya tak tahu."

R(SA)7; "Bon Odori bukan 100% agama. Dalam lirik lagu mungkin ada unsur agama. Tapi tak semua. Sebab lagu-lagu tu lagu lama. Saya datang sini bukan kerana agama.. datang jumpa kawan dan makan-makan dan kebudayaan Jepun. Dalam persembahan ada unsur agama.. tapi tak betul-betul agama atau roh spirit."

R(SA)9; "ini bukan agama.. dah jadi perayaan tradisional. Kepercayaan nenek moyang. Aku percaya tuhan ada dalam semua benda.. hari ni kita nak tunjukkan kebangkitan ruh.. tp ni tak ada kaitan dengan agama.. ia kepercayaan tradisi sahaja sahaja.. bukan agama."

R(SA)10; "Kaitan dengan kepercayaan?. lirik dan muzik tiada kaitan dengan pemujaan. semua aktiviti berkaitan dengan culture dan saya datang jumpa kawan-kawan dan makan-makan.."

R(PNG)3;" Ini kali ke dua saya datang ke festival ini. Bagi saya ia tradisi Jepun.. festival Jepun.. saya tak tengok sesuatu yang ada upacara agama.. semua berkaitan persembahan tradisi Malaysia dan Jepun."

R(PNG)4; "Bon Odori asasnya kepercayaan agama.. tapi sekarang ia sudah jadi culture. Saya asal kristian dan mula-mula saya takut nak datang (sebab perayaan agama) tapi apabila saya datang, saya tengok ia adalah culture."

R(PNG)6; "Bon Odori dulu asal agama.. tapi telah mengalami evolosi dan sekarang sudah menjadi culture."

Bagi pengunjung dan penganjur di Jepun pula, data catatan temu bual yang dijalankan memberi maklum balas mereka datang sebagai budaya, bergembira, makan dan menari dan berseronok sahaja. Semua

responden menolak sama sekali festival Bon Odori yang dianjurkan sebagai satu festival untuk menghiburkan roh nenek moyang. Terdapat satu responden menyatakan festival Bon Odori ini bertujuan untuk memberi ruang kepada pemuda dan pemudi Jepun berkenal-kenalan. Proses ini diharap akan membawa mereka kepada satu jalinan hubungan yang akan berakhir dengan perkahwinan. Masyarakat Jepun mengalami masalah sindrom masyarakat yang tidak ingin berkahwin atas beberapa faktor yang tidak dapat dijelaskan dalam kajian ini.

Upacara dan Aktiviti Dalam Bon Odori

Dalam konteks upacara dan aktiviti yang dilaksanakan dalam festival Bon Odori, sebanyak 5 perkara telah dikenal pasti menerusi pemerhatian iaitu aspek simbol, tanda, ucapan atau isyarat, perbuatan dalam upacara dan kehadiran tokoh agama. Jadual berikut memerihalkan perkara-perkara seperti yang dinyatakan dalam konteks agama ataupun budaya.

Jadual 1: Upacara dan Aktiviti Bon Odori Dalam Konteks Agama Dan Budaya

PERKARA	PERLAKUAN	MALAYSIA				JEPUN			
		Shah Alam Selangor		Padang Kota Pulau Pinang		Dotondori Osaka		Goju Hachiman	
		Agama	Budaya	Agama	Budaya	Agama	Budaya	Agama	Budaya
Upacara Festival Bon Odori	a. Menyertakan Simbol Agama/ Kepercayaan	-	-	-	-	-	-	/	-
	b. Meletakkan tanda bercirikan agama	-	-	/	-	-	-	-	-
	c. Memberikan ucapan atau isyarat	-	/	/	/	-	-	-	-
	d. Tunduk atau melakukan perbuatan penghormatan	-	-	-	-	-	-	-	-
	e. Kehadiran tokoh agama menjalankan ritual	-	-	-	-	-	-	-	-

a. Menyertakan Simbol Agama dan Kepercayaan

Jadual 1 di atas menunjukkan bahawa penganjuran festival Bon Odori di Selangor, Pulau Pinang dan Osaka, Jepun tidak menggunakan sebarang simbol yang merujuk kepada agama atau kepercayaan tertentu. Hanya penganjuran di Gujo Hachiman, Jepun sahaja yang menggunakan satu simbol berbentuk tanglung telah dikesan seperti dalam gambar Rajah 1;



Rajah 1 Tanglung 'Maki' Yang Digantung Di Beberapa Penjuru Dalam Festival Bon Odori di Gujo Hachiman

Tanglung ini dikenali sebagai *'Maki'* yang berperanan sebagai panduan kepada roh nenek moyang untuk turun ke lokasi sambutan dan menyertai sama tarian Bon Odori yang dijalankan. Mereka mempercayai apabila roh nenek moyang melihat *'Maki'* tersebut, mereka akan turun dan datang berkumpul. Responden (R4PH) menyatakan;

> *"Kita percaya bahawa roh nenek moyang turun apabila nampak (tanglung) maki dan apabila waktu pagi roh itu akan pulang."*

Pada kebiasaannya, roh yang telah turun ini akan berkumpul di tengah-tengah bulatan di mana tarian dijalankan. Responden (R4PH) menyatakan;

*"Sekarang ini roh nenek moyang turun bersama-sama, di tengah-tengah (**bulatan**) dan menari bersama-sama (sewaktu tarian festival Bon Odori dijalankan)."*

Responden juga menyatakan, pada orang awam, mereka tidak mengetahui tentang keberadaan roh yang sama-sama menyertai tarian tersebut. Mereka hanya datang untuk bergembira dengan menari. Oleh yang demikian, tarian yang dijalankan tersebut biasanya dijalankan dalam bentuk bulatan di mana penari-penari akan melakukan tarian dan bergerak dalam bentuk bulatan. Namun dalam konteks penganjuran di Gujo, tarian dalam bentuk bulatan tidak dapat dijalankan dan ia dilakukan dengan secara bersambung-sambung di antara pengunjung sesuai dengan keadaan jalan yang ada di lokasi tersebut.



Rajah 2 Menunjukkan Tarian Dijalankan Sepanjang Jalan Dan Tidak Dijalankan Dalam Bentuk Bulatan Sebagaimana Lazimnya.

Responden juga ada menyatakan bahawa terdapat juga roh-roh jahat yang juga turun bersama roh nenek moyang. Oleh yang demikian riben-riben yang diletakkan di setiap hujung atau penjuru *Maki* berperanan untuk menghalau roh jahat tersebut. Responden (R4PH) menyatakan;

"Tapi ada roh jahat pun turun juga, jadi apabila melihat roh jahat itu datang, dibuat di hujung, di setiap hujung (Maki) riben yang bertujuan menghalang roh jahat untuk masuk (dan menyertai sama)."

Walaupun responden banyak membincangkan tentang kepercayaan roh nenek moyang yang sama-sama turun untuk berhibur, namun ia merupakan kepercayaan yang diwarisi sejak ratusan tahun yang lalu.

Dalam konteks sekarang, beliau menyatakan Bon Odori merupakan satu festival kebudayaan dan ia telah didaftarkan bersama dengan sepuluh festival yang lain pada tahun 90an sebagai kebudayaan negara Jepun. Walau bagaimanapun, responden menyatakan penganjuran tarian Bon Odori ini bertujuan supaya roh nenek moyang dapat kembali dengan tenang. Namun begitu, peranan Maki sebagai satu panduan kepada roh nenek moyang untuk turun dan menyertai tarian dan berhibur itu hanya bersumberkan kepada satu responden sahaja. Persoalan yang sama dikemukakan kepada pihak pelancongan Jepun, penduduk Jepun, Pakar kebudayaan Jepun dan juga masyarakat Muslim Jepun serta Presiden dan ahli-ahli yang secara sepakat menyatakan mereka tidak tahu nama 'tanglung; tersebut dan fungsinya sebagaimana yang diterangkan oleh responden (R4PH) dalam penganjuran festival Bon Odori di Gujo Hachiman.

b. Meletakkan Apa-apa Tanda Bercirikan Agama Buddha Atau Shinto

Jadual 1 menunjukkan penganjuran di Pulau Pinang sahaja yang meletakkan tanda bercirikan agama. Simbol agama tersebut adalah gerbang *Torii* yang mempunyai kaitan rapat dengan simbol agama Shinto seperti yang dapat dilihat dalam gambar berikut:



Rajah 3 Menunjukkan Gerbang Torii Di Festival Bon Odori Pulau Pinang

Dua gambar di atas menunjukkan gerbang *Torii* yang diletakkan di suatu sudut sebagai pameran dalam penganjuran festival Bon Odori di Pulau Pinang. *Torii* ialah gerbang tradisional Jepun yang sering kali

ditemui di pintu masuk kuil Shinto. Ia juga boleh ditemui di pintu masuk Kyoto Universiti, makam-makam diraja serta sebahagian kuil Buddha di negara tersebut. Kebiasaannya, ia dibentuk daripada dua batang palang mendatar sejajar disokong dua tiang yang berjarak antara satu sama lain; ia sering dicat berwarna merah kejingga-jinggaan. Nama binaan ini dipercayai daripada *torana* (Bahasa Sanskrit), gerbang hiasan yang wujud di kuil-kuil Hindu Buddha serata selatan Asia.[2] Nama ia ditulis dalam aksara Cina yang bermaksud "hinggapan burung" daripada kepercayaan bahawa binaan-binaan direka untuk dihinggapi burung-burung yang dianggap utusan kepada dewa-dewi.[2] Tidak diketahui sama ada *Torii* ini sebenarnya berasal dari Jepun ataupun Korea.

c. Memberikan Ucapan Atau Isyarat Tertentu Berkaitan Kepercayaan Tertentu.

Jadual 1 menunjukkan bahawa penganjuran Bon Odori di Pulau Pinang mempunyai ucapan yang mempunyai kaitan dengan kepercayaan iaitu sambutan kepulangan roh nenek moyang. Ketua Menteri Pulau Pinang dalam ucapannya menyebut:

> *"Bon Odori is a traditional Japanese festival that is celebrated with dance and lively drums performance to welcome the homecoming of ancestral spirits."*

Dalam penganjuran di Selangor dan juga di Jepun, tiada ucapan yang merujuk kepada apa-apa kepercayaan ditekankan. Bagi penganjuran di Selangor, penekanan diberikan kepada Bon Odori sebagai festival kebudayaan Jepun manakala ucapan-ucapan yang diberikan di Jepun pula merujuk kepada taklimat yang perlu dipatuhi oleh pengunjung dan peserta tarian sepanjang tarian Bon Odori dijalankan. Pemerhatian yang dijalankan juga mendapati tiada sebarang perbuatan tunduk atau melakukan perbuatan menghormati upacara agama tertentu untuk menjalankan ritual tertentu dan juga kehadiran tokoh agama yang menjalankan ritual tertentu di kesemua lokasi kajian. Kehadiran yang ada hanya melibatkan pemimpin, tokoh, Duta Kerajaan Jepun dan penjawat jawatan yang berkaitan dengan penganjuran Bon Odori.

Perbuatan Dalam Festival Bon Odori

Perbuatan dalam festival Bon Odori meliputi nyanyian dan lirik, pemakaian pakaian, bunyi-bunyian dan juga unsur-unsur penyembahan dan khurafat. Jadual berikut menunjukkan perbuatan yang dilakukan dalam festival tersebut.

Jadual 2: Perbuatan Dalam Festival Bon Odori

PERKARA	PERLAKUAN	MALAYSIA				JEPUN			
		Shah Alam Selangor		Padang Kota Pulau Pinang		Dotondori Osaka		Goju Hachiman	
		Agama	Budaya	Agama	Budaya	Agama	Budaya	Agama	Budaya
Perbuatan-perbuatan dalam Bon Odori	a. Nyanyian lagu dan lirik	-	/	-	/	-	/	-	/
	b. Pemakaian pakaian	-	/	-	/	-	/	-	/
	c. Hidangan minuman dan makanan	-	/	-	/	-	/	-	/
	d. Bunyi-bunyian dan hiasan	-	/	-	/	-	/	-	/
	e. Berunsur perjudian, penyembahan, pemujaan, khurafat dan sebagainya. Pemujaan: Permintaan/Zikir/ Nyanyian/ Herdikan/ Celaan/Protes/ Ratapan/ Tangisan/ Diam Tafakur	-	-	-	-	-	-	-	-

a. Nyanyian Lagu dan Lirik

Secara amnya terdapat banyak lagu yang dialunkan dalam festival Bon Odori yang disambut di seluruh dunia. Ia mencecah angka ribuan kerana lagu-lagu tersebut digubah berdasarkan masyarakat setempat yang menyambut festival ini. Ini bermaksud, tiada lagu rasmi dan wajib dinyanyikan dalam setiap festival Bon Odori yang dianjurkan. Berkaitan dengan gerakan-gerakan tarian dan juga lirik yang digunakan

dalam lagu-lagu festival Bon Odori, keseluruhan responden berpandangan ia tidak mempunyai apa apa maksud keagamaan. Dalam waktu yang sama setiap tempat ada cara tersendiri untuk melaksanakan tarian. Ini menjadikan pelbagai tarian dipraktikkan dan lagu digunakan berdasarkan lokasi setempat Bon Odori dianjurkan. Dalam konteks penganjuran di Malaysia, data pemerhatian menunjukkan lagu-lagu klasik berikut digunakan dalam penganjuran festival Bon Odori.

i. Dai Tokyo Ondo

Lagu Bon Odori "*Dai Tokyo Ondo*" sangat terkenal di Tokyo. Terdapat banyak pergerakan yang digunakan di dalam lagu *Dai Tokyo Ondo* ini tetapi Gerakan tarian "*Dai Tokyo Ondo*" ini semuanya gerakan tarian yang perlahan. *Dai Tokyo Ondo* ini adalah tarian yang sangat gembira dan dimainkan untuk tarian rakyat tradisional. Tarian *Dai Tokyo Ondo* ini menjadi terkenal di sekitar musim panas pada tahun 1933. Gerakan tarian *Dai Tokyo Ondo* mempunyai tariannya yang tersendiri.

ii. Tokyo Ondo

Salah satu lagu Bon Odori yang terkenal, khususnya di kawasan Greater Tokyo, ialah *Tokyo Ondo*, *Hokkai Bon Uta* dan *Sohma Bon Uta. Tokyo Ondo* ialah lagu Bon Odori yang juga berfungsi sebagai lagu kebangsaan untuk kelab sukan yang berpangkalan di Tokyo. Lagu *Tokyo Ondo* dicipta untuk acara Bon Odori tajaan Taman Hibiya yang ditaja oleh perniagaan Gedung membeli-belah pada tahun 1932. Pelanggan dikehendaki membeli *yukata* dalam acara festival Bon Odori. Ondo ialah lagu dengan irama 2/2 "*hayun*". Tokyo Ondo ialah lagu tentang Tokyo dalam irama ini. Untuk memulakan tarian Tokyo Ondo ini. Penari-penari harus menunggu 1 bar muzik selepas muzik dimainkan. Berikut adalah langkah-langkah tarian dalam lagu Tokyo Ondo.

iii. Hanagasa Ondo

Hanagasa merujuk kepada *The Flower-Hat Festival* (*Hanagasa Matsuri*), yang berlangsung di Wilayah Yamagata, dikenali sebagai salah satu daripada empat acara terbesar yang akan berlangsung di

kawasan Tohoku. Perayaan ini diadakan setiap tahun pada bulan Ogos. Laungan para penari dalam perbarisan, '*Yassho! Makkasho!*', dan paluan bersemangat dendang hanagasa-daiko boleh didengari semasa perayaan. Ia adalah salah satu acara musim panas simbolik wilayah Yamagata dan menarik lebih sejuta pengunjung.

iv. Ohisama Ondo

Pautan lagu *Ohisama Ondo* ialah:
https://www.youtube.com/watch?v=gc94ySVjlBl

v. Tanko Bushi

Tanko Bushi ialah lagu tradisional Jepun. Walaupun perkataan "*fushi/bushi*" muncul dalam nama itu, iramanya diayun sebagaimana irama Ondo. Lagu ini mengenai perlombongan arang batu dan menyebut bekas Lombong Miike berhampiran Kysh (Bandar Tagawa). Tarian yang seiring dengannya menggambarkan aktiviti di lombong seperti menyodok arang batu, melemparkan beg arang batu ke bahu seseorang, mengesat peluh dari dahi atau menarik troli arang batu. Ia adalah lagu popular yang dipersembahkan dalam tarian Bon Odori semasa festival Bon Odori.

vi. Lirik Lagu

Lirik-lirik yang digunakan adalah menggambarkan suasana kemakmuran dan keindahan negara Jepun dengan pelbagai bunga dan gunung ganang, bentuk pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Jepun seperti pertanian dan perlombongan, impian untuk mencapai kejayaan dan kekayaan, jiwa yang kuat untuk berhadapan dengan halangan untuk mencapai kejayaan dan membina masa depan yang besar. Lirik lagu yang digunakan juga didapati mempunyai kaitan rapat dengan lokasi festival itu dianjurkan. Dalam konteks ini, kajian ini merumuskan bahawa lirik lagu yang digunakan dalam festival Bon Odori di Malaysia juga memuatkan unsur-unsur setempat iaitu menerusi sebutan masjid dan kelapa sawit dalam lirik lagu *Ohisama Ondo* seperti berikut;

モスク や ヤシの木 そびえ 立つ
Masjid dan pokok sawit yang menjulang tinggi

Dalam waktu yang sama, dalam festival Bon Odori Pulau Pinang, lagu rasa sayang juga menjadi lagu utama yang sentiasa diulang-ulang secara berselang seli dengan lagu-lagu utama yang dibincangkan di atas.

vii. Pergerakan Tarian

Pergerakan tarian secara amnya banyak merujuk kepada bentuk pergerakan yang dilakukan oleh masyarakat Jepun dalam menikmati keindahan alam, menjalankan aktiviti ekonomi dan pekerjaan mereka iaitu aktiviti melombong dan aktiviti pertanian.

b. Pemakaian Pakaian

Tinjauan mendapati pakaian yang digunakan mempunyai tulisan seperti yang dilihat dalam gambar berikut. Proses mengenal pasti maksud tulisan tersebut adalah *Matsuri* yang bermaksud 'Festival'. Lain-lain pakaian adalah pakaian tradisi iaitu *Yukata* dan *Kimono*.



Rajah 4 Menunjukkan Tulisan Matsuri Yang Bermaksud Festival, Pakaian Yukata Beserta Terompah Tradisi, Yukata Bertemakan Bunga Sakura Dan Corak Geometri Yang Menjadi Salah Satu Tradisi Masyarakat Jepun

c. Hidangan Minuman dan Makanan

Tinjauan menunjukkan penganjuran di Shah Alam dan Pulau Pinang masing-masing menyediakan kiosk yang menjual pelbagai bentuk makanan tradisi Jepun. Situasi yang sama juga dikesan di Festival Bon Odori di Timbori River Walk, Osaka, Jepun. Terdapat juga penjualan makanan yang tidak halal. Di Shah Alam, makanan tidak halal dijual di salah satu gerai yang disediakan oleh penganjur. Ia diletakkan dengan label yang jelas 'PORK' DAN 'NON HALAL'. Manakala di Pulau Pinang pula, hidangan wain SAKE[1] diletakkan di satu meja pada kedudukan pintu masuk meja makan VIP. Temu bual yang dijalankan mendapati SAKE ini tidak dihidangkan kepada tetamu VIP namun ia diletakkan sebagai satu bentuk promosi terhadap minuman tradisi masyarakat Jepun. Tetamu VIP yang berminat untuk mencuba atau membeli boleh datang ke meja berkenaan. Bagi penganjuran di Jepun, tinjauan berkaitan hidangan makanan berasaskan halal dan haram tidak dijalankan. Namun begitu bagi penganjuran Bon Odori di Goju, tinjauan mendapati hanya gerai-gerai yang menjual cenderamata sahaja dibuka kepada pengunjung.

d. Bunyi-bunyian atau Hiasan

Penganjuran Bon Odori di Shah Alam, Pulau Pinang, Osaka dan Gujo menunjukkan peralatan muzik tradisional digunakan seperti yang dapat dilihat dalam gambar di Rajah 5.

[1] *'Sake'* ialah sejenis minuman arak yang lazim dalam kalangan bangsa Jepun. Ia diperbuat daripada hasil penapaian kanji beras yang telah digilap untuk mengeluarkan dedak beras. *'Sake'* dihasilkan melalui penapaian kanji yang ditukarkan kepada gula sebelum ia ditukarkan kepada alkohol. Rujuk juga https://ms.wikipedia.org/wiki/Sake



Rajah 5 Menunjukkan Alat-Alat Muzik Rebana Yang Digunakan Dalam Festival Bon Odori

Selain dari itu, terdapat juga alatan-alatan lain seperti rebana kecil, tamborin dan gitar digunakan. Festival juga menggunakan rakaman muzik juga digunakan bagi setiap lagu yang dikumandangkan berserta tarian oleh persatuan-persatuan yang berkenaan dan diikut serta oleh pengunjung.

e. Mengadakan acara yang berunsurkan perjudian Mengadakan acara yang berunsur perjudian, penyembahan, pemujaan, khurafat dan sebagainya

Penganjuran berbentuk berunsurkan perjudian penyembahan, pemujaan, khurafat dan sebagainya tidak berlaku dalam semua penganjuran Bon Odori di Malaysia dan di Jepun. Pemujaan yang berbentuk permintaan, zikir, nyanyian, herdikan (celaan / protes / ratapan) tangisan dan diam tafakur seketika juga tidak dikesan dalam semua penganjuran dalam negara dan di Jepun.

Perlakuan yang menyentuh sensitiviti masyarakat Islam dan bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam

Jadual 3: Perlakuan Yang Menyentuh Sensitiviti Masyarakat Islam Dan Bercanggah Dengan Pembinaan Akhlak Dan Budaya Masyarakat Islam.

PERKARA	PERLAKUAN	MALAYSIA		JEPUN	
		Shah Alam Selangor	Padang Kota Pulau Pinang	Dotondori Osaka	Goju Hachiman
Perlakuan yang menyentuh sensitiviti masyarakat Islam dan bercanggah dengan pembinaan akhlak dan budaya masyarakat Islam	a. Percampuran bebas	-	-	/	-
	b. Pakaian menjolok mata	/	/	/	-
	c. Seni kata lucah dan menghina Islam	-	-	-	-
	d. Program diharamkan	-	/	-	-
	e. Ucapan/persembahan	-	-	-	-

Tinjauan yang dijalankan mendapati **tiada** perbuatan yang boleh "menyentuh sensitiviti masyarakat Islam dijalankan berdasarkan bentuk-bentuk yang telah dicerap iaitu ucapan-ucapan atau nyanyian atau ritual berbentuk dakyah keagamaan bukan Islam; ucapan-ucapan yang menghina umat Islam; ucapan-ucapan yang menghina agama Islam; persembahan yang bertujuan mempersendakan pegangan agama masyarakat Islam.

a. Percampuran bebas tanpa batas dan adab sopan

Penganjuran Bon Odori di Shah Alam, Pulau Pinang, Osaka dan Gipu Jepun tidak menentukan pemisahan antara lelaki dan perempuan yang boleh membantu ke arah kawalan percampuran bebas tanpa batasan. Tinjauan yang dijalankan menunjukkan percampuran berlaku dalam batas-batas yang terkawal dengan tiada perlakuan menjolok mata dikesan. Dalam konteks penganjuran di Gifu Japan, penganjuran tahunan festival Bon Odori ini adalah bertujuan untuk memberikan peluang dan ruang antara muda-mudi mereka bertemu dan berkenal-kenalan. Pertemuan ini merupakan satu bentuk tradisi mereka agar satu hubungan antara muda mudi dapat dibentuk dan bermula yang akhirnya membawa mereka ke gerbang perkahwinan. Dalam konteks ini, data temu bual yang dijalankan antara lain menyatakan pertemuan ini seperti

‘diatur’ dengan gadis-gadis jepun akan keluar dengan memakai pakaian tradisi dari pelbagai kawasan dan ini secara tidak langsung akan memberikan ruang kepada jejaka-jejaka Jepun memulakan perkenalan.

Kedatangan pengunjung sepanjang penganjuran Bon Odori di semua lokasi menunjukkan mereka menggunakan peluang ini untuk membeli makanan Jepun dan menikmatinya dalam bentuk kumpulan bersama rakan dan keluarga. Fenomena ini dapat dilihat menerusi gambar di Rajah 6.



Rajah 6 Menunjukkan Pengunjung Festival Bon Odori Yang Duduk Dalam Kumpulan Keluarga Dan Kawan-Kawan Yang Menikmati Hidangan Tradisi Jepun.

b. Berpakaian yang menjolok mata

Terdapat segelintir pengunjung yang datang dengan mengenakan pakaian yang menjolok mata seperti yang dapat dilihat dalam gambar di bawah.



Rajah 7 Menunjukkan Berpakaian Yang Menjolok Mata

c. Mengadakan program yang diharamkan seperti pertandingan ratu cantik, laga ayam dan sebagainya

Penganjuran Bon Odori di Shah Alam, Pulau Pinang dan juga di Jepun pada tahun 2022 tidak menganjurkan program yang diharamkan selain daripada menampilkan artis/penyanyi wanita seperti di Pulau Pinang dan Osaka. (Ini kerana penganjuran Bon Odori di dua lokasi ini adalah penganjuran berbentuk moden kontemporari. Namun begitu berdasarkan semakan rakaman video dalam penganjuran sebelum ini, Bon Odori Pulau Pinang didapati telah menganjurkan pertandingan ratu cantik berasaskan pakaian tradisi. Penganjuran ini dapat dibuktikan dengan kehadiran pemenang berkaitan pada penganjuran tahun 2022.



Rajah 8 Menunjukkan Pemenang Miss Penang Bon Odori Yang Dipertandingkan Dalam Festival Bon Odori 2019

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Perbincangan dapatan kajian adalah berdasarkan beberapa perkara berikut;

Festival Bon Odori Antara Festival Keagamaan dan Kebudayaan

Perbincangan ini meliputi konteks maksud Bon, Bon Odori dan kaitannya dengan perayaan dalam agama Buddha, kedudukan Bon Odori dalam perayaan Obon, pembuangan maksud agama Buddha

dalam festival Bon Odori dan keagamaan dan kebudayaan dalam festival Bon Odori

Konteks Maksud Bon

Berdasarkan analisis dokumen dan data temu bual, Bon mempunyai dua maksud. Maksud pertama adalah nama kepada festival yang berkaitan dengan sambutan roh nenek moyang dan dikaitkan dengan legenda dalam agama Buddha. Maksud kedua pula adalah mangkuk atau dulang yang digunakan untuk hidangan makanan yang digunakan dalam perayaan seperti yang dikemukakan dalam dapatan kajian. Dapatan ini adalah selari dengan definisi yang dikemukakan dalam www.weblio.jp dan Michael Jeremy dan M. E. Robinson (1989) yang menyatakan perkataan 'obon' ialah bentuk 'obon' dengan ungkapan sopan 'o' (pergi), dan ia juga merujuk kepada 'bon', iaitu bekas rata (dulang) yang digunakan untuk menghidangkan makanan. Dapatan ini menunjukkan terjemahan yang digunakan dalam kebanyakan sumber Internet adalah tidak tepat sepenuhnya kerana festival Bon Odori juga memberi maksud satu festival yang berlangsung dengan aktiviti menikmati makanan tradisi bersama keluarga dan rakan-rakan dengan hidangan tersebut dihidangkan dalam mangkuk dan dulang. Ini diperkukuhkan lagi dengan kenyataan responden kajian sebagaimana yang telah dibincangkan.

Oleh yang demikian menterjemahkan festival Bon Odori sebagai festival ‘menghiburkan roh nenek moyang’ semata-mata adalah tidak tepat kerana ia juga merupakan festival yang membawa maksud menikmati makanan yang dihidangkan dalam mangkuk dan talam bersama ahli keluarga dan rakan-rakan sempena musim panas. Pemahaman ini juga berlawanan dengan berlawanan dengan kepercayaan masyarakat Jepun. Ini kerana, rumah-rumah masyarakat Jepun pada kebiasaannya mempunyai *butsudan* lokasi di mana mereka meletakkan roh nenek moyang di kediaman masing-masing seperti yang dinyatakan oleh Michael Jeremy dan M. E. Robinson, (1989). Dalam waktu yang sama, terjemahan festival Bon Odori sebagai perayaan hantu lapar menunjukkan ada unsur-unsur kecelaruan dengan konsep perayaan dalam masyarakat Cina.

Bon Odori dan Kaitannya Dengan Perayaan Dalam Agama Buddha

Festival Bon Odori jika dalam konteks agama Buddha secara asasnya bukan bersumberkan rujukan primer dalam agama tersebut. Kedudukan rujukan *Ullambana Sutra* atau *Yulanpen Sutra* adalah sumber rujukan sekunder dalam agama Buddha Mahayana disamping kelompok Mahayana atau lebih dikenali dengan "*greater vehicle*" adalah dianggap mazhab kedua yang muncul selepas *Hinayana* atau dikenali dengan *Theravada*. Ini menunjukkan rujukan *Ullambana Sutra* dalam permulaan kisah Bon Odori ini adalah sesuatu yang boleh dipertikai dari sudut keutamaan rujukan, aliran dan tempoh masa kerana ia diperkenalkan lebih 900 tahun selepas kematian pengasas utama agama Buddha. Ini juga diperkukuhkan dengan dapatan temu bual yang di buat menerusi sami agama Buddha dan Shinto bahawa jika ia satu ajaran kepercayaan yang wajib dalam agama Buddha nescaya ia juga akan disambut oleh sami-sami Buddha. Mereka juga tidak merasakan satu kesalahan jika tidak menyertai festival Bon Odori. Manakala meletakkan festival Bon Odori sebagai satu acara keagamaan merupakan suatu perkara yang tidak terfikir oleh sami Shinto. Dalam waktu yang sama, sumber responden juga menyatakan festival ini merupakan inisiatif masyarakat Jepun untuk berhibur semasa bulan Obon. Dapatan-dapatan ini menunjukkan bahawa untuk mengaitkan festival ini dengan agama Buddha secara sepenuhnya berada pada tahap yang lemah. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi dengan situasi semasa penganut Buddha di Malaysia yang tidak menyambut festival ini dan ia tidak dianjurkan oleh mana-mana kuil atau sami Buddha. Rujukan-rujukan yang berlegar dalam sumber laman-laman web tertentu pada pandangan penyelidik adalah bersifat salinan dari satu sumber laman web kepada sumber laman web yang lain.

Kedudukan Bon Odori dalam Perayaan Obon

Festival Bon Odori merupakan salah satu daripada beberapa festival yang dianjurkan dalam tempoh di antara bulan Julai dan Ogos yang dikaitkan dengan perayaan Obon. Perayaan Obon yang mempunyai kaitan rapat dengan perayaan menyambut kepulangan roh nenek moyang dalam masyarakat Jepun disambut dalam tempoh 13 Ogos

2022 sehingga 16 Ogos 2022 berdasarkan kalendar Lunar. Namun begitu untuk meletakkan festival Bon Odori memberi maksud perayaan Obon secara sepenuhnya adalah tidak tepat disebabkan kepelbagaian tarikh yang dipilih oleh penganjur untuk penganjuran festival tersebut khasnya di Malaysia iaitu pada 16 Julai 2022 dan 30 Julai 2022. Oleh yang demikian mengaitkan festival Bon Odori sebagai perayaan sambutan roh nenek moyang secara sepenuhnya adalah tidak tepat kerana ia juga memberikan maksud festival yang menjadi satu kesempatan pertemuan ahli keluarga dan sahabat handai serta waktu untuk bergembira pada musim panas.

Pembuangan Maksud Agama Buddha Dalam Festival Bon Odori

Perspektif Sami Shinto, Buddha dan pembantu Sami Buddha yang tidak melihat festival Bon Odori dalam konteks agama dan kepercayaan dan hanya sebagai festival kebudayaan menunjukkan pembuangan maksud agama dalam festival itu berlaku. Ini diperkukuhkan lagi dengan perspektif pengunjung-pengunjung festival Bon Odori sama ada di dalam negara (Selangor dan Pulai Pinang) dan Pengunjung Festival Bon Odori di Jepun (Dotonbori, Osaka dan Gujo Hachimen) yang menolak kedatangan mereka untuk memberi hiburan kepada roh nenek moyang tetapi sebaliknya menyatakan kedatangan mereka hanya untuk berhibur, menari, menikmati makanan Jepun dan melihat budaya Jepun.

Keagamaan dan Kebudayaan Dalam Festival Bon Odori

Berdasarkan analisis yang dijalankan menerusi instrumen yang digunakan, dari aspek upacara / aktiviti yang meliputi penggunaan simbol, tanda, ucapan atau isyarat, perbuatan dalam upacara dan kehadiran tokoh agama menunjukkan, simbol Tanglung *Maki* dalam penganjuran di Gujo Hachiman, Jepun merupakan penggunaan yang bersifat terasing. Ini kerana berdasarkan kepada temu bual kepada seluruh responden berkaitan tanglung tersebut, mereka menyatakan tidak mengetahui tentang nama, bentuk, peranan dan keperluan dalam festival Bon Odori yang dianjurkan. Dari aspek kewujudan Torii, kajian berpandangan ia merupakan satu objek sisipan dan bukan menjadi objek utama atau sebahagian daripada aktiviti atau upacara dalam festival Bon Odori di Pulau Pinang. Ini kerana ia diletakkan di suatu

sudut di lokasi penganjuran dan dijadikan sebagai tempat untuk mengambil foto oleh sebahagian pengunjung.

Dari aspek ucapan yang mengaitkan festival Bon Odori dengan festival menyambut kepulangan roh nenek moyang pula, kajian berpandangan teks ucapan tersebut berdasarkan teks yang disediakan terlebih dahulu seperti rutin ucapan yang dilakukan oleh sebahagian pemimpin. Ini diperkukuh dengan ucapan *consulate* Jepun di Pulau Pinang yang tidak menyentuh festival tersebut sebagai festival menyambut kepulangan roh nenek moyang. Ucapan beliau memberikan penekanan tentang kebudayaan Jepun dan kepentingan memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Jepun. Nada yang sama juga dinyatakan dalam ucapan-ucapan pemimpin yang hadir ke Festival Bon Odori Kuala Lumpur Shah Alam.

Dari aspek perbuatan dalam festival Bon Odori yang meliputi nyanyian dan lirik, pemakaian pakaian, bunyi-bunyian menunjukkan kesemua perkara tersebut dijalankan dalam konteks kebudayaan. Bahkan sebahagian lirik yang digunakan menggambarkan suasana kemakmuran dan keindahan negara Jepun dengan pelbagai bunga dan gunung ganang, bentuk pekerjaan yang dilakukan oleh masyarakat Jepun seperti pertanian dan perlombongan, impian untuk mencapai kejayaan dan kekayaan, jiwa yang kuat untuk berhadapan dengan halangan untuk mencapai kejayaan dan membina masa depan yang besar. Dalam waktu yang sama, festival ini juga dilihat mengambil kira lokasi ia dianjurkan. Ini dapat dilihat menerusi lirik lagu yang digunakan yang memuatkan unsur-unsur Malaysia iaitu menerusi sebutan masjid dan kelapa sawit dalam lirik lagu *Ohisama Ondo* lagu rasa sayang yang sentiasa diulang-ulang secara berselang seli dengan lagu-lagu utama. Dari aspek tarian pula, pergerakan tarian secara amnya banyak merujuk kepada bentuk pergerakan yang dilakukan oleh masyarakat Jepun ketika mereka menjalankan aktiviti ekonomi dan pekerjaan mereka. Pergerakan tersebut adalah aktiviti melombong dan aktiviti pertanian.

Dari sudut pandang tokoh Agama Islam di Jepun yang terbahagi kepada dua pandangan iaitu sebagai festival syirik dan sebaliknya, menunjukkan pandangan mereka tentang festival ini masih dalam

bentuk khilaf. Bahkan pandangan yang meletakkan festival ini sebagai syirik masih lagi memberikan kelonggaran untuk boleh hadir jika sekiranya ada keperluan mendesak atau ingin melihat bagaimana Bon Odori dianjurkan dalam konteks budaya Jepun.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan dan dengan istighfar sebanyak-banyaknya kepada Allah, Tuhan yang menciptakan kita semua dari lelaki dan perempuan dan menjadikan kita berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kita berkenal-kenalan dan beramah mesra antara satu dengan yang lain, kajian ini menyarankan status penganjuran seperti ketetapan berikut;

> *Bahawa perkara yang berkaitan dengan Festival Bon Odori di Malaysia adalah bersifat kebudayaan dan mengaitkannya sebagai satu ritual keagamaan adalah lemah.*

Oleh yang demikian, bagi mereka yang ingin menghadiri festival tersebut perlulah menjaga akhlak Islam dengan mengelakkan sebarang perbuatan yang terlarang, dengan penampilan yang sesuai dan bertujuan untuk mengenali serta melalui pengalaman kebudayaan Jepun semata-mata dan juga berhasrat untuk menjaga hubungan baik antara masyarakat dan kaum khasnya masyarakat Jepun dalam negara serta menjaga dan memperkukuhkan hubungan diplomatik yang sedia ada terjalin di antara kedua-dua negara serta menjadi platform pertemuan antara warganegara Jepun yang bermastautin di Malaysia

PENGHARGAAN

Pihak penyelidik ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Mufti Selangor yang telah memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada pasukan penyelidik untuk menjalankan kajian **Penilaian Penganjuran Festival Bon Odori Di Malaysia Dari Aspek Keagamaan Dan Kebudayaan.** Kajian ini telah dijalankan menerusi satu

penganugerahan geran penyelidikan di bawah tajaan MAIS menerusi satu surat MAIS.600-7/3/27(7) bertarikh 5 Julai 2022 dan disusuli dengan kebenaran menjalankan pemerhatian di lokasi penganjuran festival berkaitan menerusi surat MAIS.600-7/3/27(15) dengan peruntukan keseluruhan geran berjumlah RM49,755.75.

RUJUKAN

Al-Yaum al-Sabi'. (28 December, 2020). Dar al-Ifta': Yajuz li al-Muslimin al-ihtifal bi 'aid al-milad wa tahni`ah al-masihiyyin. Retrieved 18 September, 2022, from https://www.youm7.com/story/2020/12/28/

Amazing Aomori, T. O. (n.d.). Aomori Nebuta Festival. Retrieved 14 September, 2022, from https://aomori-tourism.com/en/event/detail_15.html

Amirul Aiman Hamsuddin (2022). Jangan hadir Festival Bon Odori. Berita Harian. Retrieved from https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/06/963212/jangan-hadir-festival-bon-odori. Accessed on 27 Mac 2023.

Amree Ahmad. (2022, Jun 12). Umat Islam di Jepun tidak pernah sambut Bon Odori. Utusan Malaysia. Retrieved from https://www.utusan.com.my/nasional/2022/06/umat-islam-di-jepun-tidak-pernah-sambut-bon-odori/. Accessed on 27 Mac 2023

Anesaki, M. (2012). History Of Japanese religion. Tuttle Publishing.

Aston, W. (18 October, 2010). Nihongi: chronicles of Japan from the earliest time to AD 697. Routledge.

Aston, W. G. (2019). Shinto (1st ed.). Germany : Longmans, Green, And Co.

Averbunch, I. (1998). Shamanic Dance in Japan - The Cheoreography of the Poseession in Kaguran Performance. Asian Folklore Studies, 57, 293-329.

Azizan Baharuddin, Zaid Ahmad & et.al. (2014). Kajian isu dan cabaran hubungan antara penganut agama di Malaysia. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) & Universiti Putra Malaysia (UPM).

Basri Ibrahim (2010), Hukum Penglibatan Orang Islam Dalam Perayaan Bukan Islam Dalam Konteks Malaysia, Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, Jld 3 (ms 77-96).

Berita Harian (2022). Jangan hadir Festival Bon Odori. Facebook. Retrieved from https:// www.bharian.com.my/ berita/nasional/2022/06/963212/ jangan-hadir-festival-bon-odori. Accessed on 27 Mac 2023.

Brintannica, T. E. (15 July, 2009). Matsuri. Encyclopedia Britannica. Retrieved 9 September, 2022, from https://www.britannica.com/topic/matsuri

Calendar Labs.com (2023). When is Festival of Souls in 2023?. Retrieved from https://www.calendarlabs.com/holidays/japan/festival-of-souls.php. Accessed on 27 Mac 2023.

Chief Minister Official Website. (2022) The Official Opening Of Penang Bon Odori Festival. https://cm.penang.gov.my/index.php/en/all-stories/362230-the-official-opening-of-penang-bon-odori-festival.

Dalkey, N. C. (1972). The Delphi method: An experimental study of group opinion. In N. C. Dalkey, D. L. Rourke, R. Lewis, & D. Snyder (Eds.). Studies in the quality of life: Delphi and decision-making (pp. 13-54). Lexington, MA: Lexington Books.

Dinesh Kumar Maganathan (2022). What is the Bon Odori festival, which has been held in Malaysia since 1977?. The Star. Retrieved from https://www.thestar.com.my/lifestyle/culture/2022/06/07/here039s-a-brief-description-of-the-japanese-summer-festival-bon-odori?__sta=%7CTUIY&__stm_medium=bpn&__stm_source=smartech. Accessed on 27 Mac 2023.

Ding, C. M. (2005). Perpaduan kaum dan toleransi agama di Malaysia. Melaka: Kolej Universiti Kebangsaan Malaysia.

Farrah Wahida Mustafar, & Adam Badhrulhisham. (2021). Pesta Pongal Dan Tahun Baru Cina, Perayaan Adat Atau Perayaan Keagamaan? Satu Toleransi Agama Di Malaysia. Journal of Islamic Social Sciences and Humanities, 25(1), 80-96.

Foster, M., & Porcu, E. (2020). Introduction: Matsuri and Religion in Japan. Journal of Religion in Japan, 9, 1-9. doi:10.1163/22118349-00901009

Free Malaysia Today (2022). Bon Odori, festival penyatuan semula rakan dan keluarga. Retrieved from https://www.youtube.com/watch?v=SWshNm6sK28. Accessed on 27 Mac 2023.

Ghazali Basri. (2013). Ilmu Perbandingan Agama: Suatu pengenalan. Selangor: Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Dar Al-Hikmah.

Gilday, E. T. (1990). Power Plays: An Introduction to Japanese Festivals. Journal of Ritual Studies, 4, 195-263. Retrieved from https://www.jstor.org/stable/44368479

Hardacre, H. (2017). Shinto: A history. Oxford University Press.

Hori, I. (1974). Folk Religion in Japan. Continuity and Change. Chicago: The University of Chicago Press.

Hsieh, P.-t. J. (2010). The impact of globalisation on foreign language education policy in Taiwan – policy initiatives and industrial demand. The International Journal of Educational and Psychological Assessment, 5(2), 237 – 254.

Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah & Muhammad Abu Bakr. (1997). Ahkam ahl al-zimmah (1st ed.). Dammam: Ramadi li al-Nasyr.

Iriana. (2016). Ajaran Shinto Di Jepang. Analisis Sejarah, 5(1).

Isaku Kageyama, Taiko Lesson in Los Angeles- Tokyo Ondo. (t.t). Telah diakses http://isakukageyama.com/taiko-lessons-in-los-angeles-tokyo-ondo/#:~:text=Tokyo%20Ondo%20was%20commissioned%20by,Ondo%20sold%201.2%20million%20copies.

Japan-guide.com. (n.d.). Nebuta Matsuri. Retrieved 14 September, 2022, from https://www.japan-guide.com/e/e3755.html

Japan-guide.com. (n.d.). Takayama Festival. Retrieved 12 September , 2022, from https://www.japan-guide.com/e/e5909.html

JCCCNC Programs Department. (2013). Tokyo Ondo, YouTube. Telah diakses https://www.youtube.com/watch?v=1xJQr-HygA8

Joseph Houseal (2022). Bon Odori: A Dance with the Ancestors. Buddhistdoor Global (BDG). Retrieved from https://www.buddhistdoor.net/features/bon-odori-a-dance-with-the-ancestors/. Accessed on 27 Mac 2023.

Kamus Dewan. (2010). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khadijah Mohd Khambali. (2020). Analisis perayaan Thai Pongal menurut perspektif pemikiran Islam. Jurnal al-Ummah(2), 49-72.

Khairul Huda. (2016). Islam Melayu Dalam Pusaran Sejarah Sebuah Transformasi Kebudayaan Melayu Nusantara. TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Beragama, 8(1).

Louise Kelly & Chris Booth (2004). Dictionary of Strategy: Strategic Management A-Z SAGE

Malinowski, B. (2015). A scientific theory of culture and other essays. UNC Press Books.

Mazlan Ibrahim. (2017). Al-Tasamuh dalam al-Quran: Satu kajian tafsir tematik. Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia 2017 (pp. 442-447). Universiti Kebangsaan Malaysia & Princess of Naradhiwas University.

Mohamad Najib (2022). Bayan Linnas Siri Ke-254: Hukum Orang Islam Menyertai Perayaan Bon Odori. Mufti of Federal Territory's Office. Retrieved from https://muftiwp.gov.my/en/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/5287-bayan-linnas-siri-ke-254-hukum-orang-islam-menyertai-perayaan-bon-odori. Accessed on 27 Mac 2023.

Mohamad Najib. (10 June, 2022). Bayan Linnas Siri Ke-254: Hukum Orang Islam Menyertai Perayaan Bon Odori. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved 20 September, 2022, from https://muftiwp.gov.my/perkhidmatan/artikel-soal-jawab/5287-bayan-linnas-siri-ke-254-hukum-orang-islam-menyertai-perayaan-bon-odori. Accessed on 27 Mac 2023.

Mohd Rosmizi Abd Rahman, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali, Mutalib, Marina Munira Abdul Mutalib & Roslizawati Mohd Ramly. (2011). Agama-Agama di Dunia. Negeri Sembilan: Universiti Sains Islam Malaysia.

Mohd Rus Yunus & Zulfagar Mamat. (2007). Merayakan hari Kebesaran agama orang bukan Islam menurut perspektif Islam. Jurnal Penyelidikan Islam, 2, 83-93. Retrieved from http://www. myjurnal. my/filebank/published_article/33945/Article_6. PDF

Muhammad Shakir Ameer (2022). Kenapa festival Bon Odori perlu jadi isu sekarang?. Malaysia Kini. Retrieved from https://www.malaysiakini.com/news/623823.

Muira, T., Kaiga, T., Shibata, T., Uemura, M., Tajima, K., & Tamamoto, H. (February, 2018). Development of a Visualization Method for Motion-characteristic Distribution of Japanese Folk Dances- A Case Study of the Bon Odori Dance. Journal of Information Processing Society of Japan, 26, 74-84. doi:10.2197/ipsjjip.26.74

Nakao, Annie (2005) Japanese Americans keeping Obon tradition alive, San Francisco Chronicle.

Nazrin Zulkafli (2022). Bon Odori platform perkenal budaya Jepun kepada Malaysia. Sinar Harian. Retrieved from

https://www.sinarharian.com.my/article/206417. Accessed on 27 Mac 2023.

NDU (2023). Agama Buddha Mahayana Zen 101: Pengenalan Ringkas kepada Buddhisme Zen. Agama dan Astrologi. Retrieved from https://ms.ndu.ac/zen-101-brief-introduction-zen-buddhism. Accessed on 27 Mac 2023.

Nurdien Harry Kistanto. (2015). Tentang konsep kebudayaan. Sabda: Jurnal Kajian Kebudayaan. 10(2).

Omar Zin. (2022, jun 10). Bon Odori: Agamawan perlu sepakat, jelas. Utusan Malaysia. Retrieved from https://www.utusan.com.my/nasional/2022/06/bon-odori-agamawan-perlu-sepakat-jelas/. Accessed on 27 Mac 2023.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019). Muslim menyertai Pesta Pongal. Retrieved 20 September, 2022, from https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/3062-al-afkar-39-muslim-menyertai-pesta-pongal

Penganjuran festival Bon Odori di Gujo Hachiman ini dianggap sebagai paling tradisional dan ia boleh diakses melalui link http://www.gujohachiman.com/kanko/odori_e.html.

Pluschow, H. (1996). Matsuri: The Festival of Japan With a Selection from P.G. O'Neill's Photographic Archive of Matsuri (1st ed.). Routledge.

Porcu, E. (2018). Religion, Second Modernity and Individualization in Japan. Jornal of Religion in Japan, 126-144. doi:10.1163/22118349-00702002

Porcu, E. (2022). The Gion Festival in Kyoto and Glocalization. Religion, 13. doi:10.3390/rel13080689

Predeep Nambiar (2022). Bon Odori, festival penyatuan semula rakan dan keluarga. Free Malaysia Today (FMT). Retrieved from https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2022/06/08/bon-odori-festival-penyatuan-semula-rakan-dan-keluarga/. Accessed on 27 Mac 2023.

Reischauer, E., & Jansen, M. B. (1995). The Jappanese today: Change and continuity. Harvard University Press.

Reny Wiyatasari (2018), Perayaan Obon (Obon-Matsuri) di Jepang , Endogami:Jurnal Ilmiah Kajian Antropologi, Vol. 2 No. 1 (ms 62-70).

Sari, V. (2017). Sekilas Tentang Hina Matsuri di Jepang. Universitas Sumatera Utara. Retrieved from http://repositori.usu.ac.id/handle/12345678/4058

Sato, Ava (2021)What is Obon? | Guide to Japanese Halloween 2021 - Japan Truly". japantruly.com. (Retrieved 2021-11-23)

Scroope, C. (2021). Religion. Retrieved 9 September, 2022, from Cultural Atlas: https://culturalatlas.sbs.com.au/japanese-culture/japanese-culture-religion

Selangor Travel (2019). Bon Odori Festival 2019. Retrieved from https://selangor.travel/events/bon-odori-festival-2019/. Accessed on 27 Mac 2023.

Shen, Y. (2020). Tradisional Festival as a Tourism Event: Statkeholders' Influence on the Dynamics of the Sendai Tanabata Festival in Japan. University of Oslo.

Staemmler, B., & Dhen, U. M. (2011). Establishing the Revolutionary: An Introduction to New Religious in japan. Deutsche Nationalbibliothek.

Syed Sopi, S. R. (2015). Budaya dan bahasa jepun: analisis dari perspektif globalisasi: japanese culture and language: a study of globalization perspective. Jurnal Bahasa dan Budaya Jepun, 5, 133-170.

Sylado, R. (2003). Kembang Jepun. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.

Tămaș, C. S. (2018). Uchimashô - Fieldnotes on Tenjin Matsuri. Analele Universitatii Crestine Dimitrie Cantemir, Seria Stiintele Limbii,Literaturii si Didactica predarii(1), pp. 21-38.

Taufiq Yap Yun Hin. (9 February, 2017). Tahun Baru Cina bukan ritual kegamaan. p. 35.

Toshio, K., Dobbin, J. C., & Gay, S. (1981). Shinto in the History of Japanese Religion. The Journal of Japanese Studies, 1-21.

Tylor, E. B. (1871). Primitive culture: Researches into the development of mythology, philosophy, religion, art and custom (Vol. II). Cambridge University Press. doi:10.1017/CBO9780511705960

Whelan, C. (13 May, 1995). Japan's `New Religion'-- Milions Disenchanted With Buddhism, Shinto Find Spitual Options. Retrieved 7 September, 2022, from https://archive. seattletimes.com/archive/?date=19950513&slug=2120728

Wikipedia. (n.d.). Bon (Festival). Retrieved 28 September, 2022, from https://en.wikipedia.org/wiki/Bon_(festival)

Wikipedia. (t.t) Wilayah Yamagata. Telah diakses https://www.wikiwand.com/ms/Wilayah_Yamagata

Wong, D. (2019). Dancing the Body Politic: Obon and Bon-odori. In Louder and Faster: Pain, Joy, and the Body Politic in Asian American Taiko. 55, 75-104. Retrieved from http://www.jstor.org/stable/j.ctvr7fch1.10

Worlometer. (2022). Japan Population. Retrieved 7 September, 2022, from https://www.worlometers.info/world-population/japan-population/

Yagura. Retrieved from http://kikuko-nagoya.com/html/yagura.html. Accessed on 27 Mac 2023.

Yamada, A. (2009). Hand Gestures and Steps of the Bon-Dances,. Bulletion of the Faculty of Education,, 69, pp. 203-218.

Yeoh Soon Hin Office. (2020). Penang Bon Odori Festival 2019. You Tube. Telah diakses https://www.youtube.com/watch?v= zLO3DXlBdX4 (min 2.00)

Yusuf Al-Qardhawi. (2005). KayfaNata'amalu Ma'a al-Turath Wa al-Tamazhub Wa al-Ikhtilaf. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

MENEROKA FAKTOR-FAKTOR PSIKOLOGI, SOSIAL DAN SPIRITUAL BUNUH DIRI DALAM KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGERI SELANGOR

Prof. Madya Dr. Wan Shahrazad Wan Sulaiman
Dr. Arena Che Kasim
Dr. Norulhuda Sarnon @ Kusenin
Dr. Hilwa Abdullah @ Mohd Noor
Dr. Muhammad Ajib Abd Razak

MENEROKA FAKTOR-FAKTOR PSIKOLOGI, SOSIAL DAN SPIRITUAL BUNUH DIRI DALAM KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGERI SELANGOR

Wan Shahrazad Wan Sulaiman[1*], Arena Che Kasim[1], Norulhuda Sarnon @ Kusenin[1], Hilwa Abdullah @ Mohd Noor[1] & Muhammad Ajib Abd Razak[1]

[1]Pusat Kajian Psikologi & Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
**Corresponding author*: shara@ukm.edu.my

ABSTRAK

Masalah bunuh diri merupakan masalah kesihatan global dengan statistik kes bunuh diri dilaporkan semakin meningkat di Malaysia. Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka faktor-faktor psikologi, sosial dan spiritualiti yang mempengaruhi tingkah laku atau pemikiran bunuh diri. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Seramai lima orang informan telah dipilih dengan kriteria berumur 15 tahun ke atas, pernah disaring mempunyai masalah tekanan, kebimbangan dan kemurungan, tinggal di Selangor, beragama Islam, dan boleh membaca dan menulis. Hasil kajian kualitatif mendapati bahawa terdapat enam faktor utama informan mempunyai pemikiran bunuh diri. Dapatan kajian ini memberi implikasi kepentingan individu menggunakan strategi daya tindak yang berkesan untuk mengatasi cabaran dan tekanan kehidupan yang dialami. Beberapa cadangan khusus untuk pembangunan modul kesihatan mental seperti modul perlu mengikut perkembangan dan perubahan diri manusia serta modul disarankan mengandungi kaedah yang boleh merangka semula kognitif peserta bahawa Tuhan bersifat Maha Pengampun, sentiasa menerima segala taubat hamba-Nya dan Dia bersifat Maha Penyayang.

Kata Kunci: *Bunuh Diri, Faktor Psikologi, Faktor Sosial, Faktor Spiritualiti*

PENGENALAN

Masalah bunuh diri merupakan masalah kesihatan global dengan lebih kurang 800,000 orang meninggal dunia disebabkan bunuh diri setiap tahun (Pertubuhan Kesihatan Dunia, 2014). Bunuh diri adalah penyebab kematian yang kedua tertinggi dalam kalangan individu berumur 15-29 tahun. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO, 2014) juga menganggarkan bahawa bilangan individu yang mencuba bunuh diri adalah 20 kali lebih tinggi daripada mereka yang meninggal dunia kerana bunuh diri.

Seseorang individu mengalami fasa-fasa kesukaran dan penderitaan untuk satu tempoh masa yang tertentu sebelum mengambil tindakan membunuh diri. Terdapat tiga kriteria utama yang menyebabkan seseorang membunuh diri iaitu terputus hubungan dengan orang-orang penting dalam hidupnya, mengalami putus asa dan mempunyai kaedah atau cara (*means*) serta akses untuk membunuh diri seperti ada menyimpan racun, pistol, pisau atau senjata di rumah yang boleh dijadikan alat untuk membunuh diri. Perkara ini akan meningkatkan risiko bunuh diri. Kajian-kajian lepas juga menyatakan bahawa tingkah laku membunuh diri juga melibatkan pemikiran untuk bunuh diri (*suicide ideation*), percubaan (*attempt*) dan penyempurnaan (*completion*) (Lawrence et al., 2016).

Bunuh diri atau dalam bahasa Arab biasa disebut sebagai "قَتْلُ النَّفْسِ" adalah merupakan satu tindakan mengakhiri hidup dengan menggunakan atau tanpa menggunakan sebarang alat pun (Muh. Yunan Putra, 2019). Membunuh diri sendiri, membunuh diri sebagai pengebom berani mati atau *euthanasia* adalah tidak dibolehkan dalam Islam kecuali atas sebab-sebab yang perlu diperhalusi dengan mengikut hukum syarak yang ketat dan khusus (Irwan Budi Nugroho, 2020; Yoyo Hambali, 2010; Abd. Halim & Abdul Mujib Adnan, 2018; Fajri Matahati Muhammadin 2020).

PERNYATAAN MASALAH

Tingkah laku bunuh diri dilaporkan semakin meningkat di Malaysia. Mengikut laporan PDRM pada 1 Julai 2021, sebanyak 609 kes dilaporkan pada tahun 2019 dan meningkat kepada 631 kes pada tahun 2020 (PDRM, 2021). Manakala untuk tempoh Januari hingga Mei 2021 sahaja, sebanyak 468 kes telah direkodkan. Berdasarkan latar belakang demografi pula, dari jumlah 1708 kes untuk tahun 2019 hingga 2021, 281 adalah lelaki dan 1427 adalah perempuan. Menurut laporan PDRM ini juga, tiga punca utama kes bunuh diri adalah disebabkan masalah keluarga, tekanan perasaan dan kewangan. Dari segi umur pula, sebanyak 872 kes melibatkan mangsa berumur 15-18 tahun dan 668 kes melibatkan mangsa berumur 19-40 tahun.

Statistik ini meningkatkan kebimbangan berlakunya fenomena ini dalam kalangan umat Islam yang memberi gambaran tentang kerapuhan iman dan penghayatan keagamaan sehingga individu mengambil tindakan membunuh diri akibat dari tekanan hidup yang dialami. Ini kerana Islam mengajarkan kepada umatnya bahawa hidup dan mati itu adalah hak milik mutlak Tuhan, maka itu, Islam melarang sesiapapun juga dari melakukan pembunuhan, baik terhadap orang lain (kecuali dengan alasan yang dibenarkan oleh agama) ataupun pembunuhan terhadap dirinya sendiri (bunuh diri) walau dengan apa alasan sekalipun (Irwan Budi Nugroho, 2020). Pengharaman membunuh diri adalah jelas sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Baqarah:1995 yang bermaksud;

> "Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan".

Ayat ini menunjukkan bahawa membunuh diri itu adalah haram hukumnya berdasarkan larangan meletakkan diri sendiri ke dalam keadaan yang bahaya dan boleh membawa kemudaratan apatah lagi membunuh diri. Seterusnya dalam surah Al-Nisa: 29, Allah berfirman yang bermaksud;

"Dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri.
Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengasihani kamu".

Al-Quran secara tegas melarang tindakan membunuh diri kerana kesannya yang sangat buruk. Terdapat tiga kesan buruk dari membunuh diri iaitu kesulitan dan kesengsaraan ketika hidup. Kedua, rasa sakit yang luar biasa ketika *sakarut al-maut* dan ketiga, ganjaran yang berupa kekekalan dan seksaan yang tiada henti di neraka (Imam Zarkasyi Mubhar, 2019).

Dari aspek psikologi, faktor risiko yang dikaitkan dengan tingkah laku membunuh diri adalah individu mengalami simptom-simptom tekanan, kebimbangan dan kemurungan yang teruk sebelum mengambil tindakan membunuh diri (Shin et al., 2017). Faktor sosial yang dikenal pasti pula ialah tidak mempunyai sokongan sosial apabila berhadapan dengan masalah iaitu tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga sehinggakan individu merasa tiada tempat mengadu dan tidak ada siapa yang boleh membantu mereka. Faktor spiritualiti dan keagamaan juga berkaitan dengan tingkah laku bunuh diri. Walaupun dalam Islam, ramai mengetahui perbuatan bunuh diri adalah dosa yang tidak diampunkan Allah namun disebabkan masalah yang dialami individu menyebabkan mereka tidak dapat berfikir dengan rasional sehingga hilang pegangan. Walaupun banyak kajian mengatakan agama merupakan faktor pelindung kepada tingkah laku bunuh diri (Suicide Prevention Resource Center, 2003; Koenig, 2009; Perlman et al., 2011), namun bukti empirikal adalah tidak konsisten dengan beberapa kajian melaporkan agama sebagai faktor pelindung (Dervic et al., 2004) dan kajian-kajian lain mendapatinya sebagai faktor risiko (Zhao et al., 2012) dan ada juga kajian mengatakan ia tidak berkaitan dengan risiko bunuh diri (Le et al., 2012; Stroppa & Moreira-Almeida, 2013). Maka kajian ini memfokuskan kepada faktor psikologi, sosial dan spiritualiti yang mempengaruhi tingkah laku bunuh diri.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk meneroka faktor-faktor utama yang menyebabkan individu mencuba atau mengambil langkah membunuh diri.

SKOP KAJIAN

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada penerokaan faktor-faktor psikologi (tekanan, kebimbangan, kemurungan, personaliti), faktor sosial (sokongan sosial) dan faktor spiritual atau kerohanian sebagai pemboleh ubah yang menyumbang terhadap tingkah laku bunuh diri.

Sampel kajian pula terhad kepada penduduk Selangor yang beragama Islam dan berumur 15 tahun ke atas yang mengalami kecenderungan dan idea bunuh diri serta disaring mempunyai masalah tekanan, kebimbangan dan kemurungan yang teruk.

TINJAUAN LITERATUR

Di Malaysia, golongan perempuan (7.6%) lebih cenderung untuk mengalami pemikiran bunuh diri berbanding lelaki (4.7%) (Chan et al., 2018). Daripada keseluruhan sampel, 6.2% mengalami percubaan bunuh diri yang serius dalam tempoh 12 bulan. Jantina, etnik, dan pencapaian akademik menjadi faktor yang membawa kepada pemikiran bunuh diri. Melihat lebih mendalam pada faktor, golongan perempuan, kaum India, mengalami kesunyian, kebimbangan, tiada hubungan rapat, keganasan seksual dan pergaduhan fizikal antara yang mendorong kepada pemikiran bunuh diri. Bahar et al. (2015) menunjukkan dapatan yang sama di mana kaum India menjadi kaum tertinggi yang berjaya membunuh diri (35.9%), diikuti oleh kaum Cina (24.5%), Melayu (18.9%) dan lain-lain bangsa (7.6%). Bagaimanapun, faktor yang berlawanan dapat dilihat apabila jantina menunjukkan perbezaan signifikan di mana lelaki (66%) mengalami keadaan bunuh diri lebih tinggi berbanding perempuan (34%). Antara kaedah yang digunakan untuk membunuh diri adalah menggantung diri, mencekik,

sesak nafas, meracun diri sendiri, melemaskan diri, melompat dari tempat yang tinggi atau menggunakan bahan mudah terbakar dan membakar diri.

Related Mental Health Malaysia (2021) menyatakan bahawa jumlah sebenar kes bunuh diri di Malaysia tidak tepat dan dianggarkan kes sebenar adalah 8 kali ganda daripada rekod rasmi. Pada tahun 2016, kadar kasar bunuh diri di Malaysia ialah 5.5 per 100,000, di mana kadar bunuh diri dalam kalangan lelaki (7.6) lebih tinggi berbanding perempuan (3.1) (*World Health Organization*). Pada umur 15 hingga 19 tahun, jumlah kasar bunuh diri meningkat secara mendadak daripada sifar kepada lebih 5 per 100,000 untuk kedua-dua jantina dan bermula pada usia 20 hingga 24 tahun, kadar mula mendatar tetapi meningkat. Walau bagaimanapun, kes tinggi masih dicatatkan pada usia 25 hingga 29 tahun.

Secara amnya, tingkah laku bunuh diri bergantung kepada banyak faktor psikologi kerana setiap perilaku bunuh diri mempunyai motif, matlamat dan tujuan yang berbeza. Terdapat empat kumpulan faktor yang menyumbang kepada tingkah laku bunuh diri iaitu, kecelaruan sosial, tingkah laku maladaptif seperti faktor peribadi, faktor keluarga, faktor kehidupan (perubahan tempat tinggal, tempat belajar dan bekerja) serta pengaruh media yang negatif dan kandungan capaian internet yang tidak sesuai dengan peringkat umur (Riabchych & Kapkan, 2021). Berdasarkan kajian Riabchych & Kapkan (2021) terhadap 120 orang remaja di mana sampel dibahagikan kepada tiga kumpulan untuk dianalisis perbandingan tingkah laku membunuh diri menunjukkan punca tingkah laku bunuh diri mula berlaku apabila kesihatan psikologi peribadi yang semakin merosot seperti mengalami kebimbangan, perasaan kecewa, putus asa, keagresifan, perubahan sikap terhadap semangat untuk hidup atau mati akibat pengaruh persekitaran atau mempunyai rasa konsep kendiri yang rendah.

Selain itu, fenomena bunuh diri dalam konteks psikologi di Malaysia telah dijalankan oleh Ibrahim, Amit & Suen (2014). Kajian keratan lintang telah dijalankan terhadap 190 orang pelajar sekolah di Kuala Lumpur yang berusia 15 hingga 19 tahun untuk mengukur tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan sebagai peramal kepada

perasaan ingin bunuh diri dan dapatan menunjukkan, pelajar sekolah mengalami pengalaman yang teruk dalam kemurungan (11.10%), kebimbangan (10.00%) dan tekanan (9.50%). Kajian tersebut menunjukkan pelajar yang mengalami kemurungan telah dikenal pasti sebagai peramal yang tinggi untuk mempunyai idea atau tingkah laku cubaan bunuh diri (Ibrahim, Amit & Suen, 2014). Begitu juga dengan dapatan kajian yang telah menemukan beberapa faktor psikologi yang boleh meningkatkan risiko bunuh diri seperti kemurungan, kebimbangan, sejarah cubaan bunuh diri, penyalahgunaan bahan dan alkohol, kecelaruan mental, komorbiditi, tekanan dalam kehidupan seperti masalah keluarga, konflik rakan sebaya dan ciri-ciri personaliti individu seperti neurotisisme dan impulsif (Carballo et al., 2020).

Faktor sosial yang dikenal pasti pula ialah tidak mempunyai sokongan sosial apabila berhadapan dengan masalah iaitu tidak mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga sehinggakan individu merasa tiada tempat mengadu dan tidak ada siapa yang boleh membantu mereka. Kajian Kleiman dan Liu (2013) mendapati sokongan sosial berhubungan signifikan dengan pengurangan kebarangkalian percubaan membunuh diri. Sokongan sosial didapati berperanan sebagai faktor pelindung daripada bunuh diri walaupun dengan kehadiran faktor-faktor risiko lain seperti peristiwa negatif dalam kehidupan (Meadows, Kaslow, Thompson, & Jurkovic, 2005; Yang & Clum, 1994). Selain itu, kajian-kajian lain mendapati sokongan sosial secara tidak langsung mengurangkan kebarangkalian tingkah laku bunuh diri dengan meningkatkan faktor pelindung lain seperti penghargaan kendiri (Kleiman & Riskind, 2012).

Forster et al. (2020) yang mengkaji tentang sokongan sosial mendapati bahawa keluarga yang bermasalah boleh meningkatkan risiko untuk bunuh diri kerana data menunjukkan sokongan yang diterima adalah rendah berbanding daripada mereka yang berlatar belakang keluarga yang tidak mengalami masalah. Walau bagaimanapun, sokongan sosial yang diterima daripada rakan sebaya dan daripada guru di sekolah dapat mengelakkan daripada remaja membunuh diri walaupun mereka hidup dalam keadaan keluarga yang sangat memberi tekanan. Prima Kusumastuti et al. (2020) melalui kajian mereka turut mendapati

wujudnya korelasi yang ketara antara idea bunuh diri dengan persepsi sokongan keluarga dan sokongan rakan sebaya.

Agama mempunyai hubungan yang positif terhadap kesihatan fizikal, mental dan psikologi. Dapatan kajian yang telah dijalankan mendapati semakin tinggi kepercayaan seseorang kepada Tuhan maka semakin rendah tahap kemurungan, kebimbangan dan tekanan yang dialami serta dapat menurunkan jumlah bunuh diri. Hal ini menunjukkan bahawa aspek spiritual merupakan aspek yang sangat perlu diperhatikan kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dalam mengatasi tekanan yang mengakibatkan berlakunya risiko bunuh diri pada individu (Nur Oktavia Hidayati et al., 2021). Kajian-kajian lain oleh Ali Mohammadzadeh dan Mahmoud Najafi (2018) mendapati individu yang mempunyai daya tindak yang negatif dalam agama mempunyai skor yang tinggi dalam ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu kebimbangan terhadap kematian, obsesi terhadap kematian dan kemurungan kepada kematian. Kajian ini menunjukkan individu yang menggunakan strategi positif untuk menangani masalah akan kurang mengalami penderitaan terhadap kematian jika dibandingkan dengan orang yang menggunakan daya tindak yang negatif. Ini bermakna jika seseorang itu mempunyai hubungan yang kuat dan erat dengan Tuhan, maka individu tersebut akan berserah kepada Tuhannya. Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Ehrampoush Mohammad Hasan et al. (2017) yang mengkaji hubungan orientasi keagamaan dengan kesihatan mental. Dapatan kajian ini mendapati semakin tinggi orientasi keagamaan eksternal, semakin tinggi kadar kemurungan dan kebimbangan. Sehubungan dengan itu, semakin tinggi orientasi keagamaan internal, semakin rendah tahap kebimbangan, kemurungan dan kualiti tidur menjadi baik. Tambahan lagi, kajian mendapati, semakin bertambah orientasi keagamaan internal, semakin tinggi tahap regulasi kognitif emosi. Begitu juga halnya, semakin tinggi orientasi keagamaan eksternal, semakin rendah regulasi kognitif emosinya.

Berdasarkan tinjauan literatur yang telah dibincangkan, beberapa faktor yang mempengaruhi tingkah laku bunuh diri telah dikenal pasti iaitu faktor psikologi seperti tekanan, kebimbangan, kemurungan dan personaliti. Manakala faktor sosial dan spiritualiti juga didapati mempengaruhi tingkah laku bunuh diri. Sehubungan itu, kajian untuk

meneroka faktor-faktor ini sangat penting bagi mencegah fenomena bunuh diri dalam kalangan umat Islam di Malaysia.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual mendalam untuk mendapatkan data. Seramai lima orang informan telah dipilih dengan kriteria utamanya adalah berumur 15 tahun ke atas, tinggal di Selangor, beragama Islam, dan boleh membaca dan menulis. Kriteria inklusif tambahan adalah informan pernah disaring mempunyai masalah kesihatan mental, mempunyai pemikiran bunuh diri dan pernah ada cubaan membunuh diri. Creswell & Clark (2014) mencadangkan agar bilangan responden untuk data kualitatif diambil dalam kuantiti yang jauh lebih kecil daripada bilangan responden data kuantitatif. Ini adalah untuk mendapatkan data temu bual mendalam dengan informan dalam mengenal pasti elemen lain yang diperlukan untuk meneroka dan memahami tingkah laku bunuh diri.

Pengkaji telah membangunkan protokol temu bual mendalam untuk meneroka pengalaman informan berkaitan masalah kesihatan mental, idea membunuh diri serta faktor-faktor psikososiospiritual yang mempengaruhi idea membunuh diri. Di antara soalan yang dikemukakan adalah: (1) Berapa lamakah anda telah mengalami masalah kesihatan mental? (2) Berapa kerapkah anda mempunyai pemikiran untuk bunuh diri? (3) Apakah faktor yang menyebabkan anda rasa terdesak dan ada pemikiran untuk bunuh diri? (4) Bagaimana anda berkongsi dan mengadu mengenai masalah yang anda alami?

Informan-informan kajian dikenal pasti daripada klien-klien yang sedang mendapatkan sesi kaunseling bersama kaunselor-kaunselor dan pakar psikologi klinikal. Penyertaan dalam kajian mengikuti etika kerahsiaan dan persetujuan termaklum. Hanya responden yang sukarela serta bersetuju menyertai kajian telah ditemu bual sama ada secara bersemuka atau dalam talian. Data kualitatif pula telah dianalisis menggunakan analisis tema untuk menghasilkan tema-tema utama daripada transkrip temu bual.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Profil Demografi

Informan 1

Informan 1 merupakan seorang remaja lelaki berusia 20 tahun, di diagnos oleh doktor mempunyai *Bipolar* dan *Depression*. Sebelum ini, beliau merupakan seorang pelajar kolej namun akibat kes cubaan bunuh diri, informan telah diberhentikan belajar. Beliau merupakan seorang anak tunggal yang kini tinggal bersama ibu dan ayah tirinya. Informan ini mempunyai pemikiran untuk membunuh diri semenjak beliau berusia 16 tahun kerana mempunyai pengalaman di buli ketika di bangku sekolah, iaitu ketika berusia 10 tahun (darjah 4). Oleh kerana beliau gemar mengkaji tentang ubat, mempunyai banyak tekanan serta ditambah lagi putus cinta dengan kekasih serta tekanan belajar membuatkan keinginan membunuh diri itu menjadi lebih kuat. Selain itu, beliau mengakui terpengaruh dengan filem atau drama Korea yang secara tidak langsung telah mengajar beliau cara untuk membunuh diri. Cubaan pertama untuk membunuh diri adalah dengan memakan ubat secara berlebihan dan setelah itu, beliau juga mempunyai cubaan dua kali ingin membunuh diri dengan menggantung diri di rumah. Namun, sempat diselamatkan oleh ibunya.

Informan 2

Informan 2 merupakan seorang graduan bidang Perubatan dan mempunyai keluarga yang sangat menitik beratkan soal agama. Walau bagaimanapun, beliau menghadapi masalah keluarga semenjak kecil lagi. Antara kejadian yang membuatkan beliau mempunyai pemikiran untuk membunuh diri ialah semasa mengetahui rahsia ayahnya yang mempunyai perempuan lain, namun beliau terpaksa memendam sendiri dan tidak memberi tahu kepada sesiapa termasuk ibunya. Selain itu, beliau juga ada berkenalan dengan seseorang ketika masih belajar, namun beliau mendapati bahawa lelaki tersebut telah berlaku curang terhadapnya. Beliau mempunyai keinginan untuk bunuh diri semenjak beliau berusia 16 tahun. Cubaan pertama kali ingin membunuh diri

ketika beliau berada di tahun pertama di universiti. Beliau juga di diagnos menghidap *Major Depressive Disorder* (MDD) ketika berusia 16 tahun dan sedang mendapatkan rawatan sehingga kini.

Informan 3

Informan 3 merupakan pelajar yang sedang menuntut di universiti awam dan merupakan anak ketiga daripada lima orang adik-beradik. Perkara yang membuatkan beliau rasa ingin membunuh diri adalah kerana mempunyai trauma di mana sejak umur 13 tahun beliau telah dipukul oleh senior semasa tinggal di asrama. Beliau juga sering kali dihina oleh kawan-kawannya di sekolah sehingga beliau sukar untuk melupakan kesakitan fizikal dan mental yang pernah dirasai. Selain itu, beliau juga sering merasakan bahawa beliau seorang yang gagal kerana terlalu banyak tanggapan negatif orang lain terhadap diri beliau. Cubaan pertama beliau ingin membunuh diri adalah sewaktu beliau berada di tahun 2 di universiti di mana beliau cuba untuk terjun daripada bangunan tetapi tidak mempunyai keberanian untuk melakukan hal berkenaan. Beliau disahkan doktor mempunyai *depression* dan kini semakin pulih.

Informan 4

Informan 4 merupakan lepasan Ijazah daripada universiti tempatan dan kini bekerja sebagai Saintis Kimia. Beliau merupakan anak ketiga daripada empat adik-beradik, namun begitu, beliau sering merasakan disisih dari ibu bapa sendiri. Beliau mempunyai keinginan untuk membunuh diri ketika berusia 11 tahun dan cubaan pertama membunuh diri adalah dengan mencederakan diri sendiri ketika usia 11 tahun. Perkara yang membuatkan beliau ingin membunuh diri adalah kerana rasa dilayan dengan sangat terseksa dan juga memperoleh *silent treatment* yang sangat lama hingga berbulan-bulan daripada ibu bapa beliau sendiri. Beliau juga mempunyai beberapa kali cubaan untuk bunuh diri. Beliau telah didiagnos *Major Depressive Disorder* (MDD) dan sedang mendapatkan rawatan.

Informan 5

Informan 5 merupakan seorang pelajar daripada jurusan Sains dan Teknologi Maklumat. Beliau merupakan anak kedua dan beliau juga sangat rapat dengan ibunya. Kali pertama beliau merasakan ingin membunuh diri ketika beliau berada di tahun pertama pengajian. Hal ini kerana, beliau mempunyai jangkaan yang tinggi terhadap diri sendiri untuk berjaya. Apabila beliau masuk ke universiti, beliau berasa tertekan dengan pelajaran sehingga tidak mampu mencapai seperti apa yang beliau inginkan. Beliau juga mempunyai kepercayaan di mana beliau tidak boleh gagal kerana beliau merupakan antara pelajar yang sering memperoleh keputusan cemerlang sejak di bangku di sekolah. Peristiwa demi peristiwa dimarahi oleh ayah dengan kata-kata kesan seperti bodoh dan tidak berguna menjadikan beliau takut untuk gagal dan beliau sentiasa berusaha untuk berjaya. Namun begitu, apabila beliau masuk ke universiti, beliau gagal untuk menyesuaikan diri dengan situasi. Cubaan pertama beliau adalah pada tahun 2019 iaitu sebanyak 2 kali beliau mempunyai cubaan untuk bunuh diri. Beliau telah di diagnos sebagai pesakit Bipolar dan sedang mendapatkan rawatan sehingga kini.

HASIL ANALISIS TEMATIK

Sebanyak 196 kod awal telah dikenal pasti daripada perkataan, frasa atau ayat yang mempunyai makna dan gambaran tentang isu bunuh diri serta relevan dengan objektif kajian ini. Teknik *data reduction* dilakukan sehingga akhirnya keseluruhan tema utama adalah sebanyak 16 tema manakala sub-tema adalah sebanyak 40.

Faktor Bunuh Diri

Hasil kajian mendapati bahawa enam faktor utama informan mempunyai pemikiran bunuh diri ialah: (i) pengherotan kognitif, (ii) wujudnya simptom kecelaruan mental, (iii) tiada penghayatan agama, (iv) pengalaman trauma masa silam, (v) kurang sokongan sosial dan

(vi) personaliti. Jadual 1 menunjukkan tema dan sub-tema faktor informan mempunyai kecenderungan bunuh diri.

Jadual 1: Tema dan sub-tema faktor kecenderungan bunuh diri

Tema	**Sub-tema**
Pengherotan kognitif	• Pandangan negatif terhadap diri • Pandangan negatif terhadap dunia • Pandangan negatif terhadap masa hadapan
Simptom kecelaruan mental	• Perasaan ingin mati • Halusinasi • Anxiety • Numbness • Lega bila cederakan diri
Tiada penghayatan agama	• Kurang percaya Tuhan • Tidak mempraktikkan agama • Persepsi negatif tentang agama
Pengalaman trauma masa silam	• Gaya keibubapaan maladaptif • Buli
Kurang sokongan sosial	• Tidak dipercayai • Stigma • Sokongan lari daripada jangkaan
Personaliti	• Kehematan (Conscientious) • Introvert • Suka mengambil risiko (Risk-seeking) • Ingin mendapat perhatian (Attention-seeking)

(i) Pengherotan kognitif

Hasil analisis mendapati bahawa kesemua informan menunjukkan ada mengalami pengherotan kognitif. Pengherotan kognitif yang dialami termasuklah pemikiran negatif terhadap dirinya, dunia dan masa hadapan. Informan sering kali melihat diri sebagai tidak berguna, seorang yang gagal dan sering kali menyalahkan diri sendiri. Bagi informan 2, perasaan yang tidak berguna ini timbul apabila pengalaman lalu dengan pelbagai masalah yang dialami oleh dirinya menyebabkan

klien merasa bahawa kehidupannya tiada nilai, hingga terfikir untuk bunuh diri dan akhirnya ada merancang untuk bunuh diri;

> *"...tapi aside from pelajaran ke, future career ke semua tu, in terms of personal life tu saya rasa macam kosong, rasa macam dah takde harapan, masa tu rasa macam gelaplah, rasa macam personal life tu takkan jadi bermaknalah, sebab dengan family pun saya problem, cari orang pun orang buat macam tu dekat kita so eventually saya jadi macam overthink, banyak sangat fikir, dan disebabkan saya terlalu fikir yang personal life saya takde value tu, maybe tulah main factor yang mendorong saya untuk bunuh diri, ada kecenderungan rasa nak bunuh diri, so mula-mula kecenderungan tu, mula-mula of course saya akan rasa sedih, memang sedih berpanjangan, sampai doktor cakap ni relapse kemurungan awak ni, sebab awak dah pernah kena dulu, so macam this is the second relapse, lepastu baru datang.. mula-mula dia suicidal thoughts je, macam terfikir sahaja nak bunuh diri, and eventually benda tu progressed jadi suicidal plan…"(Informan 2: 107-117).*

Manakala informan 5 pula merasa dirinya tidak berguna lagi kerana tidak berupaya lagi untuk membuat sesuatu;

> *"Yang dulu tu dah habis, tapi masa saya start intern dulu, ada macam tak okay balik, saya rasa tak guna balik sebab saya tak boleh buat something, tak boleh buat kerja, pastu saya start rasa balik sekarang" (Informan 5: 398-400).*

Pemikiran yang merasa diri sudah tidak berguna yang dialami oleh informan 1 ini pula telah membawa kepada kepercayaan bahawa dirinya patut mati;

> *"Ha yes. Rasa useless, rasa…Rasa kau memang patut mati" dan mati adalah yang terbaik; And if dia orang dah bagi pendapat but still tak boleh juga, and then kat situ saya akan, saya akan menangis… meratapi dulu lah meratapi dulu… grave, meratapi dulu maybe dalam sehari dua kan. Stay, tak buat apa-apa just hisap rokok, kerja tak jalan apa semua. And then dekat situ saya*

macam "dah lah jom lah kita mati je lah." Ha saya suka cakap dengan diri saya kan, saya macam, saya panggil bahasa diri saya, bila saya nak bercakap dengan dia saya akan panggil dia nobi kan. "Nobi jom lah, cau je lah dari dunia. Mampus lah dah tak larat doh. Banyak masalah kan, takde benda yang happy pun kan dalam hidup kan. Kita mati je lah kan." (Informan 1: 201, 262-277).

Selain itu, pemikiran yang memandang negatif terhadap dunia banyak didasari oleh pengalaman pahit yang dilalui semasa dahulu terutama semasa zaman kanak-kanak atau remaja. Bagi informan 1 dan informan 2, pengalaman masa silam yang terlalu kecewa terhadap orang yang disayangi sangat memberi impak untuk membunuh diri. Informan 1 yang terlalu banyak menyerahkan kehidupannya kepada teman wanita terlalu kecewa hingga merasa kehidupan sudah tidak berguna lagi;

"Rasanya sebab, dulu saya anggap awek saya adalah segala-galanya. Dialah rumah saya, dialah tempat saya nak bermanja apa semua. Sebab saya dekat rumah, saya jenis yang duduk dalam bilik saja. Saya dengan dunia saya, saya dengan business saya. Pergi mampus orang lain, aku dengan dunia bundle aku, dengan awek aku..." (Informan 2: 201, 262-277).

Informan 1 juga merasa dia hilang segalanya dan tempat bermanja;

"Dua itu yang sangat bermakna, paling bermakna lah itu. So bila awek saya… dia tinggalkan saya kan.. Macam uish… aku punya tempat yang, macam tempat kita nak meluahkan segala-galanya dah tiada. Macam uish hidup aku dah useless lah, hidup aku dah useless lah tiada makna aku nak hidup. So saya pun fikir macam, dengan apa yang saya belajar itu, bunuh sahajalah diri. Sebab dah tiada apa apa dah dalam hidup ni…"(Informan 1: 168-171, 173-177).

Manakala informan 2 yang mempunyai sejarah silam yang pahit apabila bapanya berkahwin lain telah menambah simptom kesakitan mental yang dialami;

" ...lepas beberapa bulan selepas sembilan bulan saya pendam tu, memang ayah saya terus open up dekat mak saya yang dia memang dah kahwin lain dah pun, macam dorang elope lah, pastu pada masa tu memang jadi.. masa tu baru mak tahu, masa tu terus jadi macam broken home, memang banyak kali minta cerai tapi ayah tak bagi dan sangat kelam-kabut tau masa tu, adik pun.. awalnya saya sorang je tak pergi sekolah, tapi bila dah jadi macam tu, macam sekolah adik-adik pun affected juga, kadang pergi kadang tak, lepastu macam sorang nak bawa lari sini, sorang nak bawa lari sana, so macam menambahkan lagi simptom saya pada masa tu, dan menyebabkan saya macam terus isolate daripada orang, tak nak jumpa kawan, jadi lagi pemarah, jadi lagi irritable..."(Informan 2: 33-34, 77-85).

Impak kekecewaan ini menyebabkan informan juga melihat dunia ini sebagai negatif dan tidak ada apa yang menarik untuk meneruskan kehidupan akibat terlalu bersedih hati. Pengherotan kognitif yang memandang terhadap masa hadapan pula dapat dilihat apabila ramai responden yang sudah hilang harapan pada semua perkara di dunia. Informan 5 pula mengakui bahawa perasaan tidak lagi mengharap pada sesiapa itu turut melibatkan hilangnya harapan terhadap Tuhan;

"Mungkin. Masa depressed, I lost hope in anything, in everything dan beliau menyatakan ... "let me feel something," sebab saya rasa macam kosong, itu tak.. maksudnya bila saya depressed, saya tak ingat Tuhan langsung.." (Informan 5:167, 347-348).

Bagi informan 2, beliau juga sudah hilang harapan apabila melihat dirinya telah ketinggalan dalam banyak perkara yang ingin dicapai dalam hidupnya;

"... seingat sayalah, pastu second attempt pula saya cuba nak overdose ubat sebab masa tu dalam bilik, sorang-sorang and seingat saya masa tu nak dekat dengan exam tapi saya baru nak recover daripada kemurungan, dengan tak sempat nak study untuk exam, lepastu saya rasa saya ketinggalan, lepastu saya rasa macam takde value sebab terlalu fikirkan personal life,

personal life pun dah takde, dah out, pelajaran pun out juga, disebabkan problem tu macam tak reti nak manage masa semua so saya decide nak telan Panadol tapi yang tu pula rasanya saya muntah balik kot, tu pun sebab kawan suruh tekan perut suruh muntah balik macam tu, pun kawan yang selamatkanlah and kedua-dua episod saya cuba nak bunuh diri ni saya tak reveal pun dekat parents, mungkinlah dia tahu secara tak langsung tapi secara langsung daripada saya, saya tak pernah reveal dekat parents, sebab saya memang.. even sampai sekarang pun, sekarang yang macam kira saya dah stable jugalah, saya still takde lagi 100% kepercayaan pada parents saya tau..." (Informan 2: 137-147).

(ii) Simptom kecelaruan mental

Analisis mendapati bahawa kesemua informan mengalami kecelaruan mental. Antaranya ialah mereka mempunyai perasaan sentiasa merasa ingin mati. Informan 4 ada menyatakan bahawa beliau telah berusaha untuk menghilangkan perasaan ingin mati itu, namun adalah sukar dan masih ada walaupun telah berkurangan,

"... saya rasa tak puas akan ada masa saya rasa saya terlalu down dan saya perlu mati." (Informan 4: 165-166).

Perasaan seperti ini adalah sukar dikawal hingga boleh menyebabkan mereka berfikir secara tidak rasional. Informan kedua menceritakan bagaimana beliau terfikir bagaimana cara untuk mati apabila berada dalam keadaan bahaya seperti sedang membawa kenderaan yang memerlukan fokus. Menurut informan 4, semua perancangan yang wujud dalam fikiran tersebut berlaku secara tidak sedar,

"Ada. Saya macam unconsciously plan kalau saya nak mati saya nak mati macamana?" (Informan 4: 130).

Informan 1, 2 dan 4 pula merasai perasaan yang tidak 'ada rasa' iaitu *numbness* hingga tidak tahu sebab mengapa perasan ingin bunuh diri itu muncul, namun apa yang pasti ialah pada ketika itu mereka merasa tidak rugi untuk mati. Informan 1 merasa tiada sebab;

"Bagi saya… bagi saya tak sebab…" (Informan 1: 562, 564-565, 567-568).

Beliau menyatakan bahawa rakannya yang mengamalkan ajaran agama Islam dengan baik juga membunuh diri.

"Bagi saya tak sebab kawan saya solat, puasa, baik semua tapi… dia macam saya jugak. Sebab bagi saya benda itu dia tak affect lah...Dia solat, puasa full, kiranya lagi baik daripada saya. Kiranya maghrib kadang-kadang dia pergi masjid, pergi surau dekat kolej kan. Tapi end up dia akan bunuh diri juga." (Informan 1: 562, 564-565, 567-568).

Bagi informan 2 pula perasan merasa kosong dan pada waktu itulah nekad untuk bunuh diri;

"... maksudnya hilang tu sebab kita dah start rasa kosong, dah start rasa numb, so bila dia betul-betul start rasa kosong tu yang memang nekad nak buat sebab pada masa tu macam dah takde emotion, rasa macam tak rugi apa dah kalau mati.. macam tulah." (Informan 2: 171-173)

Informan 4 pula tidak tahu kepada siapa harus marah, kepada siapa dia harus bersedih hati;

"Kita rasa nak marah tapi tak tau nak marah apa? Rasa sedih tapi tak tau nak sedih sebab apa? Cuma saya rasa confuse itu yang menyebabkan saya mula self harm." (Informan 4: 366-367)

Adakalanya informan 4 merasa keliru dengan diri sendiri mengapa beliau boleh berada dalam situasi tersebut,

"Tak ada rasa, saya cuma rasa tak tau nak rasa apa. Saya cuma rasa saya confuse kenapa saya berada dalam situasi macam tu." (Informan 4: 111-112).

Simptom lain kecelaruan mental yang dialami adalah *anxiety* atau kebimbangan yang dialami oleh informan 1;

> *"And saya hidup time itu dalam ketakutan lah orang kata boleh kata ada anxiety. Tapi just mild lah dia tak macam saya yang sekarang. Yang kiranya kalau anxiety sikit je terus tak boleh buat apa-apa dah. Kalau dulu saya anxiety saya macam, berdegup tapi boleh kawal lagi." (Informan 1: 235-237).*

Informan 2 mengalami halusinasi yang membisikkan diri tiada guna lagi yang dialami;

> *"...still ada yang sudut hallucination tu, sampai suara tu yang cakap "oh kau memang dah tak guna apa semua, baik kau mati je" so macam suara pada masa tu memang sangat bising, dan sangat overwhelming, to the point saya memang dah nekad nak terjun dah tapi kawan yang selamatkanlah, lepas kawan dah selamatkan tu, saya dah tak tahu apa jadi, saya dah lost of memory sikit sebab kita macam separuh sedar bila kita buat keputusan macam tu..." (Informan 2: 128-132).*

Manakala informan 4 merasa lega apabila melihat diri cedera;

> *"Saya lukakan tangan dengan pisau. Sebab waktu tu saya tak terfikir pun saya nak mati, Cuma waktu tu saya fikir saya tak tahu nak rasa apa. Saya rasa confuse sebab kenapa parents saya tak bercakap dengan saya"*
>
> *"...Dan saya rasa confuse saya rasa saya cuma nak legakan, saya lukakan tangan. Memang betul sebelum rasa sakit pisautu kena kat tangan tu kita akan rasa lega. Tak tau lega apa. Tapi rasa lega. Cuma saya perasan bila saya rasa bila saya terima lagi silent treatment saya akan buat macamtu." (Informan 4:96-98, 104-107, 116-118).*

(iii) Tiada penghayatan agama

Dalam kajian ini, hasil analisis menunjukkan bahawa penghayatan agama dilihat kurang dipraktikkan oleh kebanyakan informan. Daripada segi kepercayaan terhadap Tuhan, hanya informan 3 yang dilihat percaya bahawa doanya akan dimakbulkan Tuhan walaupun lambat. Sebaliknya empat informan lain didapati kurang mempercayai Tuhan walaupun ada di antara mereka yang mempunyai latar belakang agama yang baik. Bagi informan 1, beliau mengakui bahawa beliau tidak percaya dengan agama tambahan pula beliau sering terikut-ikut gaya *Illuminati*. Beliau merasa tiada lagi kepercayaan pada dunia;

> *"Kiranya kita dah tiada kepercayaan dah dekat dunia. Tak rasa, tak takut nak mati dah." (Informan 1:516).*

Beliau mengakui terang-terangan bahawa beliau melakukan iluminati dan seolah-olah dirinya tiada lagi kepercayaan dengan agama;

> *"Macam dah tiada kepercayaan. Macam, takpelah. Aku memang dah ini pun… kau tengok aku buat apa dekat IG live aku macam mana. Kau tengok kadang-kadang aku buat iluminati apa semua. Nak kena marah lah itu. Nak mati, mati sahajalah. Tak payah kisah sangat." "Macam kita dah takde kepercayaan, dah tiada apa-apa dengan agama ini. Macam kita dah tiada agama lah orang kata. Hidup tiada agama lah. Apa aku nak, aku buat." (Informan 1: 516, 518-522).*

Informan 1 turut mengakui bahawa dirinya hanya berlakon jika disuruh solat;

> *"Dulu hidup dah tiada. Dah tiada kepercayaan. Kiranya mama suruh solat pun, berlakon sahajalah. Tapi kalau orang itu tiada agama langsung, dia ini Islam IC Islam tapi dia hidup tiada agama macam saya dulu, orang cakaplah apa-apa pun. Dia macam tak lut." (Informan 1: 516, 518-522, 524-525, 667-669).*

Manakala bagi informan 2 pula, kepercayaannya terhadap agama telah hilang setelah orang yang dipercayai dalam agama iaitu ayahnya

membuat perkara yang menyalahi ajaran agama, maka beliau merasakan tidak perlulah lagi melakukan ibadah;

> *"To be honest, saya memang dibesarkan dalam family yang kononnya menekankan agamalah, tapi since ayah saya buat macam tu, saya pun rasa tak boleh nak percaya dia 100%, so ada je yang time saya rasa macam "oh buat apa nak beribadah semua sebab tengok orang yang paling kuat beribadah pun buat macam tu juga, kan." (Informan 2:233-236).*

Bagi informan 5 pula, beliau sering mempersoalkan Tuhan dan mempertikaikan mengapa dirinya diuji;

> *"...saya banyak persoalkan kot, saya banyak persoalkan saya rasa macam kenapa Allah letakkan saya dalam situasi ni, kenapa… boleh ke saya rasa.. sebab kita, kita tahu Allah mesti akan susunkan yang terbaik untuk kita, boleh tak saya tak suka.. macam tu kan, sebenarnya boleh je kita nak validate pasal perasaan kan.. boleh je untuk tak suka..." (Informan 5: 170-173).*

Beliau melihat agama tidak ada empati terhadap orang yang mengalami masalah kesihatan mental apabila kebanyakan sirah nabi hanya menunjukkan sisi Nabi yang kuat sehinggalah beliau mula berubah mendekati kembali agama apabila beliau mendapat jawapan terhadap persoalan yang bermain di fikirannya;

> *"Ya, the human side. Jadi saya rasa macam tak difahami, masa tu juga saya rasa macam lagi "kenapa? Kenapa? Agama ni tak empathy ke?" So dia bukan jadi faktor yang lagi menguatkan atau menyembuhkan.. tapi lepas tu saya jumpalah juga jawapan-jawapan yang validating macam tu." (Informan 5: 186-188).*

Informan 5 juga melihat bahawa kefahaman yang betul tentang sirah Nabi itu penting;

> *" Betul.. dan itu juga yang something yang saya highlight-kan, we need to have this kind of kefahaman yang dibawa dalam usrah sendiri, sebab dekat.. dekat dalam usrah, dia selalu bawa yang*

cam yang Nabi.. buat macam ni macam ni.. Ya, Nabi kuat, Nabi sabar tapi jarang untuk tunjukkan sisi-sisi yang..Nabi juga menangis." (Informan 5: 180-185).

Jika ditinjau daripada aspek praktis agama, dua orang informan mengakui bahawa dirinya tidak mempratikkan ajaran agama. Informan 1 mengakui beliau tidak melakukan ibadah yang dituntut dalam agama Islam seperti tidak solat dan tidak puasa;

"Amalan itu tiada lah. Tiada. Yang wajib pun saya tinggal. Puasa pun saya tinggal. Tak puasa apa semua saya tak buat. Tak buat juga. Paling-paling pun mama hantar, masuk masjid, keluar ikut pintu belakang, pergi hisap rokok. Tak solat." (Informan 1: 528-529, 531-532, 534).

Amal ibadah solat yang dilakukan hanyalah sekadar lakonan terutama di hadapan ibu bapanya. Berbeza dengan informan 5 pula beliau melakukan ibadah namun tidak merasa tenang;

"Ya, sebab saya masa tu, otak saya yang rasional, tahu solat tu wajib but of course doing anything feels so heavy, semua benda rasa susah sangat, saya paksa dirilah, solat sebab wajib. Tapi untuk dia mempengaruhi rasa lagi tenang ke.. takde." (Informan 5:163-165).

(iv) Pengalaman trauma masa silam

Kesemua lima orang informan mengaitkan perasaan dan pemikiran bunuh diri yang dialaminya ada berkait dengan pengalaman zaman silam. Mereka menceritakan tentang kisah silam semasa zaman di bangku sekolah yang memberi tekanan dan kesan traumatik sehingga mereka dewasa.

Daripada kaca mata 2 orang informan, mereka merupakan mangsa gaya keibubapaan yang maladaptif. Informan 4 mengalami trauma yang panjang apabila dilayan tidak adil dan berbeza daripada adik-beradik lain;

"Aaa sebab saya perasan aaa saya dilayan dengan sangat tersiksa." (Informan 4: 64-65, 72-79).

Hubungan saya dengan adik beradik okay. Cuma hubungan saya dengan parents saya nampak ada perbezaan cara layanan *parents* antara adik beradik yang lain dengan saya. Informan 4 kecewa apabila dirinya tidak dilayan seperti adik beradik yang lain iaitu semasa peristiwa menyambut hari lahir;

"Umm contoh yang paling simple waktu masa birthday adik-beradik saya dapat celebration saya Cuma dapat ucapan. Bila saya tanya kenapa saya tak ada? Then saya cakap waktu itu mereka tiada duit tapi setiap tahun tak ada duit tak ada duit. Sampai waktu sekarang saya fikir bodohnya kenapa saya rasa benda tu penting? Tapi waktu saya dari tujuh tahun zaman sekolah rendah saya rasa benda tu penting. Itu adalah satu contoh yang kecil dan ada banyak lagilah kalau saya macam tersalah buat apa-apa saya akan dapat silent treatment. Dan waktu saya first time saya self harm sebab saya tak tahan sangat. Saya tak tahu apa salah saya parent saya tak bercakap dengan saya." (Informan 4: 91-92).

Informan 4 telah menerima hukuman *silent treatment* tanpa mengetahui sebab ibu bapa mengenakan tindakan sebegitu hingga berbulan-bulan ke atasnya;

"Aaa itu saya memang saya plan untuk saya mati, saya betul betul fikir saya nak mati. Dia sebenarnya sebab saya berada dalam keadaan silent treatment tu on off, on off, on off. Jadi saya memang sepanjang saya dibesarkan saya dibesarkan dalam cara yang macamtu." (Informan 4: 146-150).

Manakala bagi informan 5, kata-kata seperti tidak berguna dan bodoh yang dinyatakan oleh ayah apabila beliau membuat kesilapan amat menakutkannya;

".. daripada kecil, kalau saya buat salah, ayah saya mesti cakap saya ni tak guna, kadang-kadang bodoh, so saya tak suka jadi

macam tu, saya nak jadi orang yang.. saya tak suka buat salah, sebab mungkin sebab saya punya pemikiran kalau saya buat salah nanti saya kena marah, kalau saya buat salah, nanti orang tak suka, so saya rasa macam apa yang ayah saya cakap tu mungkin orang akan anggap benda yang sama juga, jadi kemungkinan tu jugalah sebenarnya.. jadi masa yang pergi jumpa counselor tu, psychiatrist kata "you need to lower your expectations, you need to manage your expectations.." (Informan 4: 146-150).

Hukuman-hukuman sebegini memberi kesan ke atas pandangan informan terhadap kehidupannya hingga membawa kepada pemikiran untuk bunuh diri. Informan 1 dan informan 3 pula merupakan mangsa buli semasa di sekolah dan di asrama. Informan 1 jelas menyatakan bahawa hasrat untuk bunuh diri adalah kerana dirinya dibuli di sekolah;

"Form 4 saya terfikir nak bunuh diri dah sebenarnya sebab saya kena buli kat sekolah. Kena buli darjah empat, lima, tingkatan satu, tingkatan dua, haa… tingkatan empat… Ha lima tahun tu saya kena buli so kat situ saya rasa macam… trauma, trauma… So saya takut kan macam uish dia orang ni macam…" (Informan 1: 70, 225-227).

Kedua-dua informan ini sangat trauma dan gambaran yang diberikan oleh informan 3 seolah-olah kesakitan itu dapat dirasai sehingga kini;

"Tapi sakit tu memang saya ingat sampai mati lah." (Informan 3:135).

Informan 3 mengakui bahawa dia mengalami trauma sehingga melarat kepada pemikiran bahawa dirinya seorang yang gagal;

"Saya trauma. Daripada saya 13 tahun saya dah tinggal di asrama dan saya dipukul. Senang kata hidup saya negatif sejak usia saya 13 tahun dan benda tu melarat sampai saya matrikulasi dan juga UKM menyebabkan saya fikir saya ini dikategorikan sebagai seorang yang gagal." (Informan 3:46-49, 119-122).

Informan 2 pula mengalami peristiwa beliau ternampak bapanya berlaku curang terhadap ibu.

> *"...so pada masa tu sebenarnya, problem tu dah lama sebenarnya, saya dapat tahu yang ayah saya ada perempuan lain, tapi saya tahu memang benda tu tak diketahui oleh sesiapa dalam family. Saya dapat tahu tu pun sebab.. mungkin saya yang gatal tanganlah, pergi tengok phone dia, sebab saya rasa saya ni memang jenis suka analyse daripada kecil..." (Informan 2: 33-36).*

Peristiwa itu amat memberi tekanan kerana beliau tidak mampu meluahkan kepada sesiapa pun walaupun ibu sendiri dan ia terpendam bertahun-tahun sehingga remaja.

(v) Kurang sokongan sosial

Hampir kesemua informan meluahkan perasaan tidak dipercayai oleh orang yang terdekat seperti ibu bapa dan rakan. Ramai informan mengakui bahawa kebanyakan orang yang terdekat bersifat menghukum ke atas mereka yang sedang menghadapi kesukaran mental. Informan 4 pernah cuba menjelaskan perkara sebenar yang sedang dilalui namun jawapan yang diterima daripada kedua ibu bapa amat mengecewakan;

> *"Satu denial, kemudian saya tahu yang aaa habit parents saya diorang akan mmperlecehkan. Jadi saya tak pernah cakap pasal perasaan saya. Saya cuma pernah tanya kenapa saya dilayan macam ni? Dan diorang kata tak diorang tak pernah buat macamtu. Diorang akan cuba cerita yang sebaliknya." (Informan 4:299-302).*

Informan 4 dengan tegas menyatakan bahawa orang lain tidak akan percaya dengan apa yang dicerita seolah-olah tiada sesiapa yang memahami isi hati mereka;

> *"Ataupun orang akan dismiss orang akan tidak percaya apa yang saya cakap." (Informan 4: 234).*

Kebanyakan informan juga mengalami stigma daripada orang sekelilingnya. Informan 1 menyatakan bahawa beliau amat terguris dengan perkataan yang diucapkan oleh rakannya;

> *"Haah ramai yang menggunakan, "kau bunuh diri ini iman kau tak kuat ini. Iman tak kuat." Salah. Itu adalah, kalau dalam komuniti depression kita orang panggil bullshit lah. Bullshit. False statement lah. False statement lah kita orang cakap. Memang kita orang bengang gila kalau orang kata macam ini." (Informan 1: 789-792).*

Keadaan yang sama berlaku ke atas informan 3 yang telah dihina dan menerima pandangan sinis daripada orang lain;

> *"Kemudian penuh dengan kata-kata negatif orang terhadap saya. Pandangan sinis orang terhadap saya. Sampai sekarang. Sebab itulah saya fikir saya mungkin lahir untuk gagal. Ok. Lepas tu, saya ingat lepas saya habis form 5 tu hidup akan better. Rupanya tak. Lagi teruk kan." (Informan 3: 52-53, 99-103).*

Bagi informan 2 dan 5, stigma yang dikaitkan dengan lemahnya iman dan tidak kuat beragama menjadikan penyakit mental yang dialami menjadi lebih teruk.

> *"First of all, saya rasa macam betullah sebagai orang Islam kita memanglah kena ingatkan balik pada agama tapi kita kena ingat yang tu sebenarnya orang yang tengah sakit, dia bukannya orang yang tengah bermaksiat ke apa, so lain tau approach dia so kita tak boleh terus macam "ee kau kena ingat Allah-lah, kena solat, rajin sikit" kalau kita bagi dia nasihat tapi dalam cara yang macam preaching, benda tu boleh buat dia lagi jauhlah sebab dia akan fikir "oh, orang just macam judgemental." Apa yang orang tahu pasal dia punya faith ke dia punya tahap dia percaya ke apa semua tu, kan.." (Informan 2: 436-442).*

> *"Ayah saya dia jenis ada pemikiran yang macam.. macam biasalah. "Depression ni sebab kamu ni tak banyak ngaji ni,"*

sebab masa ayah saya dah tahu tu pun dia selalu cakap "tak payah makan ubat-ubat sangat ni, kamu banyak je banyak doa," ayah saya.. dia memang jenis garang, dia baran, tapi specifically lepas saya punya kes, dia banyak sangat cuba nak berubah..." (Informan 5: 65-69).

Selain itu, 3 orang informan menceritakan bagaimana mereka memperoleh sokongan orang sekelilingnya namun reaksi yang diberikan amat berlainan daripada jangkaan. Informan 5 menyatakan bahawa rakannya tidak pandai untuk memberi respon terhadap apa yang diceritakannya malahan sepertimana yang turut berlaku kepada informan 1, respon itu membuatkan dirinya semakin lemah malahan tergiang-ngiang sehingga boleh membawa kepada keinginan membunuh diri;

"Selain daripada cerita dekat kawan, selepas tu saya diremehkan… tu pun ada.. ada yang.. saya jenis.. saya cuba nak percaya orang. Tapi rupa-rupanya pun yang rapat sendiri pun tak.. tak.. mungkin dia tak tahu sebenarnya.. dia tak tahu cara nak respond dengan yang saya boleh terima, dia macam "kenapa, kenapa buat macam tu?" Dia mungkin risau, tapi saya rasa macam.. kena.. disalahkan. Hm, tapi lepastu saya rasa macam okay tak boleh beritahu sesiapa dah…" (Informan 5: 236-238).

Pengalaman informan 5 cuba mendapatkan sokongan daripada Befrienders, NGO yang memberi perkhidmatan membantu mereka yang ingin bunuh diri juga amat mengecewakan mereka;

"Sebab masa tu.. sebab masa tu pun memang tengah suicidal juga, lepastu saya cakaplah kan "I don't feel like living.." lepastu saya mengharapkan.. okay ni pun masalah expectations jugalah, saya mengharapkan dia boleh tenangkan saya macam tu, dia boleh console saya ataupun dia boleh beritahu apa yang saya boleh buat ke.. tapi orang tu expect untuk saya yang cerita, saya tak boleh masa tu, bila dia tengah intense sangat, katakanlah saya sama ada suicidal ke ataupun self-harm punya overwhelming punya.. saya tak boleh nak cerita pun.. saya

macam nak ditenangkan.. ataupun.. yelah, so saya rasa tak membantu.. untuk saya bercakap lagi sebab saya call, saya tak tahu nak expect apa daripada call tu, dia pun macam tak cuba nak cakap so macam "ok..? so aku nak buat apa ni?" so end this call, okay dah habis macam tu je.." (Informan 5: 259-265, 267-269).

(vi) Personaliti

Terdapat empat tret personaliti yang didapati ada berkait dengan pemikiran bunuh diri iaitu kehematan (*conscientious)*, suka mencari risiko (*risk-seeking*), ingin mendapat perhatian (*attention-seeking*) dan introvert. Walau bagaimanapun, jenis personaliti yang dikemukakan ini bukanlah mutlak kerana data kualitatif yang diperolehi tidak dapat mengesahkan jenis personaliti sebenar setiap informan. Tema-tema yang dibina adalah intepretasi ke atas ciri-ciri yang dikenalpasti ada persamaan dan pengkaji cuba mengkategorikan mengikut tret personaliti.

Personaliti jenis *conscientious* boleh dibahagikan kepada dua tret iaitu *perfectionist* dan *conformity-like*. Informan 5 seorang yang amat mementingkan kesempurnaan. Beliau mempunyai jangkaan yang tinggi ke atas dirinya, sentiasa takut untuk gagal dan tidak mahu menghadapi kenyataan jika sekiranya dia gagal,

"... you need to excel, saya punya expectation dekat diri sendiri memang very high sebab tulah saya macam tak boleh terima kalau saya gagal, if anything, tu yang antara terbesar sangat dan menyebabkan saya punya depression." (Informan 5: 62-64).

Bagi informan 1 pula, beliau mengakui dirinya yang mudah terpengaruh, buktinya beliau sangat tertarik dengan filem Korea, mudah terikut dengan *Iluminati* dan pengaruh Barat. Beliau mengakui bahawa pemikiran untuk bunuh diri juga banyak dipengaruhi dengan pemerhatian cerita Korea yang ada menunjukkan aksi bunuh diri;

"And yang last sekali adalah daripada inilah, daripada… mungkinlah mungkin daripada drama drama yang saya tengok.

Drama-drama korea yang saya tengok… Drama korea dia banyak ceritakan tentang bunuh diri tapi dia orang diselamatkan kan, dia mengajar kita macam seterusnya macam kita macam… benda ini macam okay jugak kan..." (Informan 1: 60-63,65, 67-68).

"Ha kita macam terpengaruh sikitlah dengan drama ini. Ha macam itulah…Ha daripada drama Korea pun boleh jugak. Saya dulu fikir… pernah terfikir jugak daripada saya Form 4 terfikir nak bunuh diri." (Informan 1: 60-63,65, 67-68).

"Kiranya, kadang-kadang kita terikut-ikut dengan iluminati apa semua kan."
(Informan 1: 513-514).

"Haah tak solat… Lepas itu jenis pengaruh gaya barat. Metal kan. Dulu kita orang macam, kawan-kawan dengan metal ini. So hidup kita orang ke arah metal lah hidup." (Informan 1: 552-553).

Selain itu, beliau sendiri adalah seorang yang suka mencuba sesuatu yang baru. Beliau amat suka mencuba dan mengkaji ubat,

"Yang mendorong saya adalah satunya adalah sifat saya yang suka kaji pasal ubat, tu salah satu faktor. Saya suka kaji pasal ubat, saya tengok ubat ini kalau saya overdose ini jadi apa." (Informan 1: 51-53).

Sifat suka mencuba menyebabkan beliau membuat eksperimen untuk mengikat dirinya di tali gantung,

"Lepas itu saya suka tengok cara nak ikat tali gantung ini macam mana." (Informan 1: 55).

Personaliti informan 2 pula adalah seorang yang introvert dan banyak merahsiakan perkara dengan orang lain walaupun adik-beradik atau saudara mara sendiri. Beliau banyak memendam rasa dan tidak bercerita dengan sesiapa jika sedang menghadapi masalah;

"...still takde lagi 100% kepercayaan pada parents saya tau so macam a lot of things saya memang pendam sorang-sorang, kalau perkara penting je saya discuss dengan parents, contoh macam saya nak berkahwin ke apa ke, yang tu akan cakaplah dengan parents sebab eventually dorang kena bagi restu jugakan, cuma kalau benda-benda yang macam.. lebih-lebih lagi benda yang macam personal, masalah personal even masalah tu besar mana pun, saya akan cuba untuk pendam sendirilah..." (Informan 2: 147-151).

Begitu juga dengan informan 4 yang turut tidak berkongsi masalah dengan orang lain. Perbualan penyelidik bersama informan 4 jelas menunjukkan informan suka memendam.

Penyelidik : masa tu ada... ada orang lain tak yang boleh share aaa masalah Pernah cerita kat orang lain tak?
Informan : tak
Penyelidik : tak pernah. Okay so memang apa pengalaman tu dipendam sendiri lah?
Informan : ha ye.
Penyelidik : dengan adik beradik yang lain?
Informan : saya tak cerita apa-apa.
Penyelidik : tak juga. Tak ada yang boleh berkongsi juga?
Informan : tak

(Informan 4: 80-88)

Informan : Saya menangis.
Penyelidik : Memang tak ada orang lain tahu?
Informan : Tak ada
(Informan 4: 139-141)

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Kesihatan mental adalah satu penyakit sama seperti penyakit-penyakit lain yang boleh dialami individu misalnya darah tinggi, kencing manis, sakit jantung dan lain. Sehubungan itu, ia perlu didiagnosis dan dirawat.

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa implikasi kajian boleh dikenal pasti. Pertamanya, usaha berterusan perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat umum mengenai kesihatan mental dan keperluan mendapatkan intervensi dan rawatan yang bersesuaian dan tepat untuk mereka yang menderita masalah kesihatan mental.

Ini memberi implikasi tentang kepentingan memperbanyakkan bilangan pegawai psikologi, pakar psikologi klinikal dan kaunselor di hospital dan agensi kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan sokongan kaunseling dan psikologi. Perkhidmatan psikologi dan kaunseling di bawah MAIS boleh diperkasakan dengan menambah bilangan kaunselor serta sukarelawan yang boleh menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bantuan secara bersemuka dan dalam talian bagi masyarakat yang memerlukan. Kemahiran dan kecekapan pegawai psikologi, pakar psikologi klinikal dan kaunselor juga perlu dipertingkatkan dalam memberikan perkhidmatan psikologi dan intervensi kepada pesakit kesihatan mental. Modul-modul sedia ada juga perlu menekankan tentang pentingnya pesakit mental untuk bertemu pakar psikologi, pakar psikiatri dan kaunselor yang terlatih. Pesakit tidak boleh berdiam diri kerana sikap itu tidak membantu memulihkan mereka malah boleh menyebabkan keadaan menjadi semakin serius.

Dapatan kajian juga menekankan kepentingan mengenal pasti faktor kesihatan mental berpunca daripada faktor psikologi seperti pengherotan kognitif, personaliti dan mengalami simptom-simptom kesihatan mental, peranan keluarga dan pengalaman trauma masa silam. Faktor-faktor ini memberi tekanan dalam kehidupan dan merupakan pencetus kepada masalah kesihatan mental. Ini memerlukan individu menggunakan strategi daya tindak yang berkesan untuk mengatasi cabaran dan tekanan kehidupan yang dialami. Ada sesetengah individu dapat menangani masalah dengan baik, namun ada juga yang kecundang dan sukar mengatasi kesukaran hidup ini. Oleh itu, keluarga dan masyarakat sekeliling perlu memainkan peranan memberi bantuan dan tidak bersikap melabel apabila individu mengalami simptom-simptom kesihatan mental seperti tekanan, kebimbangan dan kemurungan. Ini boleh menjadi panduan bagi pihak MAIS membangunkan modul psikopendidikan kesihatan mental untuk

ibu bapa. Pengisian modul-modul pra-perkahwinan sedia ada yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) juga boleh ditambah baik dengan memasukkan komponen pengetahuan kesihatan mental.

Bahagian Pemulihan Ar-Riqab di bawah Sektor Pembangunan Sosial, MAIS mengendalikan individu yang terlibat dengan masalah sosial dan akidah (terbelenggu dengan amalan salah Islam). Umat Islam di negeri Selangor yang mempunyai isu kesihatan mental seperti kemurungan, kebimbangan, kecelaruan panik, kecelaruan obsesif kompulsif, kecelaruan stres selepas trauma, gangguan tidur dan sebagainya sehingga mendorong ke arah tindakan ingin membunuh diri kebanyakannya dimasukkan ke Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman yang terletak di Ulu Yam Baharu, Selangor. Antara rawatan yang diberikan adalah seperti program pemulihan dan rawatan spiritual Islam dengan menghadiri kelas-kelas bimbingan agama yang telah ditetapkan oleh pihak MAIS. Dicadangkan penceramah atau pegawai yang mengendalikan kelas-kelas bimbingan ini perlu mempunyai sikap empati yang tinggi, sentiasa bersikap lemah lembut dan mesra serta berhikmah ketika berurusan kerana golongan ini sangat "*fragile*" di mana golongan pesakit mental sangat sensitif serta mudah salah tafsir kata-kata yang diucapkan oleh orang normal kepada mereka.

RUMUSAN

Dapatan kajian ini telah mengenal pasti faktor-faktor penyumbang kepada kecenderungan bunuh diri. Faktor psikologi menunjukkan simptom kemurungan yang teruk, pengherotan kognitif dan pengalaman trauma masa silam merupakan faktor utama. Faktor sosial pula mendapati sokongan sosial yang rendah dan kesejahteraan kewangan boleh mempengaruhi keinginan bunuh diri. Faktor spiritualiti pula mendapati apabila individu mempunyai pengalaman kewujudan agama, ia boleh menjadi faktor pelindung daripada tingkah laku bunuh diri.

Hasil dapatan kajian ini telah memberi penekanan kepada pentingnya meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai kesihatan mental.

Beberapa cadangan telah diberikan untuk membantu individu yang berhadapan dengan masalah kesihatan mental seperti membangunkan modul yang lebih bersifat dinamik dan sesuai mengikut perkembangan dan perubahan diri manusia serta modul yang menekankan tentang pentingnya pesakit mental untuk bertemu pakar psikologi, pakar psikiatri dan kaunselor yang terlatih. Masyarakat juga perlu sedar bahawa walaupun individu mengalami masalah kesihatan mental, mereka boleh sembuh dan berfungsi seperti orang normal sekiranya mereka diberi bantuan dan sokongan.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang telah meluluskan Geran Penyelidikan yang telah didaftarkan dengan kod SK-2021-022 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyelidik juga mengucapkan terima kasih kepada semua responden kajian yang telah terlibat dalam kajian ini.

RUJUKAN

Abd. Halim & Abdul Mujib Adnan. (2018). Problematika hukum dan ideologi Islam radikal (Studi bom bunuh diri Surabaya). *Ulul Albab: Jurnal Studi dan Penelitian Hukum Islam,* 2(1), 31-61.

Ali Mohammadzadeh & Mahmoud Najafi. (2018). The comparison of death anxiety, obsession, and depression between Muslim population with positive and negative religious coping. *Journal of Religion and Health*, 59(2), 1055-1064.

Norharlina Bahar, Wan Salwina Wan Ismail, Nurulwafa Hussain, Jamaiyah Haniff, Mohamad Adam Bujang, Abdul Muneer Hamid, Yusni Yusuff, Norhayati Nordin & Nor Hayati Ali. (2014). Suicide among the youth in Malaysia: What do we know*?*. *Journal Asia-Pacific Psychiatry*, *7*(2), 223-229.

Carballo, J. J., Llorente, C., Kehrmann, L., Flamarique, I., Zuddas, A., Purper-Ouakil, D., Hoekstra, P. J., Coghill, D., Schulze, U. M. E., Dittmann, R. W., Buitelaar, J. K., Castro-Fornieles, J., Lievesley, K., Santosh, P. & Arango, C. (2020). Psychosocial risk factors for suicidality in children and adolescents. European child & adolescent psychiatry, 29(6), 759–776.

Chan, Y. Y., Lim, K. H., Teh, C. H., Kee, C. C., Sumarni Mohd Ghazali, Lim, K. K., Noor Ani Ahmad & Normala Ibrahim. (2018). Prevalence and risk factors associated with suicidal ideation among adolescents in Malaysia. *International Journal of Adolescent Medicine and Health*, 30(3).

Creswell, J., & Plano Clark, V. (2014). *Designing and conducting mixed methods research* (2nd Ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.

Dervic, K., Oquendo, M. A., Grunebaum, M. F., Ellis, S., Burke, A. K., & Mann, J. J. (2004). Religious affiliation and suicide attempt. *American Journal of Psychiatry*, 161(12), 2303-2308.

Ehrampoush Mohammad Hasan, Seyed Ziaeddin Tabei, Seyed Saeed Mazloomy Mahmoodabad, Hossein Fallahzadeh, Mohammad Nami, Elnaz Khayer, Seyede Zahra Ghaemi, Mahtab Matin, & Forouhari Sedighe. (2017). A study of comparing two cognitive-behavioral workshops for college students: Sleep, wakefulness program and perseverance program. *Journal of Family Medicine and Primary Care*, 8(3), 1222-1226.

Fajri Matahati Muhammadin. (2020). Limits of deception in Islamic laws of war: The case of civilian disguises in suicide attacks. *Ulul Albab: Jurnal Studi dan Penelitian Hukum Islam,* 4(1), 103-131.

Forster, M., Grigsby, T.J., Gower, A.L. *et al.* (2020). The role of social support in the association between childhood adversity and adolescent self-injury and suicide: Findings from a statewide sample of high school students. *Journal of Youth & Adolescence,* 49, 1195–1208.

Norhayati Ibrahim, Noh Amit, & Suen., M. W. Y. (2014). Psychological factors as predictors of suicidal ideation among adolescents in Malaysia. *Plos One, 9*(10), e11067.

Imam Zarkasyi Mubhar. (2019). Bunuh diri dalam Al-Qur`an (Kajian *Tahlîlî* QS. Al-Nisâ'/4: 29-30). *Jurnal al-Mubarak,* 4(1), 42-57.

Irwan Budi Nugroho. (2020). Euthanasia dan bunuh diri ditinjau dari hukum Islam dan hukum yang berlaku di Indonesia. *Jurnal Studi Islam dan Sosial,* 13(2), 77-90.

Kleiman, E. M., & Liu, R. T. (2013). Social support as a protective factor in suicide: Findings from two nationally representative samples. *Journal of Affective Disorders*, 150(2), 540-545.

Kleiman, E. M., & Riskind, J. H. (2012). Utilized social support and self-esteem mediate the relationship between perceived social support and suicide ideation: A test of a multiple mediator model. *Crisis: The Journal of Crisis Intervention and Suicide Prevention*, 34(1), 1-8.

Koenig, H. G. (2009). Research on religion, spirituality, and mental health: A review. *Canadian Journal of Psychiatry*, 54(5), 283–291.

Lawrence, R. E., Brent, D., Mann, J. J., Burke, A. K., Grunebaum, M. F., Galfalvy, H. C., & Oquendo, M. A. (2016). Religion as a risk factor for suicide attempt and suicide ideation among depressed patients. *The Journal of Nervous & Mental Disease*, 204(11), 845–850.

Le, M. T., Nguyen, H. T., Tran, T. D., & Fisher, J. R. (2012). Experience of low mood and suicidal behaviors among adolescents in Vietnam: Findings from two national population-based surveys. *The Journal of Adolescent Health: Official Publication of the Society for Adolescent Medicine,* 51(4), 339–348.

Meadows, L. A., Kaslow, N. J., Thompson, M. P., & Jurkovic, G. J. (2005). Protective factors against suicide attempt risk among African American women experiencing intimate partner violence. *American Journal of Community Psychology*, 36(1), 109–121.

Muh. Yunan Putra. (2019). Hukum bunuh diri seorang wanita ditawan khusus untuk memuaskan nafsu. *Sangaji Jurnal Pemikiran Syariah dan Hukum,* 3(1), 22-43.

Nur Oktavia Hidayati, Fauziah Falah Hanafilah, Ivana Sundari, Sri Purnama Alam & Venna Noer Fadillah. (2021). Aspek spiritual terhadap resiko bunuh diri narapidana. *Jurnal Keperawatan Jiwa (JKJ): Persatuan Perawat Nasional Indonesia*, 9(3), 703-710.

Perlman, C., Neufeld, E., et al. (2011). Suicide risk assessment inventory: A resource guide for Canadian health care organizations. Toronto, Ontario, Ontario Hospital Association and Canadian Patient Safety Institute.

World Health Organization (WHO). (2014). *Preventing suicide: A global imperative*. World Health Organization, Geneva.

Prima Kusumastuti, Innawati Jusup, Alifiati Fitrikasari & Titis Hadiati. (2021). The relationship between perceived social support with suicidal ideation. *Diponegoro International Medical Journal (DIMJ),* 2(2), 41-45.

Riabchych, Y., & Kapkan, M. Y. (2021). The social and psychological factors of youth's suicidal behaviour. *Psychological Journal, 7*(1), 9-19.

Shin, Y., Lee, D., Seol, J., & Lim, S. (2017). What kind of stress is associated with depression, anxiety and suicidal ideation in Korean employees? *Korean Med Sci,* 32, 843-849.

Stroppa, A., & Moreira-Almeida, A. (2013). Religiosity, mood symptoms, and quality of life in bipolar disorder. *Bipolar Disorders*, 15, 385-393.

Suicide Prevention Resource Center. (2003). *Risk and protective factors for suicide*. http:// www.sprc.org/library_resources/items/risk-and-protective-factors-suicide.

Yang, B., & Clum, G. A. (1994). Life stress, social support, and problem-solving skills predictive of depressive symptoms, hopelessness, and suicide ideation in an Asian student population: A test of a model. *Suicide and Life-Threatening Behavior,* 24(2), 127–139.

Yoyo Hambali. (2010). Hukum bom bunuh diri menurut Islam radikal dan Islam moderat. *Maslahah*, 1(1), 40-64.

Zhao, T., Liu, H., Roeder, K., Lafferty, J., & Wasserman, L. (2012). The huge package for high-dimensional undirected graph estimation. *Journal of Machine Learning Research,* 13, 1059–1062.

BIODATA KETUA PENYELIDIK

KAJIAN AMALAN INTEGRITI AHLI JAWATANKUASA DILANTIK OLEH MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR (MAIS) BAGI TANGGUNGJAWAB MASJID DAN SURAU DI NEGERI SELANGOR

SAHLAWATI ABU BAKAR (Ph.D) seorang pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor. Berkelulusan Doktor Falsafah Pengajian Islam (Pengajian al-Quran dan al-Sunnah), Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara bidang kepakaran beliau adalah Tafsir Mawdu'i, Ulum Al-Quran, Usul Tafsir, Tafsir al-Quran, Pengimarahan Masjid dan Metodologi Penyelidikan (Pengajian Islam).

KAJIAN PENILAIAN PENGANJURAN FESTIVAL BON ONDORI DI MALAYSIA DARI ASPEK KEAGAMAAN DAN KEBUDAYAAN

MOHD ABDUL NASIR ABD LATIF (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau merupakan pensyarah dalam bidang pengajian Islam dengan berlatarkan pendidikan Sarjana Muda di Yarmouk Universiti Jordan, Diploma Pendidikan di UIAM, Ijazah sarjana di UKM dan Ijazah Kedoktoran di Universiti. Malaya. Selain daripada menjawat jawatan akademik, beliau juga merupakan Pengarah di Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

KAJIAN MENEROKA FAKTOR PSIKOSOSIOSPRIRITUAL BUNUH DIRI DI KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGERI SELANGOR

WAN SHAHRAZAD WAN SULAIMAN (Ph.D) merupakan Profesor Madya di Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau berkelulusan PhD daripada International Islamic University Malaysia (IIUM) dalam bidang Psikologi. Kepakaran beliau adalah berkaitan dengan aplikasi ujian psikologi dalam kalangan kumpulan berisiko. Beliau juga adalah Timbalan Dekan (Prasiswazah), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Beliau telah dilantik sebagai Presiden Persatuan Psikologi Malaysia (PSIMA) 2021-2023 dan Setiausaha Agung untuk Asean Regional Union of Psychologcial Societies (ARUPS) 2023-2025.

PUSAT PENYELIDIKAN

MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
WISMA MAIS, SEKSYEN 3
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3400
E-mel : penyelidikan@mais.gov.my

ISSN 3030-6477
9 773030 647002